


Jilid IV  
Bil. 48



Hari Isnin  
21hb November, 1994

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL KEEMPAT**  
*Fourth Session*

Jilid IV  
Bil. 48



Hari Isnin  
21hb November, 1994

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*House of Representatives*

PARLIMEN KELAPAN  
*Eighth Parliament*

PENGGAL KEEMPAT  
*Fourth Session*

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 7753]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1995 [Ruangan 7793]**

**Jawatankuasa—**

**Jadual:**

**Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11,  
B. 12 dan B. 13 [Ruangan 7797]**

**USUL-USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1995 [Ruangan 7793]**

**Jawatankuasa—**

**Maksud P. 7 dan P. 8 [Ruangan 7797]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG KEEMPAT

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.L., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,  
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR  
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.  
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.  
(Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.G.S.M.,  
S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,  
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T.,  
P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S.,  
D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S. B.S.I. (Pulau).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang. DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BABAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.L. (Ledang).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi. DATUK OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K., J.P. (Penampang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua. TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. DATO' MOHD. TAOR ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.S.S.A., D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHD. FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. P.J.K. (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S, A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR T. MARIMUTHU, K.M.N., S.D.K. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATUK MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, D.S.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ DATUK HAJI IBRAHIM BIN ALI, D.M.S.M. (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ DATUK MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

Yang Berhormat DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP, D.S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ CIK SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

Yang Berhormat DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- .. WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- .. WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- .. TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- .. WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- .. TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- .. DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- .. TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- .. TUAN WONG WING ON (Kampar).
- .. TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- .. TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- .. TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- .. TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,  
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Penolong Penyunting : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

- Haji Suhor bin Husin.  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.  
Supiah binti Dewak.  
Ismail bin Haji Hassan.  
Hajah Kelsom binti Ghazali.  
Mohamed bin Osman.  
Norishah binti Mohd. Thani.  
Zaharah binti Naim.  
Su Soon Chuan.  
Norwahidah binti Azizi.  
Rozita binti Abd. Samad.  
Jainah binti Sakimin.  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

- Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Isnin, 21hb. November, 1994

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

BAHASA INGGERIS/MATEMATIK  
— KELEMAHAN PELAJAR

1. **Datuk Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan/peratusan kelulusan murid sekolah kebangsaan mengikut mata pelajaran berbanding Sekolah Rendah, SRJK (C) dan SRJK (T) dalam peperiksaan UPSR 1993; dan
- (b) sebab-sebab kelemahan murid-murid Sekolah Kebangsaan dalam mata pelajaran bahasa Inggeris dan Matematik.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Perbandingan kelulusan murid dalam peperiksaan UPSR 1993 antara Sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) hanya boleh dibuat bagi Matematik sahaja kerana ia merupakan kertas pada tahap yang sama diambil oleh murid ke tiga-tiga

aliran tersebut. Kelulusan Matematik murid Sekolah Kebangsaan adalah 63.1% manakala SRJK(C) adalah 87.6% dan SRJK(T) adalah 55.8%.

- (b) Antara kelemahan murid Sekolah Kebangsaan dalam mata pelajaran bahasa Inggeris adalah disebabkan kurangnya penggunaan bahasa itu di kalangan mereka baik di sekolah, dalam keluarga, mahupun di kalangan masyarakat. Mereka juga kurang berpeluang membaca, bertutur, mendengar dan menulis dalam bahasa Inggeris. Ini menyebabkan penguasaan bahasa Inggeris kurang mantap. Kelemahan murid sekolah kebangsaan dalam mata Pelajaran Matematik pula adalah disebabkan kelemahan mereka dalam kemahiran asas dan kurang berupaya mengaitkan kebolehan sedia ada dengan permasalahan yang dikemukakan.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan kelemahan-kelemahan yang timbul kepada murid-murid bumiputera khususnya di sekolah-sekolah rendah mengenai bahasa Inggeris dan Matematik. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu apakah langkah-langkah yang bijaksana dan positif yang diambil untuk mengembalikan kecerdikan mereka dalam mata-mata pelajaran ini dan di manakah guru yang benar-benar orang Inggeris mengajar di sekolah di Semenanjung?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi kelemahan murid-murid Sekolah Kebangsaan dalam mata pelajaran bahasa Inggeris dan Matematik, ini bukan sahaja Sekolah Kebangsaan tetapi sekolah menengah termasuklah sekolah rendah juga ialah:

- (i) menyediakan bahan-bahan pengajaran dan bacaan;
- (ii) mengadakan Rancangan Bahasa Inggeris di Radio dan TV Pendidikan;
- (iii) mengadakan rancangan bacaan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum dan pertandingan-pertandingan bahasa Inggeris dan kempen bahasa Inggeris;
- (iv) menubuhkan pasukan-pasukan Teacher's Support Team di peringkat negeri dan daerah.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan guru-guru bahasa Inggeris ini, suka dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan sedang mengadakan satu rancangan yang luas untuk memberi latihan yang secukupnya kepada calon-calon supaya kita ada guru-guru yang mempunyai kemahiran dalam bahasa Inggeris yang cukup untuk sekolah menengah dan sekolah rendah.

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soal program, soal aktiviti, soal cikgu ini sudah banyak ditimbulkan dari tahun ke tahun. Tetapi dari segi pelaksanaannya saya lihat dalam kawasan Parlimen Parit, kawasan Parlimen lain saya tidak tahu; pelaksanaannya, bilangan cikgunya sama ada dalam Matematik dan bahasa Inggeris yang mana merupakan masalah yang besar. Kalau adapun sekadar melepaskan batuk di tangga dan terbukti nyata tiap-tiap tahun keputusannya dalam mata-mata pelajaran bahasa

Inggeris dan Matematik memang 20%–30% sahaja yang lulus. Jadi, saya minta kesahihan di atas kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan penjelasan juga.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang proses mempertingkatkan penguasaan bahasa, proses mempertingkatkan mutu pendidikan merupakan satu misi yang kita semua ingin lihat. Jadi, dalam proses ini Kementerian Pendidikan akan seterusnya mengadakan satu kempen secara besar-besaran untuk menggalakkan lebih ramai pemuda-pemudi kita memasuki bidang pendidikan untuk menjadi guru-guru terlatih.

Selain daripada itu juga, seperti yang saya telah terangkan tadi khususnya dari segi penguasaan bahasa, kita juga perlu kerjasama dari keluarga, dari masyarakat khususnya di waktu-waktu luar sekolah di mana kita juga ingin supaya keluarga dan ibu bapa memberi galakan kepada murid-murid kita menggunakan bahasa-bahasa seperti bahasa Inggeris dengan betul dan mengadakan kegiatan-kegiatan dalam keluarga yang menggalakkan anak-anak kita mempertingkatkan penguasaan mereka khususnya dari segi Matematik dan sebagainya. Kita yakin dengan kerjasama sepenuh-penuhnya kita boleh capai misi kita.

#### KONSEP SYUMUL DALAM ISLAM — PENERAPAN

**2. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bersetuju Islam itu syumul maka berwibawa untuk semua aspek hidup termasuk politik. Oleh itu apakah beliau masih berpendapat politik dan Islam harus dipisahkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman):** Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya Ahli Yang Berhormat itu meminjam istilah syumul daripada parti PAS dengan

kefahaman yang salah. PAS menggunakan perkataan yang baik dengan tujuan yang jahat, maka ramailah orang yang terpengaruh dengan mereka menunjukkan sikap yang sama.

Syumul bererti meliputi semua perkara yakni komprehensif, yakni Islam meliputi hal keduniaan dan akhirat. Kedua-duanya disuruh oleh Islam supaya umat Islam mencapai kehidupan yang baik seperti mana yang kita berdoa "Rabbana atina fiddunia hasanah, wafilakhirati hasanah".

Dalam istilah ilmu, hal-hal akhirat dipanggil fardu ain dan hal-hal dunia dipanggil fardu kifayah. Hal-hal dunia yakni "Umuruldunia" diusahakan oleh kerajaan setiap masa. Dalam istilah pentadbiran dipanggil pembangunan. Semua pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan adalah bagi mencapai "Hasanah fiddunia". Di samping itu, hal-hal akhirat tidaklah diabaikan.

Politik termasuk di dalam "Umuruldunia" yakni hal-hal keduniaan. Politik dalam makna yang luas ialah mencari jalan untuk kesejahteraan ummah dari segenap segi kehidupan di dunia ini. Maka inilah yang diperjuangkan oleh Barisan Nasional, oleh UMNO. (*Tepuk*) Inilah erti politik dalam makna yang luas. Dalam hal ini Barisan Nasional tidak pisahkan dari Islam malah memperjuangkannya.

Barisan Nasional berpegang dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yakni hal-hal politik umat Islam adalah termasuk dalam pentadbiran hal-hal dunia yakni "Umuruldunia". Maka bagi menjalankan hal ini hendaklah diambil kira segala suasana yang ada supaya umat Islam sentiasa tinggi kedudukannya dari segenap segi kehidupan. Oleh itu tidak timbullah soal memisahkan politik dari Islam malah menjadi amalan Barisan Nasional bahawa politik dan Islam itu

bersatu. Malangnya parti politik PAS dan diikuti oleh Semangat 46 tidak mengambil pendapat Ahli Sunnah Wal Jamaah bahkan mengambil pendapat lain di dalam Islam yang menjadikan hal-hal pentadbiran dunia sebahagian daripada iman. Maka apabila tersalah pembawaan di dalam hal-hal pentadbiran dunia, dianggap salah dari segi akidah.

Pemimpin-pemimpin PAS cuba membawa ahli-ahli kepada fahaman yang sempit bahawa politik yang ditonjolkan oleh Islam ialah parti PAS. PAS hanya satu parti politik yang berjuang untuk mendapat kemenangan dalam politik di Malaysia. Tidaklah ianya menepati politik yang dimaksudkan di dalam Islam. Oleh itu, saya nasihatkan Ahli Yang Berhormat daripada Semangat 46, jangan ikut-ikutan tidak tentu kalau tidak mengerti. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Barisan Nasional ataupun UMNO telah diberi kepercayaan untuk memimpin negara dalam tempoh 30 tahun lebih, dalam masa itu masih lagi terdapat perkara-perkara yang diharamkan oleh Islam seperti kebenaran kilang arak, masih ada lagi tempat-tempat pelacuran dan tempat-tempat hiburan yang diharamkan oleh Islam. Adakah dalam perkara ini mengikut pendapat Islam yang ditafsirkan oleh kerajaan dalam mazhab Ahli Sunnah ataupun dalam mana-mana mazhab Ahli Sunnah yang boleh mengizinkan perkara tersebut dilaksanakan oleh Islam. Bolehkah Yang Berhormat dapat memberi hujah-hujah dalam perkara yang boleh diizinkan sehingga perkara yang diharamkan secara nas itu, yang difahami oleh orang awam tetapi masih tidak difahami oleh pemerintah. Adakah perkara ini termasuk dalam mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah?

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Ya, memang termasuk dalam mazhab Ahli Sunnah kerana Al-Quran dengan nyata mengatakan (*Membaca petikan ayat Al-Quran*) yang bermaksud: Allah tidak mewajibkan sesuatu pelaksanaan kecuali dalam lingkungan kemampuannya. Pendekatan Barisan Nasional (UMNO) ialah pendekatan pendidikan. Ada negara-negara Islam mengamalkan pendekatan kekuasaan military, presidential decre ataupun dengan kuasa pemerintah yang kasar, cuba melaksanakan Islam tetapi mereka gagal. Ini menjadi pedoman kepada Malaysia yang merdeka selepas kegagalan beberapa negara Islam, supaya kita memimpin negara ini dengan mencapai kemajuan yang baik. Pendekatan UMNO dan Barisan Nasional ialah pendekatan pendidikan, kita mendidik ummah.

Pada satu ketika dahulu, barangkali Ahli Yang Berhormat pun sama-sama dengan saya juga, kita sama-sama menjadi guru agama, kita mengajar budak-budak sekolah Tingkatan Empat, pendekatan kita ialah kita masukkan agama dalam sistem pendidikan nasional. Salah satu elemen yang kita ajar ialah tentang riba.

Kita mengajar ayat mengenai haram riba ini mulai tahun 1962. Pada masa itu guru-guru agama yang radikal mencadangkan tidak perlu kita masukkan ayat mengharamkan riba ini dalam sukatan kurikulum kerana mustahil kerajaan akan menjadikan usaha menghapuskan riba dalam negara yang bercampur-aduk semacam ini. Tetapi alhamdulillah, cadangan itu tidak dapat diterima oleh kawan-kawan yang berfikiran waras. Kita kata boleh jadi pada satu ketika, anak murid yang kita ajar ini mereka akan menjadi ahli-ahli korporat dan ahli-ahli kewangan. Mereka akan mematuhi ajaran dan pendidikan yang diberikan kepada mereka dan insya-Allah mereka cuba laksanakan.

Alhamdulillah 20 tahun selepas itu, dalam tahun 1981 kita cuba menonjolkan unsur-unsur bank tanpa riba, Bank Islam. Dengan penuh gentar boleh jadi kita tidak berjaya. Tetapi 10 tahun kemudian, tahun 1991 sudah 30 institusi cuba menjalankan. Inilah pendekatan Barisan Nasional, cara yang harmonis, tidak menggegarkan tetapi mencapai kejayaan. Kita pun hairan (*Tepuk*) mengapa bank-bank yang dimiliki oleh yang bukan Islam turut mengemukakan muamalah ini dan orang-orang yang bukan Islam juga turut menjadi customer dalam sistem ini.

Itulah jawapan kita bahawa pendekatan kita ialah pendekatan pendidikan, bukan pendekatan gopoh-gapah yang boleh menimbulkan kekacauan tetapi oleh kerana orang yang berhasrat menang dalam pilihan raya, gunalah perkara yang baik untuk tujuan yang jahat. Itu sahaja. (*Tepuk*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana jawapan yang begitu baik dan menarik yang saya rasa boleh dimasukkan dalam *Harakah* untuk menjadi pedoman kepada semua umat Islam yang mengikut PAS.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat ada menyebutkan yang pertama tadi bahawa soalan ini telah disampaikan oleh seorang yang tidak erti tentang Islam, tidak faham makna syumul. Ini orang Semangat 46, orang yang menyokong PAS sendiri pun tidak faham tentang apa yang dia harus tanya oleh kerana mereka telah dikelirukan dengan pemikiran bahawa Islam itu PAS dan PAS itu Islam.

Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat adakah kerajaan, hari ini secara rasminya kerajaan bercadang untuk mengelakkan daripada umat Islam keliru dengan pemakaian Islam dalam

sebuah parti politik iaitu PAS, supaya mengeluarkan perkataan Islam oleh kerana Yang Berhormat telah mengambil tindakan kepada Arqam. Kalau Arqam itu parti politik, kalau Asaari itu presiden parti Arqam, apakah Yang Berhormat juga takut untuk mengambil tindakan kepada Arqam. Adakah kita takut kerana PAS ini parti politik, kita tidak mengambil tindakan?

Jadi, dari segi keadilan adakah Kerajaan Barisan Nasional bercadang untuk mengeluarkan perkataan Islam daripada nama PAS itu untuk mengelakkan kekeliruan umat Islam dari segala segi termasuk akidah, termasuk Ahli Semangat 46 yang bertanya soalan itu tadi?

Yang kedua, apakah kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan kepada mereka yang terlibat oleh kerana pemersionan pemikiran mereka dari segi Islam yang telah dianjurkan oleh PAS, mengambil tindakan kepada mereka yang menyebarkan surat layang dan juga surat terbuka termasuk kepada seorang wanita iaitu Ahli Semangat 46 dari Kota Bharu yang mengedar gambar Perdana Menteri di Parlimen ini. Apakah jenis perempuan ini? Apakah bentuk orang yang macam ini, yang sanggup membuat perkara-perkara yang begitu keji tanpa memikirkan apa yang berlaku di rumahnya? Adakah kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan?

Saya juga hendak memberitahu Yang Berhormat, saya juga menerima surat layang dan juga gambar lucuh yang saya menuduh secara rasmi di Parlimen ini, mungkin ada Ahli Parlimen PAS tidak termasuk dua orang yang di depan ini, di belakang sana terlibat, adakah kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan

kepada mereka oleh kerana apabila saya berucap itu, ada penyokong dia di belakang dan saya tengok surat yang dihantar daripada Peringkat Kelantan itu, kemungkinan merekalah mastermindnya.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau. Bahawa seperti mana yang kita maklum, apabila parti politik itu menggunakan agama Islam boleh mengelirukan umat Islam kerana umat kita sangat kasih kepada agama dan orang kita dari segi agama tidak begitu mendalam.

Pendekatan kita dan Kerajaan Barisan Nasional selalunya ialah dengan cara pendidikan. Kita cuba mendidik PAS dan orang PAS memberi faham bahawa parti ini didaftarkan semasa penjajahan. Penjajah memang menggalakkan menggunakan agama Islam bagi parti di Malaysia supaya ada perpecahan di umat Islam. Dengan itu, pilihan raya yang kita ada dalam tahun 1955 gagal untuk menggariskan panduan ke arah Malaya Merdeka. Jadi, tujuan itu ialah tujuan penjajah. Maka kita sukarlah memberi panduan kepada PAS. Kalau kita sama-sama sedar bahawa ini perbuatan penjajah, kita sama-sama pakat menggugurkan perkara-perkara yang boleh mengelirukan umat Islam.

Jadi, kerajaan akan menimbangkan perkara ini dengan serius kerana ini boleh memberi satu kesan buruk dan ini boleh menjatuhkan keruntuhan umat Islam seluruhnya. Inilah kejatuhan umat Islam yang telah lepas. Berlakunya ialah bukan dari luar, ia dari kekacauan dari dalam oleh orang yang dari dalam untuk membina sebuah umat Islam yang kuat.

Dalam istilah sejarah umat Islam, kumpulan yang serupa ini dipanggil "Khawarij". Orang yang duduk dalam temporary check-out, mental duduk di luar, tidak masuk di dalam kumpulan ummah.

Jadi, mengenai perkara yang kedua, perbuatan yang jahat itu, siapa yang melakukan, itu adalah satu fitnah. Fitnah yang serupa ini, perbuatan yang serupa ini ialah perbuatan orang fasik. Siapa yang buat itulah orang fasik kerana tidak menuduh seorang Islam melakukan kesalahan kalau dia tidak ada bukti, apatah lagi kalau disebarkan kepada kumpulan intelek seperti kumpulan ini. Terima kasih. (*Tepuk*)

#### **CUKAI IMPORT PERALATAN KESIHATAN — MENGURANGKAN**

**3. Tuan G. Palanivel** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kementerianya mempertimbangkan untuk memansuhkan ataupun kurangkan cukai import atas peralatan menjaga kesihatan seperti peralatan yang digunakan oleh penghidap penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit lelah (asthma).

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan memang memberi pertimbangan untuk memansuh atau mengurangkan duti import atas peralatan menjaga kesihatan diri dari masa ke semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, duti import ke atas kebanyakan peralatan menjaga kesihatan diri telah dihapuskan, manakala sebahagiannya pula tertakluk kepada duti import yang rendah.

Berkenaan dengan peralatan yang ditanya seperti peralatan yang digunakan untuk penghidap penyakit kencing manis, ada tiga jenis, import dutinya telah

dihapuskan. Untuk darah tinggi pun telah dihapuskan dan untuk lelah, satu daripada tiganya telah dihapuskan dan dua daripadanya hanya dikenakan duti import 5% sahaja dan itu pun kita sedang timbang untuk menghapuskan semuanya. Terima kasih.

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada alat-alat kesihatan, saya juga ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa bolehkah kementerian tersebut memberi pertimbangan untuk memberi pengecualian cukai kepada doktor-doktor dan hospital-hospital swasta yang memberi rawatan percuma kepada pesakit miskin? Langkah seperti ini bukan sahaja memberi satu galakan tetapi juga selaras dengan konsep mewujudkan masyarakat penyayang.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengecualian cukai ke atas hospital-hospital swasta supaya perkhidmatan perubatan yang diberikan itu dikecualikan cukai, saya ingin mengatakan bahawa kita harus melihat keadaan itu. Hospital swasta yang mana, seperti namanya menunjukkan hospital swasta, jadi apabila hospital itu mendapat faedah, hospital itu kena bayar cukai tetapi ubat-ubat yang digunakan itu tidak dikenakan cukai dan sebagainya. Jadi, kita lihat case-to-case.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

(*Soalan No. 4 — Y.B. Tuan R. Karpal Singh tidak hadir*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap.

(*Soalan No. 5 — Y.B. Datin Paduka Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap tidak hadir*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Jendol.

*(Soalan No. 6 — Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol tidak hadir)*

**KAWALAN PELEPASAN ASAP  
KENDERAAN — KEBERKESANAN**

**7. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian dalam usaha bekerjasama dengan Kementerian Sains dan Teknologi dalam menangani masalah kenderaan melepasi syarat emisi asap Jabatan Alam Sekitar;
- (b) perlukah Jabatan Pengangkutan Jalan mengetatkan lagi peraturan-peraturan yang lama untuk tujuan meningkatkan lagi operasi mengesan dan mengawasi kenderaan diesel sebagai langkah membantu mengurangkan masalah jerebu; dan
- (c) adakah kementerian bersetuju dengan cadangan operasi mengawal asap dari kenderaan-kenderaan ini dijalankan dengan aktifnya dari masa ke semasa supaya dapat mengawal pencemaran keseluruhan dan tidak hanya pada masa masalah jerebu melanda.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pengangkutan sememangnya bekerjasama dengan Kementerian Sains dan Teknologi

dalam menangani masalah kenderaan melepaskan asap berlebihan dengan meningkatkan penguatkuasaan. Dalam perkara ini, JPJ telah menubuhkan 33 pasukan penguatkuasaan bagi menangani masalah ini.

- (b) Selain daripada membuat penguatkuasaan yang lebih kerap seperti yang telah sama-sama kita dengar iaitu apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan baru-baru ini, ada disebut mengenai pengecualian 50% cukai bagi enjin-enjin diesel generasi baru. Ini adalah menggalakkan orang ramai menukar kepada enjin diesel generasi baru kerana ianya adalah lebih dikenali sebagai "green engine" kerana ianya "environmentally friendly", dengan izin, dan ini diiktiraf oleh ISI dalam rangka penjagaan alam sekitar. Enjin jenis baru ini mempunyai ciri-ciri antaranya, mempunyai efficiency yang tinggi, kuasa yang kuat dari segi power output, dengan izin, keluaran asap yang rendah.
- (c) Kaedah-kaedah kenderaan diesel generasi baru telah disediakan oleh Kementerian Pengangkutan untuk disemak oleh Jabatan Peguam Negara.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah kerajaan akan

mengadakan peraturan atau undang-undang untuk menggunakan kenderaan-kenderaan ini menggunakan gas asli kerana kita mempunyai gas yang berlebihan — simpanan gas? Jadi, penggunaan gas, tidak gunakan minyak diesel, tidak gunakan petrol. Dan setakat manakah kajian-kajian kereta yang menggunakan sistem elektrik ini?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, ini semua di luar bidang kuasa Kementerian Pengangkutan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa enjin generasi baru diesel dikecualikan 50% cukai, bolehkah saya bertanya Yang Berhormat, kereta lama seperti kereta Mercedes Benz lama dan lori lama, bolehkah mereka ini menukar kepada enjin generasi baru dan pertukaran ini boleh dapat nikmat kekurangan cukai atau tidak? Yang Pertama.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan peraturan kenderaan mengeluarkan asap hitam yang lebih, JPJ hanya memakai mata sahaja untuk menahan lori-lori dan kereta-kereta yang mengeluarkan asap hitam. Adakah ini satu tindakan yang adil di mana ia tidak perlu memakai alat-alat uji?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai menukar enjin lama kepada enjin baru, hendak dapat nikmat cukai terpaksa dirujuk kepada Kementerian Kewangan.

Yang keduanya peraturan menguatkuasakan asap dengan cara 'visual method', dengan izin, ini adalah dilakukan di Kuala Lumpur dan di Lembah Klang

sahaja. Ini disebabkan 700,000 kenderaan tiap-tiap hari masuk ke Kuala Lumpur dan kalau kita tahan kenderaan yang kita nampak mengeluarkan asap yang berlebihan ianya akan mengendalakan kelincinan, kelancaran perjalanan kenderaan. Jadi, itu sebabnya kita gunakan 'visual method' dan ianya diambil gambar takut nanti kalau dengan cara menggunakan mata dari segi penguatkuasaannya nanti tidak percaya pula tuan punya lori. Jadi, itu sebabnya kita gunakan cara itu, kerana tidak mahu mengganggu lalu lintas dan kita mesti menjalankan penguatkuasaan dalam Lembah Klang terutamanya kerana 700,000 kenderaan tiap-tiap hari masuk ke Kuala Lumpur.

#### **PETRONAS — PAMPASAN KEPADA PENDUDUK DI PANTAI KUNDUR/PANTAI TANAH MERAH**

**8. Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah pampasan yang dibayar oleh PETRONAS kepada Kerajaan Negeri Melaka untuk mengambil tanah penduduk di Pantai Kundur dan Pantai Tanah Merah negeri itu;
- (b) apakah kerajaan sedar bahawa bayaran pampasan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Melaka kepada penduduk yang terlibat adalah jauh lebih rendah daripada apa yang diberikan oleh PETRONAS kepada Kerajaan Negeri itu; dan
- (c) apakah benar hampir semua penduduk yang terlibat dengan pengambilan semula tanah itu terdiri daripada orang Melayu.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pampasan yang dibayar kepada semua pemilik tanah/rumah Kampung Pantai Kundur dan Kampung Tanah Merah berjumlah RM35.9 bilion, di mana sebanyak RM24.7 juta adalah untuk tanah dan selebihnya iaitu sebanyak RM11.3 juta adalah untuk rumah, peralatan menangkap ikan dan lain-lain.
- (b) semua bayaran pampasan bagi tanah di Kampung Pantai Kundur dan Kampung Tanah Merah telah dikeluarkan melalui cek, di atas nama pemilik tanah yang terlibat.
- (c) berdasarkan kepada maklumat yang didapati dari Pejabat Tanah Daerah Melaka Tengah, majoriti penduduk yang terlibat dalam urusan pengambilan balik tanah di Kampung Pantai Kundur dan Kampung Tanah Merah seramai 277 daripada jumlah keseluruhan, seramai 290 keluarga adalah orang Melayu.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Menteri, kita dapati bahawa segala pampasan dilakukan secara teratur dan tersusun. Jadi, saya ingin tahu apakah pandangan Yang Berhormat Menteri mengenai tindakan parti-parti Pembangkang yang mempolitikkan isu ini sebagai satu isu untuk mendapat perhatian politik daripada masyarakat setempat?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pihak parti Pembangkang pada masa ini tidak mempunyai modal untuk diketengahkan, maka mereka telah mengguna-

kan perasaan untuk mencari keuntungan politik. Pada saya ini adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab. Yang seharusnya, mereka mencari pendamaian untuk menyelesaikan masalah ini. Pengambilan tanah telah dijalankan mengikut proses undang-undang dengan baik dan sempurna.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri boleh cakap besar, tetapi dia tidak pernah pergi melawat Kampung Pantai Kundur dan Pantai Tanah Merah. (*Ketawa*) Kalau berani pergilah melawat. (*Ketawa*) Janganlah membuat omong-omong kosong di sini.

**Beberapa Ahli:** Apakah soalan? (*Ketawa*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Lawatlah kalau berani? Saya boleh ikut sama — tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri yang berani ialah tentang memandangkan bahawa pampasan yang dibayar oleh PETRONAS kepada Kerajaan Negeri Melaka adalah dalam lingkungan RM70 juta, dan yang dibayar kepada penduduk ialah sebanyak RM25 juta, juga ada sebahagiannya dibayar kepada para nelayan. Adakah beliau sedar bahawa mereka yang duduk di kawasan situ tidak semuanya nelayan. Saya tidak tahu sama ada nelayan di kawasan itu atau nelayan mana yang dapat pampasan, kerana yang buat aduan ialah nelayan di tempat itu yang tidak mendapat pampasan? Bolehkah Yang Berhormat memberi butir-butir yang lebih lanjut mengenai perkara ini dan juga pampasan tanah yang dibayar kepada tuan punya tanah? Berapakah di antaranya yang masih belum berpindah bukan 10%, tetapi lebih daripada itu?

Yang kedua, adakah beliau setuju dan sedar bahawa pihak Kerajaan Negeri Melaka telah menyatakan hendak menyambung balik bekalan api, air dan juga untuk menilai semula — dengar baik-baik, menilai semula tanah supaya perkara ini dapatlah diatasi. Bukankah ini menunjukkan bahawa tuntutan penduduk adalah berpatutan, kerana kalau tidak, takkanlah nilai tanah tersebut akan dinilai semula.

Saya ingin memperingatkan kerana Yang Berhormat Menteri suka hentam saya, bahawa saya atau pihak Pembangunan membuat ucapan yang mengapi-apikan penduduk. Ini tidak benar langsung.

**Seorang Ahli:** Tidak ada asasnya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Dan saya bercakap secara jujur.

**Seorang Ahli:** Soalan!

**Tuan Lim Guan Eng:** Kerana kita sama-sama gentleman, bahawa perkara ini ialah . . . . .

**Seorang Ahli:** Soalan!

**Tuan Lim Guan Eng:** Lanjutan daripada perjuangan penduduk kampung. DAP tidak masuk. Hanya selepas api dan air dipotong oleh bekas Ketua Menteri Melaka barulah mereka meminta DAP masuk dan saya harap Yang Berhormat Menteri sedar tentang perkara ini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Hey! Soalanlah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Kerana perkara ini ialah membabitkan . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Soalan! Soalan!

**Tuan Lim Guan Eng:** Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

**Beberapa Ahli:** (*Mengganggu*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat-Yang Berhormat!

**Seorang Ahli:** Soalanlah!

**Tuan Lim Guan Eng:** . . . . . dan beliau jatuh, satu daripada sebab kerana menganiayai . . . . .

**Seorang Ahli:** Soalan!

**Tuan Lim Guan Eng:** . . . . . penduduk Kampung Pantai Kundur.

**Beberapa Ahli:** Soalan-soalan!

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya harap Yang Berhormat Menteri bolehlah lakukan tanggungjawab cuba menjadi orang tengah untuk menyelesaikan perkara ini dan kita harus . . . . .

**Beberapa Ahli:** (*Mengganggu*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Cukup – cukup.

**Tuan Lim Guan Eng:** Berdiri di tepi untuk membolehkan Yang Berhormat Menteri . . . . .

**Beberapa Ahli:** Cukup – cukup!

**Tuan Lim Guan Eng:** . . . . . menyelesaikan perkara ini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Cukup – cukup.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hairan kalau gentleman bercakap macam itu, perangai macam itu. Fasal apa DAP akan muncul dalam satu-satu masa tertentu dan

menunjukkan minat. Yang membawa pembangunan, yang membangunkan sesuatu tempat bukan DAP, tetapi, hanya pandai buat kacau!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Kurang! . . . . .

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Jadi, ini persoalannya, segala pampasan yang ditetapkan mengikut harga nilai pasaran, telah dibayar dan semuanya dibayar pada mereka yang hak dan layak. Apa yang dikatakan oleh Kerajaan Negeri adalah jika ada pihak-pihak yang tidak berpuas hati mereka boleh berunding kembali bukan untuk menilai semula, untuk pemilik berunding dan berjumpa dengan pihak Kerajaan Negeri supaya masalah dalam perkara ini dapat diselesaikan dengan cara baik, bukan dengan cara untuk mendapat keuntungan politik. Persoalannya ialah DAP datang kerana mereka menganggap soal surau, soal tidak ada api, air — bagus untuk mendapat sokongan orang Melayu. Tetapi saya fikir itu adalah satu pandangan jangka masa pendek. Adalah lebih baik kita mementingkan kepentingan keseluruhan penduduk di situ.

**Beberapa Ahli:** (*Mengganggu*)

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, pampasan tidak lebih rendah. Apa juga yang diputuskan mengikut peruntukan Akta, telah dibayar kepada mereka yang layak.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, . . . . . (*Mengganggu*)

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduklah! Hey, duduklah!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kota Melaka . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Che Ibrahim bin Mustafa.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Mengganggu*)

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Oportunis!

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** No, there is no lari.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak lari . . . . . (*Diganggu*)

#### CUKAI — JUMLAH PUNGUTAN OLEH JABATAN HASIL DALAM NEGERI

**9. Che Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah pungutan cukai oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri sepanjang tahun ini;
- (b) golongan yang banyak memberi sumbangan dalam pungutan ini; dan
- (c) strategi yang diatur untuk menambah lagi pungutan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian:

- (a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Hasil Dalam Negeri mengutip empat jenis cukai:
  - (i) Cukai pendapatan syarikat individu;
  - (ii) Cukai pendapatan petroleum;
  - (iii) Duti Setem; dan
  - (iv) Lain-lain jenis cukai.

- (b) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pungutan cukai oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri dari Januari hingga September tahun ini ialah sebanyak RM14,301,526,040 — itu pungutan daripada Januari hingga September tahun ini.

Dari segi sumbangan yang terbanyak ialah daripada cukai pendapatan iaitu kira-kira 70% daripada jumlah semuanya. Golongan yang banyak memberi sumbangan dalam pungutan cukai pendapatan adalah syarikat dan individu dengan pungutan cukai pendapatan bagi syarikat berjumlah RM7,264,400,020 dan bagi cukai pendapatan individu pula berjumlah RM3,321,499,645. Dari sudut nisbahnya antara cukai pendapatan syarikat dan individu kira-kira 68.4% jumlah cukai pendapatan disumbangkan oleh syarikat manakala 31.3% disumbangkan oleh individu.

- (c) Antara strategi untuk menambahkan lagi hasil yang diambil oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri termasuklah:

- (i) memperluaskan asas cukai antara lain dengan menjalankan kempen publisiti dan pendidikan pembayar cukai;
- (ii) memperkenalkan sistem Potongan Cukai Berjadual mulai 1 Januari tahun hadapan yang akan mewajibkan majikan membuat potongan cukai pekerja mereka mengikut jadual yang ditetapkan;

- (iii) memudahkan pembayaran cukai dengan mengadakan kaunter bayaran pandu-masuk dan memperkenalkan sistem bayaran cukai melalui bank, seperti yang telah diperkenalkan oleh cawangan BBMB di Selangor dan Kuala Lumpur;

- (iv) meningkatkan aktiviti penyiasatan; dan

- (v) mempertingkatkan teknologi maklumat dan memperluaskan penggunaan komputer di jabatan.

Sekian.

**Dr. Kua Kia Soong:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, antara pendapatan individu dalam negara ini berapa orang billionaire, bukannya millionaire tetapi billionaire ada mengisytiharkan pendapatan individu mereka? Oleh sebab baru-baru ini dalam Perhimpunan Agung UMNO Perdana Menteri ada berkata, sekarang ini bukan sahaja ada ramai jutawan bumiputera tetapi juga dan billionaire.

**Seorang Ahli:** Awak bukan ahli UMNOlah!

**Dr. Kua Kia Soong:** Tuan Yang di-Pertua, kedua, baru-baru ini juga rakan rapat Perdana Menteri, Vincent Tan dalam satu kes libel ada berkata dengan angkuh bahawa beliau adalah seorang billionaire dan tuntutan yang dituntut oleh beliau sebanyak RM20 juta adalah remeh-temeh sahaja. Saya hendak bertanya adakah orang-orang seperti Vincent Tan dan billionaire-billionaire lain yang dikatakan oleh Perdana Menteri mengisytiharkan pendapatan individu mereka kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, setakat yang kita ketahui kesemua millionaire atau billionaire yang perlu membayar cukai mengisytiharkan pendapatan mereka tetapi jika Yang Berhormat dari Petaling Jaya ada maklumat mengatakan terdapat millionaire atau billionaire yang tidak membayar cukai maka sila kemukakan makluman kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Daripada pengetahuan kerajaan, semua mereka yang terlibat mengisytiharkan pendapatan dan cukai sewajarnya dikenakan ke atas pendapatan mereka.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada juga rungutan tentang tuntutan balik bayaran cukai yang berlebihan yang dibuat oleh pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri kerana kadang-kadang apabila mereka mengutip cukai itu, kalau kita tidak bayar atau lambat, didenda. Tetapi apabila kita menuntut kelebihan kepada bayaran yang kita buat itu kadang-kadang memakan masa yang begitu lama. Jadi, apakah jalan yang paling baik yang cepat bagi pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk membayar balik cukai berlebihan ini? Berapa lamakah masa yang diperlukan oleh pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk menyelesaikan masalah tuntutan balik bayaran cukai yang berlebihan yang tidak bermasalah?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, satu ketika dahulu iaitu kira-kira lima, enam tahun yang lalu memang benar terdapat kes-kes kelewatan di mana mereka yang terlebih membayar cukai mendapati amat sukar untuk mendapat balik bayaran yang lebih dibayar itu, bukan sahaja sukar tetapi memakan masa bertahun-tahun. Perkara ini memang dalam perhatian Kementerian

dan arahan telah pun dikeluarkan bahawa sebarang lebihan cukai yang dibayar ke jabatan itu hendaklah dipulangkan dalam masa tiga bulan. Jika Ahli Yang Berhormat ada kes-kes tertentu di mana pembayaran balik ini dibayar lewat daripada tiga bulan, maka sukacita sekiranya dapat dirujuk kepada kami untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi.

### SISWAZAH BEKERJA DI LUAR BIDANG PENGKHUSUSAN

**10. Tuan Saidin bin Adam** minta Menteri Pendidikan menjelaskan adakah Kementerian membuat kajian terhadap siswazah-siswazah yang beralih kerja luar daripada bidang masing-masing selepas keluar daripada pusat pengajian tinggi. Berapa peratuskah mereka yang telah keluar dan berapa peratuskah yang benar-benar mengikut kerjaya mengikut kursus mereka di institusi pengajian tinggi. Mengapakah hal ini berlaku. Apakah Kementerian berpendapat ini merupakan satu kes yang agak berat kerana lamakelamaan kursus tersebut akan tinggal begitu sahaja.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan memang ada menjalankan kajian pengesanan siswazah untuk mengesan graduan yang mendapat pekerjaan selepas menamatkan pengajian. Daripada kajian tersebut, didapati kira-kira 80% hingga 90% graduan IPT tempatan mendapat pekerjaan mengikut bidang pengkhususan, sementara selebihnya mendapatkan pekerjaan di luar bidang pengajian atau memilih kerja sendiri.

Kementerian Pendidikan berpendapat fenomena ini bukan masalah besar kerana pendidikan universiti memang bertujuan

untuk mempertingkatkan keupayaan intelektual secara umum dan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu. Mendapatkan pekerjaan dalam bidang lain bukanlah menjadi masalah tetapi boleh juga dilihat sebagai keupayaan pendidikan universiti yang "broad-based" yang membolehkan graduan berjaya dalam pelbagai kerjaya walaupun tidak berkaitan secara direct dengan pendidikan akademik asal di universiti-universiti.

### **PROGRAM BERSIH DAN INDAH — JUMLAH PERUNTUKAN**

**11. Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah peruntukan yang disediakan bagi kempen kebersihan bandar dan sistem perparitan bandar yang diterima oleh setiap Majlis Perbandaran/Daerah seluruh negara dan bagaimanakah laporan kebersihan yang dikirimkan oleh setiap majlis.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, bagi projek Program Bersih dan Indah, kerajaan memberi peruntukan di antara RM150,000 – RM200,000 setahun kepada setiap Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran bergantung kepada jenis projek kebersihan dan keindahan yang dipohon dan diluluskan. Setiap Majlis Daerah diberikan peruntukan sebanyak RM50,000 setahun untuk tujuan yang sama. Manakala bagi projek khas penyelenggaraan parit dan longkang jumlah yang diterima oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah berbeza-beza mengikut keperluan. Sehingga 15hb. Oktober, 1994, Kementerian telah meluluskan peruntukan sebanyak RM44,137,000.00 daripada peruntukan RM50 juta yang disediakan kepada 111 buah Pihak Berkuasa Tempatan.

Mengenai laporan yang dikemukakan bagi Program Bersih dan Indah, semua Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran mengemukakan laporan berbentuk laporan bulanan mengenai aktiviti kebersihan dan keindahan yang dijalankan. Majlis Daerah bagaimanapun belum dikehendaki lagi mengemukakan laporan bulanan tetapi dinilai setiap tahun melalui pertandingan dari aspek kebersihan dan keindahan. Bagi projek khas penyelenggaraan Parit dan longkang pula, semua Pihak Berkuasa Tempatan dikehendaki mengemukakan laporan bergambar sebelum dan selepas projek dilaksanakan di samping laporan bulanan prestasi fizikal dan prestasi kewangan yang dikehendaki dikemukakan ke kementerian ini setiap bulan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, sama ada peruntukan khas untuk menyelenggara parit dan longkang ini akan berterusan pada tahun depan, atau peruntukan ini hanya diperuntukkan untuk tahun ini kerana pilihan raya akan datang?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini telah pun disediakan lebih awal daripada tahun yang lalu dan tidak ada rancangan pada ketika itu untuk mengadakan pilihan raya. Oleh sebab itu rancangan untuk membaikpulih longkang ini disebabkan kerana keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk tahun hadapan bergantung kepada keperluan tetapi memangnya telah disarankan kepada setiap Pihak Berkuasa Tempatan mereka perlu mencari peruntukan sendiri untuk menyelenggarakannya. Walau bagaimanapun, kementerian akan mempertimbangkan permohonan-permohonan baru.

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah peruntukan mungkin ada hubung kaitnya dengan masalah kebersihan perparitan yang mana di Petaling Jaya khususnya di Damansara Utama sebagaimana Yang Berhormat ketahui penuh dengan sampah-sarap dan juga tikus-tikus yang berkeliaran di pekan-pekan di Damansara Utama dan juga di Petaling Jaya. Adakah ini ada hubungkaitnya dengan peruntukan Yang Berhormat hulurkan kepada Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, Majlis Perbandaran Petaling Jaya telah mendapat peruntukan yang agak besar iaitu sebanyak RM350,000 dan sepatutnya dengan bantuan yang diberikan masalah-masalah longkang yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu akan dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun, sekiranya perkara-perkara ini berlaku, kemungkinan pelaksanaan belum dilaksanakan iaitu peruntukan itu belum lagi digunakan. Kita akan siasat, insya-Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Datuk Maidom P. Pansai.

*(Soalan No. 12 — Y.B. Datuk Maidom P. Pansai tidak hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh anak Ikeh.

*(Soalan No. 13 — Y. B. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh tidak hadir)*

#### PENCEN — BILANGAN PENERIMA DAN PEMBAYARAN

**14. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan penerima pencen di seluruh negara;
- (b) jumlah pencen yang dibayar setiap bulan;
- (c) adakah didapati penyelewengan berlaku terhadap pembayaran pencen; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan keskes penunaian waran pencen oleh pihak ketiga dapat dibantertas.

**17. Tuan Ahmad bin Omar** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah bayaran pencen kepada pesara-pesara di seluruh negara pada tahun 1992, 1993 dan 1994;
- (b) bagaimanakah langkah kerajaan mengatasi masalah kelewatan pengeluaran pencen kepada pesara sebaik-baik persaraan mereka; dan
- (c) adakah kementerian mengesan sebarang penyelewengan daripada si penerima pencen.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bersekali dengan soalan nombor 17 pada hari ini daripada Yang Berhormat dari Pagoh di mana kedua-dua soalan adalah berkaitan.

- (a) Setakat 31hb. Oktober 1994, terdapat seramai 285,603 pesara atau penerima pencen di seluruh negara;

(b) Jumlah pencen yang dibayar setiap bulan adalah dalam lingkungan RM112 juta.

(c) Pembayaran pencen kepada pesara atau penerima pencen setakat bulan Jun bagi tahun 1992, 1993 dan 1994 adalah seperti berikut:

1992 — RM1,341,932,433.

1993 — RM1,340,932,422.

1994 — RM862,068,894.

(d) Dari masa ke semasa, kes-kes penyelewengan pencen telah dikesan di bawah sistem waran pencen. Sebagai contohnya, terdapat pesara atau penerima pencen yang melaporkan waran pencen telah hilang tetapi kemudiannya mereka didapati telah menunaikan kedua-dua waran pencen yang telah dilaporkan hilang itu serta waran gantian. Di samping itu, terdapat juga kes-kes penyelewengan di mana waran pencen telah ditunaikan oleh pihak ketiga walaupun ciri-ciri kawalan berikut sedia ada di setiap keping waran pencen:

(i) nama dan nombor kad pengenalan pesara atau penerima pencen;

(ii) catatan 'tidak boleh dipindah milik'; dan

(iii) tandatangan pegawai yang diberi kuasa. Setiap kes penyelewengan yang dikesan telah dilaporkan kepada pihak Polis untuk tindakan sewajarnya.

(e) Di bawah sistem pembayaran pencen melalui waran pencen, ciri-ciri kawalan telah disediakan dalam setiap keping waran pencen seperti berikut:

(i) nama dan nombor kad pengenalan pesara atau penerima pencen;

(ii) catatan 'tidak boleh dipindah milik'; dan

(iii) tandatangan pegawai JPA yang diberi kuasa.

Oleh yang demikian, setiap keping waran pencen hanya boleh ditunaikan oleh pesara atau penerima pencen berkenaan. Namun begitu, terdapat juga penyelewengan terhadap waran pencen di mana pihak ketiga telah menunaikan waran pencen. Ini telah berlaku apabila pihak bank telah membenarkan pihak selain daripada pesara atau penerima pencen berkenaan untuk menunaikan waran pencen walaupun ini bercanggah dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

(f) Bagi mengatasi masalah penunaian waran pencen oleh pihak ketiga, JPA telah memperkenalkan sistem pembayaran pencen melalui bank. Di bawah sistem baru ini, bayaran pencen dikreditkan ke dalam akaun bank pesara atau penerima pencen. Oleh itu, masalah penyelewengan ke atas waran pencen tidak timbul lagi. Sistem ini sedang dilaksanakan secara projek perintis di Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan, dan akan diperluaskan secara berperingkat-peringkat untuk meliputi

semua pesara atau penerima pencen di seluruh negara. Sehingga 10hb. November 1994, seramai 42,606 pesara atau penerima pencen telah menyertai sistem baru ini.

**Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun memulakan langkah untuk memperkecilkan saiz sektor awam ini beberapa tahun yang lalu. Apakah dengan langkah ini, pada masa akan datang bilangan penerima pencen ini akan dapat dikurangkan, dan yang kedua adakah amaun pembayaran pencen ini juga akan terus berkurang dari setahun ke setahun.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tentu memangnya apabila pengurangan ini dilakukan sudah pastilah penerima pencen pun akan berkurangan dan keyakinan bahawa bayaran pencen pun akan berkurangan kepada pesara-pesara ataupun yang berhak menerima pesaraan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tuan Mohamed Khaled bin Nordin.

*(Soalan No. 15 — Y.B. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin tidak hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

*(Soalan No. 16 — Y.B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar. Soalan No. 17 ini sudah dijawab tadi bersama dengan soalan No. 14.

Yang Berhormat Tuan Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman.

*(Soalan No. 18 — Y.B. Tuan Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman tidak hadir)*

#### PEGAWAI-PEGAWAI AWAM — PERATURAN PEMBERIAN/ PENERIMAAN HADIAH

**19. Tuan Wahab bin Suhaili** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh manakah kakitangan kerajaan dibenar menerima cenderamata di majlis-majlis rasmi kerajaan;
- (b) adakah pihak kementerian sedar bahawa di Jabatan-jabatan Kerajaan wujud budaya mengutip wang dari pegawai-pegawainya untuk membeli cenderamata untuk diberi kepada pegawai yang akan dipindah tugas, bersara dan sebagainya; dan
- (c) apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan jika budaya ini menyalahi etika perkhidmatan awam.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) (i) Peraturan umum mengenai penerimaan dan pemberian hadiah oleh pegawai-pegawai awam dinyatakan di bawah Peraturan 8(1) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 iaitu pegawai-pegawai awam tidak boleh menerima atau memberi apa-apa hadiah jika:
  - (a) penerimaan atau pemberian hadiah itu mempunyai kaitan dengan apa-apa cara, dengan pelaksanaan tugas awam pegawai itu; dan

- (b) bentuk, amaun atau nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud hadiah itu diberikan.
- (ii) Pegawai-pegawai yang diberikan cenderamata di majlis-majlis rasmi kerajaan lazimnya boleh menerima cenderamata tersebut kerana ianya dikategorikan sebagai penerimaan hadiah dalam keadaan yang sukar ditolak, iaitu Peraturan 8 (2) (a) Peraturan yang sama di atas, tetapi pegawai berkenaan hendaklah melaporkan kepada Ketua Jabatan untuk diputuskan sama ada:
- (a) membenarkan kakitangan itu menyimpan hadiah tersebut; atau
- (b) mengarahkan supaya hadiah itu dikembalikan kepada pemberinya melalui Ketua Jabatan, iaitu Ketua Setiausaha Negara.
- (b) Amalan mengutip wang dari pegawai-pegawai bagi membeli cenderamata untuk diberi kepada pegawai yang akan bertukar, bersara dan sebagainya boleh dibenarkan di bawah Peraturan 8(3), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 mengikut budi bicara Ketua Jabatan masing-masing
- (c) Amalan tersebut tidak menyalahi etika perkhidmatan awam.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengapa-

kah peraturan ditetapkan untuk kakitangan kerajaan tidak diselaraskan supaya ahli-ahli pentadbiran juga dikenakan mengikut atau mematuhi peraturan-peraturan yang sama, sedangkan saya rasa tugas yang dijalankan oleh ahli-ahli pentadbiran seperti Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen sendiri adalah jauh lebih berat dan jauh lebih penting daripada apa yang dijalankan oleh kakitangan kerajaan. Dan peluang untuk berlaku penyelewengan atau rasuah adalah lebih banyak daripada peluang yang terdapat di kalangan kakitangan kerajaan. Oleh sebab itu, saya hendak bertanya mengapakah peraturan yang sama tidak dikenakan untuk ahli pentadbiran supaya mereka juga sama seperti kakitangan kerajaan supaya ada satu konsistensi, amalan yang tuntas dapat dilaksanakan? Mengapakah ahli pentadbiran juga tidak dibenarkan menerima cenderamata dan hadiah-hadiah seperti yang ditakrifkan untuk kakitangan kerajaan. Dan kalau boleh, bolehkah saya mencadangkan bahawa semua cenderamata dan hadiah-hadiah yang diberikan kepada ahli-ahli pentadbiran seperti Menteri-menteri sama ada dalam bentuk saham atau tidak, boleh kita pamerkan dalam satu muzium, boleh ditubuhkan dekat Muzium Melaka sebab orang boleh tengok apakah hadiah-hadiah atau habuan atau wang sogokan yang diberikan kepada Menteri-menteri untuk mendapat sesuatu. Di Melaka kita boleh dirikan muzium ini.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, inilah kali pertama saya dengar ada cenderamata saham. Kalau ada cenderamata saham ini, saya ingat bolehlah kita buat laporan kepada pihak BPR untuk disiasat. Sukacita saya menyatakan bahawa jawapan Yang Berhormat itu memang anggota pentadbiran pun adalah tidak dibenarkan, bahkan hampers pun — biasanya diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk dipulangkan kepada orang yang

mengirimnya, tidak dibenarkan bukan sahaja pegawai kerajaan, bahkan semua anggota pentadbiran adalah tidak dibenarkan untuk menerima hadiah cenderamata, yang sedikit-sedikit macam ada yang beri bola, bolehlah. Kalau hendak buat muzium pun saya setujulah, kita aturkan banyak-banyak cenderamata ini beri Yang Berhormat tolong jaga. *(Ketawa)*

**PEMBATALAN KONTRAK  
KEPADA SYARIKAT BRITAIN —  
KERUGIAN**

**20. Tuan Michael Lisa Kaya** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah kerugian yang dialami dari segi perniagaan selepas Kerajaan Malaysia membuat keputusan untuk membekukan atau membatalkan semua kontrak-kontrak yang diadakan di antara Malaysia dengan Britain dan apakah latar belakang politik yang ada sekarang di antara kedua-dua negara ini.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan tidak mengalami sebarang kerugian berikutan langkah untuk tidak memberikan kontrak kepada syarikat-syarikat dari Britain. Projek-projek kerajaan terus dilaksanakan oleh syarikat-syarikat tempatan dan juga syarikat-syarikat luar negeri tanpa apa-apa kesan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa ada agensi kerajaan yang telah mencari jalan atau mencari lubang untuk memberikan kontrak ke atas syarikat-syarikat British, sungguhpun pengharaman ini dikuatkuasakan, seperti mana yang berlaku di mana Telekom Malaysia telah memberikan satu kontrak bernilai RM64 juta untuk membekalkan GP Boxes kepada satu anak syarikat EC Agerton

Sdn. Bhd iaitu sebuah syarikat daripada England yang membekalkan alat itu kepada sebuah syarikat tempatan yang dibentuk di Malaysia, dimiliki oleh orang Malaysia, tetapi sebenarnya dikuasai oleh syarikat British itu kesemuanya. Bukanakah pemberian kontrak seperti ini melanggar pengharaman yang dikuatkuasakan atau dikenakan oleh pihak kerajaan? Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan tentang penyelewengan yang berlaku ini atau ke atas Telekom ini? Adakah di antara tindakan ialah untuk mengkaji semula pemberian kontrak yang bernilai RM64 juta ini?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya tidak ada butir-butir lengkap mengenai pemberian kontrak oleh Jabatan Telekom ataupun Syarikat Telekom Malaysia ini dan kita akan menyiasat sewajarnya untuk mengetahui apakah kedudukan sebenar berkaitan dengan pemberian kontrak berkenaan.

**KONTRAK SHELL, SARAWAK/  
PETRONAS —JUMLAH NILAI**

**21. Tuan Richard Riot anak Jaem** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah nilai kontrak yang telah diberi oleh Sarawak Shell Berhad dan PETRONAS dari tahun 1990 hingga 1994 kepada:
- (i) syarikat-syarikat tempatan iaitu 100% dimiliki oleh rakyat Sarawak;
  - (ii) syarikat-syarikat dari Semenanjung Malaysia;
  - (iii) syarikat-syarikat jenis usaha sama syarikat-syarikat tempatan dengan syarikat-syarikat dari Semenanjung Malaysia;

- (iv) syarikat-syarikat jenis usaha sama syarikat-syarikat tempatan dengan syarikat-syarikat dari luar negara;
- (v) syarikat-syarikat dari luar negara; dan
- (b) sama ada keutamaan diberi kepada syarikat-syarikat tempatan apabila mempertimbangkan tender-tender;
- (c) jika ya, sebutkan jenis-jenis kontrak yang diberi keutamaan; dan
- (d) jika tidak, mengapa.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah nilai kontrak secara keseluruhan seluruh Malaysia yang telah diberi oleh PETRONAS dari tahun 1990 sehingga September 1994 merangkumi sektor hulu dan hiliran adalah sebanyak RM20,529.7 juta. Nilai kontrak bagi tempoh yang sama yang ditawarkan untuk projek-projek di Negeri Sarawak adalah sebanyak RM6,807.3 juta.

Bagi syarikat jenis "konsortium antarabangsa dengan syarikat dari Semenanjung Malaysia sebagai rakan kongsi atau subkontraktor" peratus besar adalah kontrak yang ditawarkan kepada konsortium antarabangsa yang melibatkan kontraktor dari Semenanjung, kontrak yang telah ditawarkan kepada konsortium sedemikian seperti projek pembinaan loji

MLNG-2 yang bernilai RM4,244.9 juta dan lain-lain kontrak melibatkan kepakaran dari luar negara serta pengimportan peralatan khusus yang diperlukan.

- (b) Penglibatan syarikat tempatan adalah salah satu kriteria yang diambil kira di dalam proses penilaian tender. PETRONAS turut mensyaratkan kontraktor utama yang ditawarkan kontrak besar supaya memberi keutamaan kepada syarikat tempatan terutamanya syarikat bumiputera untuk kerja-kerja subkontrak. Untuk meningkatkan penyertaan syarikat tempatan dan bumiputera dalam industri minyak dan gas, pihak PETRONAS melaksanakan dasar:
  - (i) Menghadkan pelawaan tender kepada syarikat tempatan/ bumiputera bagi kontrak-kontrak dalam bidang tertentu;
  - (ii) Di mana sesuai kontrak besar dipecahkan supaya ianya dapat disertai oleh syarikat tempatan/bumiputera;
  - (iii) Menggalakkan penyertaan secara usaha sama di antara syarikat asing dengan syarikat tempatan/ bumiputera bagi kerja yang melibatkan teknologi dan pelaburan yang tinggi.
- (c) Syarikat tempatan diberi keutamaan kepada kerja seperti kejuruteraan sivil dan penyelenggaraan, fabrikasi sederhana, pembekalan tenaga manusia

dan perkhidmatan perkapalan. Kerja-kerja seperti peralatan perumahan dan pejabat, kelengkapan hawa dingin, pengangkutan darat dan khidmat penghantaran, perkhidmatan catering, kerja lanskap dan pembersihan pejabat dan kawasan memang juga diutamakan kepada syarikat rakyat di Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa untuk Soal Jawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 5, 6, 12, 13, 15, 16, 18 dan 22 hingga 29 adalah dijilid dalam buku berasingan)*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1995

DAN

### USUL

## ANGGARAN PEMBANGUNAN 1995

### *Jawatankuasa*

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1995 dan Anggaran Pembangunan 1995 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". *(Hari Pertama)*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

*(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Jawatankuasa)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kementerian Kewangan, kemukakan Jadual.

3.35 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar):** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM24,079,255,100 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1995 di bawah Maksud Bekalan B. 1 hingga B. 54 bagi Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM14,402,966,700 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1995 di bawah Maksud Pembangunan P. 7, P. 8, P. 14, P. 16 hingga P. 28, P. 31, P. 32, P. 34 hingga P. 37, P. 39, P. 40, dan P. 42 hingga P. 55 bagi Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan seperti ditunjukkan dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1994 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya tidak berhajat untuk memberi ucapan yang panjang dalam peringkat Jawatankuasa ini oleh kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun menghuraikan tujuan-tujuan utama mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan yang dicadangkan itu dalam Ucapan Belanjawan beliau pada 28hb Oktober 1994 yang lalu.

Di samping itu, penjelasan-penjelasan lanjut mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan ini boleh juga didapati dalam Penyata daripada Kementerian Kewangan mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 1994.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka mengingatkan oleh sebab masa diperuntukkan kepada sesebuah kementerian atau jabatan dalam masa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan adalah terhad, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat menghadkan masa setakat 10 minit seorang sahaja. Saya mohon agar perbahasan di dalam peringkat Jawatankuasa ini dapat ditumpukan kepada Butiran yakni tidak menyentuh perkara-perkara dasar. Dengan cara ini, lebih ramai Ahli-ahli yang boleh berucap di dalam sesuatu kementerian atau jabatan.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Menyampuk*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kita akan pertimbangkan, kita akan jalankan dahulu, kita akan pertimbangkan, kita lihat keadaan. Adalah mengikut pertimbangan kita, oleh kerana biasanya kita mempunyai kelambatan di dalam peringkat Jawatankuasa ini pada akhirnya, jadi kita beri 10 minit setakat ini. Kita lihat keadaan, kalau sekiranya kita boleh selesaikan kita akan selesaikan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, minta rayuanlah Tuan Pengerusi, 10 minit mana cukup? Kita hendak bercakap secara detail.

**Seorang Ahli DAP:** Kalau perkara ini saya sokonglah.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** We do not need your support. Dalam hal ini kita minta pertimbangan, 10 minit mana cukup kita hendak bercakap dalam banyak masalah?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kerajaan minta, Pembangkang minta. Berapa minit yang Ahli Yang Berhormat hendak minta?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sebagai tambahan, Tuan Pengerusi, sebab ini kita terpaksa pergi secara detail. Item demi item, saya ingat 10 minit tidak sempat.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Okay, kalau macam itu kita beri 15 minit seorang.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ya, betul, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tetapi mintalah, saya minta ucapan itu ditumpukan kepada Butiran dan jangan menyentuh dasar.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada lagi Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order. Yang pertama, 15 minit pun sebenarnya tak cukup. Oleh kerana mengikut kebiasaan dalam Parlimen khasnya mengenai Jabatan Perdana Menteri ialah lebih daripada dua hari diperuntukkan. Tetapi saya lihat di sini Jadual satu hari sahaja. Dan semuanya 15 hari ada diperuntukkan. Sungguhpun dalam Peraturan Mesyuarat sebenarnya ada 16 hari yang boleh diberikan, dan mengikut kelaziman konvensi Dewan Rakyat sepenuh 16 hari adalah diperuntukkan untuk peringkat Jawatankuasa, sekarang kurang satu hari dan pada peringkat dasar pun kurang satu hari daripada 11 hari kepada 10 hari — tak tahulah sama ada inilah trend atau dasar lebih terbuka. Tetapi ini tidak adil dan diharap bahawa sekurang-kurangnya dua hari diperuntukkan untuk Jabatan Perdana Menteri dan mengikut kelaziman dahulu bahawa khasnya untuk Jabatan Perdana Menteri pada hari pertama tidak ada had masa ditetapkan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, setakat ini saya ingin memutuskan seperti yang saya katakan tadi 15 minit seorang, tentang tambahan hari itu, selepas ini saya akan berunding dengan Tuan Yang di-Pertua dan mudah-mudahan kita akan dapat pertimbangkan untuk menambahkan harinya.

*Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12 dan B. 13 (Jadual).*

*Maksud P. 7 dan P. 8 (Anggaran Pembangunan 1995) —*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepala Bekalan B. 1 hingga B. 13 dan Kepala Pembangunan P. 7 dan P. 8 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Tanjong.

3.40 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Sungguhpun saya masih belum sembuh, tetapi oleh kerana perbincangan ini penting, saya ada membuat persiapan untuk perbincangan ini dan 15 minit tentulah tidak cukup dan saya harap pertimbangan boleh diberi, oleh kerana mengikut konvensyen yang dahulu, di mana inilah amalan di dalam Parlimen ini.

Pertama saya hendak merujuk kepada Jabatan Parlimen. Sejak beberapa hari yang lepas ini, terdapat liputan 'ketepuan' (saturation) media massa terhadap Perhimpunan Agung UMNO, khususnya dalam saluran-saluran radio dan televisyen milik kerajaan. Ini bukan sahaja merupakan satu penyalahgunaan kuasa oleh kerajaan, di mana perbezaan penting antara kerajaan dan parti kabur sama sekali tetapi juga merupakan satu penghinaan yang tidak terhingga terhadap Parlimen yang sepatutnya menjadi forum politik tertinggi dalam negara.

Media massa, khasnya liputan televisyen mengenai persidangan Parlimen begitu sedikit sama sekali bahkan tidak

boleh dibandingkan dengan perbicaraan kes bunuh "Mona Fandey" yang berlarutan itu. Apa yang lebih dahsyat ialah dalam liputan televisyen yang begitu minima mengenai persidangan Parlimen, pandangan-pandangan pihak Pembangkang diabaikan sama sekali . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya ingat siaran-siaran televisyen ini di bawah Kementerian Penerangan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Parlimen — bukan. Ia mengenai peranan, taraf kedudukan Parlimen. Martabat Parlimen. Ini dasar Parlimen dan ini mengikut Peraturan Mesyuarat. Kita tidak boleh . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sekarang ini dalam Jawatankuasa, kita ada butiran-butiran yang tertentu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, ya, ini mengikut peraturan mesyuarat. Dasar Kementerian itu.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Di sini saya mendengar Yang Berhormat bercakap, kalau mengikut butiran itu dan berkaitan dengan Parlimen, tetapi tentang siaran itu kita ingat kita ada Kementerian Penerangan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu dasar Parlimen. Bukan, bukan. Saya sebut Parlimen. Bukan Penerangan, tetapi penyiaran Parlimen — tetapi mengenai kedudukan taraf, martabat Parlimen.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila, sila teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Di mana pandangan-pandangan pihak Pembangkang diabaikan sama sekali atau diputarbelitkan dengan liputan media massa yang meremeh-temehkan prosiding Parlimen yang membabitkan Ahli-ahli Parlimen Pembangkang.

Masanya telah sampai untuk mengembalikan kepada Parlimen tempatnya yang sah, sebagai mercu sistem kerajaan demokratik di negara ini dan bukan seperti sekarang di mana Parlimen merupakan satu lapiran (appendix) kepada Jabatan Perdana Menteri di mana peranannya ialah sebagai 'rubber stamp'.

Pengembalian sebuah Parlimen yang bermakna menduduki tempat yang tinggi dalam agenda DAP yang menyeru diadakan liberalisasi penuh di Malaysia dan saya berharap demi kepentingan negara, semua Ahli Parlimen tanpa mengira pertalian parti dapat memberi sokongan mereka terhadap peningkatan taraf dan peranan Parlimen.

Pertama, reformasi Parlimen yang bererti harus diadakan untuk menjadikan Parlimen proses pembuat keputusan yang tertinggi sekali dalam negara di mana Ahli-ahli Parlimen dari semua parti bukanlah merupakan 'rubber stamp' tetapi dapat memainkan peranan penting dalam proses penggubalan dasar dan perundangan.

Saya telah menyeru supaya diadakan reformasi-reformasi Parlimen yang bermakna sejak tahun 1970-an tetapi seruan-seruan itu tidak diendahkan. Sekiranya terdapat perubahan-perubahan dan pindaan-pindaan kepada Peraturan Tetap dalam masa 25 tahun kebelakangan ini, ianya bertujuan bukan untuk menjadikan Parlimen lebih bermakna tetapi untuk menyekat kebebasan ahli-ahli Parlimen dalam menunaikan tugas-tugas mereka sebagai Wakil Rakyat. Belanjawan kerajaan telah tambah berlipat kali ganda, sejak dari suku abad yang lalu dan bilangan Ahli-ahli Parlimen juga telah bertambah dengan banyaknya tetapi masa perbincangan di Parlimen bukan sahaja tidak selari dengan tambahan-tambahan ini, malah ia telah dikurangkan pada beberapa ketika, semacam hari ini.

Akibatnya, Menteri-menteri berpon-teng daripada tanggungjawab Parlimen mereka dan contoh yang paling buruk sekali, tidak lain dan tidak bukan ialah

Presiden MCA, merangkap Menteri Pengangkutan. Dalam mesyuarat Parlimen yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dalam jawapannya kepada satu persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Petaling Jaya, telah mendedahkan bahawa Menteri Pengangkutan hanya menghadiri 24 hari daripada 272 hari Parlimen bersidang sejak pilihan raya umum 1990.

Ini bermakna, beliau hanya menghadiri Parlimen selama 6 hari sahaja, setiap tahun dan daripada jumlah 24 hari beliau menghadiri Parlimen, 80% daripadanya adalah merupakan upacara-upacara rasmi seperti Pembukaan Rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong, Ucapan Belanjawan Tahunan, Perbincangan dan Pengundian ke atas Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan dan apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan Usul-usul yang penting seperti Rancangan Perspektif kedua, Rancangan Malaysia Keenam, Kajian Separuh Penggal dan Rancangan Malaysia Keenam.

Hanya selepas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan diejek secara awam, sebagai Menteri Kabinet yang paling buruk sekali yang ponteng dalam tugas Parlimennya, baharulah beliau muncul di Parlimen pada hari pertama Mesyuarat Parlimen ini semasa soal jawab untuk menjawab satu persoalan yang ditujukan kepadanya. Inilah kali pertama beliau menjawab persoalan di dalam Parlimen semenjak dilantik sebagai Menteri Pengangkutan 8 tahun dahulu, yang menjadikannya Menteri Kabinet tunggal yang tidak berani menghadapi Ahli-ahli Parlimen untuk menjustifikasikan tanggungjawabnya ke atas kementeriannya.

Apa yang memeranjatkan sama sekali ialah beliau telah menjawab 27 persoalan sekaligus, dan ini adalah amat tidak bertanggungjawab, tidak berParlimen disebabkan ianya bukan sahaja tidak membenarkan Ahli-ahli Parlimen menanya persoalan-persoalan tambahan 27 kali secara berasingan, tetapi juga membenarkan beliau mengelak berbagai isu yang dibangkitkan dalam 27 buah persoalan itu dengan memberikan satu jawapan "omnibus".

Umpamanya, di antara 27 persoalan yang beliau menjawab sekaligus Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah gagal menjawab pertanyaan-pertanyaan spesifik yang ditanya oleh ramai Ahli-ahli Parlimen, baik Pembangkang atau Barisan Nasional, mengenai:

- (i) bilakah beliau pertama kali mengetahui tentang kebakaran radar di Subang, bilakah beliau pertama kali memberitahu Perdana Menteri mengenai bencana tersebut dan mengapa beliau tidak melawat lapangan tersebut sehingga 60 jam kemudian;
- (ii) kos pembaziran minyak yang dialami oleh kapal-kapal terbang yang terpaksa mengelilingi udara sementara menunggu arahan mendarat akibat kebakaran tersebut — itu adalah soalan ahli dari Petaling Jaya;
- (iii) hasil siasatan ke dalam budak yang curi masuk (stowaway) — Shamsul Ramli yang meninggal dunia dalam pesawat B. 747 ke Johannesburg pada 15 Mac, 1993 — ia adalah soalan Yang Berhormat dari Pasir Pinji;
- (iv) berapa kali dan tarikh beliau telah menjawab pertanyaan-pertanyaan dan perbincangan-perbincangan di dalam Parlimen mengenai Lapangan Terbang Antarabangsa K.L. — ia adalah soalan dari Kota Melaka;
- (v) kos yang ditanggung oleh Malaysia Airport Berhad dan MAS akibat kebakaran Stesen Radar di Subang — soalan dari Ahli Bukit Bintang;
- (vi) mengapa janji bekas Timbalan Perdana Menteri — Encik Ghafar Baba, bahawa hasil siasatan ke dalam kebakaran menara kawalan lapangan terbang dalam bulan Oktober, 1992 akan diumumkan dalam tempoh dua minggu, tidak ditunaikan — soalan saya;

- (vii) pertanyaan spesifik oleh Ahli Parlimen Kimanis sama ada terdapat rancangan untuk menukar sistem wayar di semua lapangan terbang utama di negara ini, khususnya di Kota Kinabalu, Kuching, Senai dan Pulau Pinang — pada 15 November; dan
- (viii) soalan sama ada Menteri sedar bahawa di Jepun, England dan lain-lain negara, mereka yang bertanggungjawab terhadap bencana-bencana seperti kebakaran di lapangan terbang akan meletak jawatan dan tidak akan ditukar ke lain Jabatan seperti yang berlaku di Malaysia — soalan Yang Berhormat dari Larut.

Kecuali Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dapat memberi satu jawapan yang sempurna dan bertanggungjawab kepada kesemua 27 pertanyaan itu sekaligus, ia mungkin akan mengambil masa lebih sejam masa soal jawab, maka Menteri Pengangkutan tidak patut menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut dengan secara demikian. Saya cadangkan dengan seriusnya bahawa pada masa-masa akan datang, tiada Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen dibenarkan menjawab lebih dari tiga soalan atas tajuk yang sama secara sekaligus agar mereka tidak menggunakan cara tersebut sebagai helah untuk mengelak pemeriksaan Parlimen.

Ramai Ahli-ahli Parlimen mungkin bertanya persoalan-persoalan mengenai tajuk yang sama yang menunjukkan perihai pentingnya yang ditujukan terhadap isu tersebut tetapi ini tidak bermakna bahawa kesemua persoalan-persoalan tersebut harus dijawab secara sewenang-wenangnya sekaligus disebabkan persoalan-persoalan tersebut mungkin menyentuh berbagai-bagai aspek yang memerlukan jawapan-jawapan yang spesifik.

Saya ingin menggesa Yang Berhormat Tuan Speaker supaya jangan membenarkan Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen mengelak tanggungjawab dan pemeriksaan Parlimen dengan menjawab lebih daripada 3 persoalan atas tajuk yang sama sekaligus dari sekarang.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa 15 itu telah cukup tetapi sebagai Ketua Pembangkang, saya beri 5 minit lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** 5 minit?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** 5 minit, jadi 20 minit. Sila teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** 5 minit pun tidak cukup. Tuan Speaker, Jemaah Menteri harus juga memainkan peranannya dengan mengarahkan Menteri-menteri Kabinet supaya jangan meminta kebenaran Tuan Speaker untuk menjawab lebih daripada 3 persoalan atas tajuk yang sama sekaligus dan Ahli-ahli Parlimen dan semua parti harus mulai sekarang, membantah sekeras-kerasnya sekiranya terdapat apa-apa percubaan oleh mana-mana "front-bencher" kerajaan untuk melakukan apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang telah menjawab 27 persoalan sekaligus.

Tuan Speaker, Jemaah Menteri harus tampil selangkah ke hadapan dan mengikut taraf dan prestasi yang lebih tinggi daripada Menteri-menteri Kabinet.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dengan jelasnya telah melakukan kelalaian yang berat dan tidak boleh dimaafkan apabila beliau gagal mengambil apa-apa tindakan selama 60 jam selepas berlakunya kebakaran di stesen radar KLIA pada 13hb. Ogos tahun ini. Mungkin beliau tidak akan melawat tapak kebakaran untuk tempoh yang lebih jika bukan kerana pendedahan "cover-up" tersebut oleh akhbar *The New Straits Times* dengan laporan eksklusifnya. Apa

yang lebih serius dan tidak boleh dimaafkan ialah percubaan terangan-terangan Menteri Pengangkutan dan Jabatan-jabatan yang berkaitan untuk memperdayakan rakyat Malaysia serta juga Perdana Menteri sendiri tentang kebakaran ketiga di lapangan terbang itu apabila Perdana Menteri terpaksa membaca tentang kebakaran di lapangan terbang itu daripada laporan eksklusif *The New Straits Times*.

Mengikut keadaan biasa di mana-mana negara di dunia ini, Menteri Pengangkutan seumpama itu yang bersalah kerana lalai dan dusta yang tidak terhingga bukan sahaja terhadap rakyat tetapi juga terhadap Perdana Menteri sendiri agar dipecat dengan serta-merta sekiranya beliau tidak mempunyai "decency" dan "sense of honour" untuk meletak jawatan tersebut terlebih dahulu.

Mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai sebab-sebab yang kukuh untuk tidak memaksa beliau meletakkan jawatan kerana kelalaian dan pendustaan yang tidak terfikir itu menjadi Presiden MCA yang paling mudah ditempa dan diserang (vulnerable) disebabkan beliau memiliki jawatan Kabinetnya bukan atas meritnya sendiri tetapi semata-mata atas charity Perdana Menteri.

Reformasi-reformasi Parlimen yang bermakna harus memperuntukkan cara-cara Parlimen yang berkesan di mana Menteri-menteri yang lalai dan berdusta dapat dipanggil untuk menjawab secara berkesan oleh Parlimen di mana Parlimen harus bertindak sebagai mahkamah tertinggi dalam tanah air atas salah laku Menteri sedemikian.

Satu lagi bidang di mana reformasi Parlimen perlu diadakan ialah penubuhan sebuah mekanisme di mana Parlimen memaksa Menteri-menteri bertanggungjawab ke atas janji-janji yang diberi dalam Parlimen sama ada semasa Soal Jawab atau perbahasan.

Pada masa kini, Menteri-menteri begitu bebas sekali memberi janji-janji bahawa mereka akan menyiasat aduan-aduan, rungutan-rungutan ketidakadilan atau lain-lain isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen baik pun dari Pembangkang atau kerajaan semasa Soal Jawab atau perbahasan yang kemudian dilupakan dengan serta-merta selepas mesyuarat Parlimen. Akibat ini, janji-janji yang diberikan oleh Menteri-menteri dalam Parlimen, hanya baik sekadar menghiasi tajuk utama akhbar-akhbar sahaja tetapi tidak bernilai dari segi amalan. Satu volume penuh akan janji-janji yang dimungkir oleh Menteri-menteri dalam Parlimen dapat dikutip daripada Penyata Rasmi Parlimen bertahun-tahun kebelakangan ini. Saya tidak berhasrat untuk mengkatalogkan janji-janji yang dimungkir itu tetapi hanya ingin memberi satu contoh. Ini melibatkan bantahan berleluasa kepada Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) yang dibentangkan di Parlimen dalam bulan Julai 1991 yang membenarkan kerajaan mengambilalih tanah-tanah persendirian bukan sahaja untuk tujuan awam tetapi juga untuk apa-apa tujuan pembangunan termasuk yang menguntungkan syarikat-syarikat swasta dan individu-individu.

Saya telah memberi amaran dalam Parlimen bahawa Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) itu akan menjadi ibu kepada segala rasuah, penyalahgunaan kuasa, percanggahan kepentingan dan amalan-amalan tidak beretika di Malaysia.

Saya juga telah berkata bahawa parti DAP menentang sekeras-kerasnya Rang Undang-undang tersebut disebabkan kami bertindak bagi semua rakyat Malaysia kerana setiap rakyat Malaysia yang memiliki tanah, baikpun pegangan tanah yang besar atau milikan seorang Melayu kampung, seorang Cina penduduk kampung baru atau seorang pekerja India, boleh dinafikan hak perlembagaan terhadap harta-benda di bawah pindaan baru kepada Akta Pengambilan Tanah.

Sebagai melegakan bantahan-bantahan serta ketakutan yang berleluasa, Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Ghafar Baba, berjanji bahawa garis-garis panduan baru akan dirumus bagi semua pengambilan alih tanah untuk memastikan bahawa tidak berlakunya penyalahgunaan kuasa dan bahawa hak-hak sah rakyat terjamin. Janji suci seorang Timbalan Perdana Menteri kini telah dicabuli sehingga terdapat banyak kes-kes di mana tanah diambil alih secara wenang-wenang, opresif dan tidak adil di berbagai-bagai negeri seluruh negara.

Apa yang lebih memeranjatkan ialah pada minggu yang lalu di Parlimen, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, secara terbuka menafikan dakwaan bahawa Timbalan Perdana Menteri masa itu adalah memberi jaminan bahawa garis panduan khas akan dirumuskan untuk semua Kerajaan Negeri untuk memastikan tidak akan berlakunya penyalahgunaan kuasa dalam soal pengambilan alih tanah.

Apa yang membimbangkan saya ialah pencabulan-pencabulan sedemikian kepada hak perlembagaan terhadap harta-benda rakyat Malaysia yang kini berleluasa hanya merupakan "child's play" apabila dibandingkan dengan pengambilan tanah secara rakus yang akan berlaku selepas pilihanraya umum yang akan datang.

Malam tadi saya berada di Balai Masyarakat Kampung Baru Mambau yang penuh sesak dengan lebih 1,000 orang yang berasa seperti juga rakyat Malaysia yang lain, yang telah menjadi mangsa akibat pengambilan alih tanah yang dilakukan secara wenang-wenang sama ada mereka terdiri dari orang-orang Melayu, seperti di Pantai Kundur dan Pantai Tanah Merah di Melaka atau seperti orang-orang Melayu di Kedah yang terpaksa melawan dan mengalahkan pengambilan tanah mereka untuk Taman Antarabangsa Jerai ataupun seperti orang-orang Cina di Paya Mengkuang, Kuala Sungai Baru atau Kampung Baru Ayer Salak di Melaka yang juga menghadapi pengambilan alih tanah yang secara wenang-wenang, opresif dan tidak adil oleh kerajaan.

Perasaan mereka hanya satu sahaja apabila dihadapi dengan pengambilan alih tanah secara wenang-wenang iaitu mereka merasa dirampas hak asasi dan hak berperlembagaan mereka terhadap harta-benda. Ramai pekebun-pekebun kecil yang terjejas di Rasah, Mambau dan labu yang mana tanah mereka akan diambil alih di bawah Projek II Seremban telah secara terbuka melahirkan rasa kecewa dan kepahitan mereka dengan menggunakan analogi bahawa mereka dirampas hak mereka oleh kerajaan.

Pada bulan April tahun ini, Kerajaan Negeri Sembilan telahewartakan niatnya untuk mengambil alih 2,234 ekar tanah di mukim Rasah, Seremban untuk cadangan Bandar Satelit Baru bagi Seremban yang melibatkan kira-kira 600 tuan punya tanah. Pada bulan Julai lalu, kumpulan pertama seramai 44 tuan punya tanah dipanggil ke Pejabat Tanah dan diberitahu bahawa mereka akan ditawarkan pampasan purata antara RM27 ribu hingga RM30 ribu setiap ekar sungguhpun tawaran tertinggi adalah sebanyak RM50 ribu setiap ekar untuk satu kes khusus. Tuan-tuan punya tanah yang terlibat itu diberitahu secara lisan bahawa sekiranya mereka tidak menentang pampasan pengambilan tanah, maka kerajaan akan meninggikan kuantum pampasan kepada antara RM43 hingga RM60 ribu seekar. Walau bagaimanapun, semua tuan punya tanah yang terlibat di mana tanah mereka akan diambil alih telah membantah disebabkan Kerajaan Negeri tidak membuat sebarang pengumuman terlebih dahulu kerana projek raksasa sedemikian rupa seperti Projek Baru Seremban II itu dan daripada segala petanda, adalah jelas bahawa seorang pemaju swasta yang disukai oleh akan meraih keuntungan besar dari projek tersebut.

Menurut satu perkiraan, pemaju berkenaan akan memperolehi keuntungan bersih bernilai berbilion-bilion ringgit daripada Projek Seremban II itu.

Tuan-tuan punya tanah yang terlibat telah meminta bantuan pihak MCA dan telah menemui Timbalan Menteri MCA

di Jabatan Perdana Menteri, Wong See Wah sebanyak 4 kali. Daripada mendapatkan bantuan yang lebih, Wong See Wah hanya dapat menawarkan tuan-tuan punya tanah yang terlibat itu kuantum pampasan asal prorata iaitu dari RM27 ribu hingga RM30 ribu untuk kebanyakan tuan-tuan punya tanah bersama dengan tambahan sebanyak 10%. Angka ini adalah jauh lebih rendah berbanding dengan tawaran lisan untuk menambahkan pampasan kepada RM43,000 hingga RM60,000 sekiranya tuan punya tanah menyerahkan segala hak mereka untuk membantah.

Ini merupakan contoh klasik di mana daripada mendapat bantuan daripada MCA, tawaran yang diberi oleh Timbalan Menteri MCA adalah lebih teruk berbanding dengan cadangan tawaran Pejabat Tanah dan tuan punya tanah lebih baik menerima tawaran asal yang dibuat dalam bulan Julai ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa cukup. Gulung ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Gulung? Mengenai . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini mustahak, Tuan Pengerusi . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya sudah beri 20 minit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini bukan classroom, inilah tertinggi — APEC's Forum di sini . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya tahu itu, tetapi kita ada ramai Ahli untuk mengambil bahagian. Sebagai Ketua Pembangkang, penghormatan — saya beri Yang Berhormat lebih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan 5 minit. Ketua Pembangkang bukan 5 minit!

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ini Yang Berhormat, mengikut pertimbangan kita!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya harap-harap — saya minta pertimbangan. Demi kepentingan, oleh kerana ini isu . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya sudah beri pertimbangan kepada Yang Berhormat untuk berucap 20 minit, itu lebih daripada Ahli-ahli yang lain.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya . . . . . (*Disampuk*) ini bukan hari ini . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya rasa ini bukan . . . . . kita perlu rasa malu bukan oleh kerana jawatan Ketua Pembangkang, tetapi Parlimen ini! Parlimen ini tidak ada kebebasan berucap! Apa sudah berlaku dalam tanah air kita yang (*Disampuk*) menuju ke Wawasan 2020 — satu masyarakat yang demokratik, satu masyarakat yang lebih terbuka!

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat . . . . . keputusan kita ambil, kita beri Yang Berhormat. . . . .

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini tidak adil, apa yang mustahak ialah keadilan! Wawasan 2020 akhirnya ialah untuk keadilan. (*Disampuk*) Kalau dalam Parlimen pun tidak boleh menegakkan keadilan . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat harus faham. Kita meng-

hadkan masa, bukan kita menghadkan kebebasan berucap di Parlimen. Tetapi oleh kerana Ahli-ahli ramai yang hendak mengambil bahagian . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita boleh panjangkan masa sampai late night. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat . . . . . Yang Berhormat, saya ingin terangkan dahulu . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita boleh panjangkan mesyuarat . . . . . (*Disampuk*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kalau Yang Berhormat tak dengar dahulu, saya minta Yang Berhormat dengar penjelasan daripada kita sebab sewaktu perbincangan . . . . . (*Disampuk*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya dengar apa pun alasan . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dengar dahulu Yang Berhormat . . . . . sekejap.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduklah!

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Waktu perbincangan dahulu, masih ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang merungut kerana tidak dapat mengambil bahagian. Oleh yang demikian, kita pertimbangkan untuk memberi sebanyak Ahli yang mungkin. Maka kita kena hadkan masa supaya adil juga kepada pihak-pihak yang tidak dapat peluang berucap! (*Disampuk*) Itulah sebab alasan yang kita buat. Bukan kerana kita hendak menyekat kebebasan di Parlimen.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Orang istimewa!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Dah cukup, dah cukup! Cukup!

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik, saya minta pertimbangan 15 minit. Oleh kerana . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tak boleh, tak boleh!

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk kelaziman terdahulu, tidak ada masa yang terhad, itulah sebabnya. (*Disampuk*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sekejap. Saya suka memaklumkan bahawa Tuan Yang di-Pertua telah bersetuju untuk melanjutkan 2 hari untuk Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan Lim Kit Siang:** 2 hari?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya. Jadi kalau Yang Berhormat hendak mengambil bahagian, dalam Jawatankuasa, boleh bangun balik. Tetapi setakat ini, Yang Berhormat kena patuh kepada arahan saya — saya beri 5 minit. Extra 20 minit, Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta lagi 10 minit, okay.

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana itu tak adil! (*Tepuk*) Terang-terang . . . . . kalau ada diberi notis dahulu, itu benar. Saya buat — sungguhpun saya cedera kemalangan . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Itu sebabnya . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** . . . . . belum sembuh, saya buat homework . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, itu sebabnya . . . . . sebelum kita berbahas, saya sudah beri notis . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan berbahas . . . . . notis bukan sebelum berbahas. (*Disampuk*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** (*Menyampuk*)

**Tuan Lim Kit Siang:** 2 hari dahulu kita buat homework, cedera — doktor nasihatkan jangan kerja. Tetapi oleh kerana perasaan kewajipan, tanggungjawab kepada Dewan, kepada negara, kita buat homework ini . . . . . akhirnya . . . . . (*Disampuk*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** . . . . . itu keadilan. Saya minta 10 minit sahaja. 10 minit. Boleh? (*Disampuk*) kita berhujah lebih panjang masa. 10 minit. Saya cepat.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** 5 minit. Tak ada lagi. 5 minit, ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** 10 minit.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** 5 minit.

**Tuan Lim Kit Siang:** 10 minit?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tak boleh beri Yang Berhormat, 5 minit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan . . . . . lebih masa, 10 minit sahaja. Saya cepat, saya cepat! (*Disampuk*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tak apalah . . . . . (*Disampuk*)

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(*Bangun*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa ini??  
Kaki kacau orang . . . . . apa ini?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Nanti Yang Berhormat . . . . . saya buat giliran . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** 10 minit. 10 minit? (*Disampuk*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** 5 minit, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Lagi 5 minit?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Cepat sikit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya cepat-kan. Baik. (*Disampuk*) Saya pun tak tahu siapa di sana . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta cepat sikit ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya cepat-cepatlah! Sungguhpun cepat-cepat, mungkin cepat-cepat mahu pergi ke hospital! (*Ketawa*) Para pekebun kecil yang terjejas ini membantah kuantum pampasan yang ditawarkan disebabkan harga pasaran bagi tanah mereka adalah tiga hingga empat kali ganda berbanding dengan tawaran kerajaan.

Adalah amat tidak adil sama sekali seorang pemaju swasta dapat meraih keuntungan berbilion-bilion ringgit daripada projek Seremban II itu dengan mengorbankan kepentingan 600 pekebun-pekebun kecil yang mana tanah mereka akan diambil alih dengan harga yang rendah sekali. Ini mencabuli segala

prinsip akauntabiliti dan transparensi disebabkan tuan-tuan punya tanah yang terlibat itu serta orang awam tidak tahu-menahu tentang projek Seremban II yang tidak pernah disebutkan pun di dalam Rancangan Struktur Induk Seremban.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Pengambilan alih 2,234 ekar tanah untuk projek Seremban II untuk menguntungkan seorang pemaju swasta tanpa memberi tuan-tuan punya tanah yang terlibat maklumat terlebih dahulu, opsyen kuantum pampasan yang adil atau peluang untuk menyertai dalam pembangunan projek Seremban II merupakan pencabulan janji bahawa tidak akan berlakunya penyalahgunaan kuasa dan hak-hak sah rakyat jelata Malaysia akan dihiraukan dalam penggunaan kuasa-kuasa pengambilan tanah, satu janji yang dibuat dalam Dewan yang mulia ini.

Apabila satu janji yang diberi secara suci di dalam Parlimen dimungkir seperti dalam kes janji Ghafar Baba mengenai pengambilan tanah, maka Parlimen harus menyiasat serta membetulkan ketidakadilan jika sekiranya Parlimen ingin memelihara martabat dan kredibilitinya.

Malam tadi, satu kempen tandatangan oleh para tuan punya tanah yang terlibat akibat projek Seremban II telah dilancarkan di Dewan Masyarakat Kampung Baru Mambau yang menggesa campur tangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memansuhkan peruntukan-peruntukan tidak adil dalam Akta Pengambilan Tanah 1991 serta juga untuk membekukan semua tindakan ke atas pengambilan alih 2,234 ekar tanah bagi projek Seremban II sehingga keadilan dikembalikan kepada tuan

punya-tuan punya tanah yang terlibat di mana mereka boleh sama ada mendapat pampasan yang adil atau diberi opsiyen untuk menyertai dalam pembangunan projek Seremban II.

Sehingga satu penyelesaian yang adil dicapai, kerja-kerja ke atas projek Seremban II tidak harus dibenarkan bermula dan para tuan punya tanah yang terlibat tidak sepatutnya dilayan sebagai setinggalan-setinggalan haram yang telah hilang segala hak mereka terhadap penanaman getah, durian dan buah-buahan mereka.

Disebabkan di dalam Parlimenlah janji bahawa tidak akan berlaku sebarang penyalahgunaan kuasa hak-hak sah rakyat akan dihiraukan diberikan, maka, Parlimen harus menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tetap untuk memeriksa segala pengambilan tanah untuk memastikan janji Ghafar Baba itu ditunaikan.

Jawatankuasa Tetap Parlimen ini untuk mencegah penyalahgunaan kuasa yang berlaku dalam pengambilan tanah harus memeriksa kes-kes di mana Akta Pengambilan Tanah digunakan untuk motif kurang baik.

Satu contoh yang baik ialah urusan pengambilan tanah lebih 220 hektar di Paya Mengkuang, Melaka yang mana tanah berkenaan kini digunakan untuk menternak khinzir. Paya Mengkuang merupakan satu kawasan penternak khinzir yang terbesar sekali di Malaysia yang melibatkan sebuah industri bernilai RM100 juta yang bertanggungjawab membekalkan daging khinzir kepada seluruh pasar Melaka serta juga untuk dieksportkan ke Singapura. Kira-kira 3,000 orang bergantung secara langsung atas industri tersebut, sementara hidup 10,000 akan terjejas dengan teruknya sekiranya pengharaman total dikenakan ke atas penternakan khinzir.

Tiga tahun dahulu, Kerajaan Negeri Melaka mengumumkan niatnya untuk mengharamkan penternakan khinzir di negeri tersebut. Selepas bantahan kuat daripada DAP, rancangan kerajaan itu ditangguhkan secara senyap-senyap.

Namun demikian, kini Kerajaan Negeri Melaka sedang menggunakan Akta Pengambilan Tanah untuk menghidupkan semula rancangannya untuk mengharamkan penternakan khinzir di Paya Mengkuang dengan bercadang untuk mengambil alih semua tanah di Paya Mengkuang untuk tujuan industri. Ini adalah penyalahgunaan Akta Pengambilan Tanah yang juga merupakan satu lagi contoh di mana janji yang diberikan oleh Ghafar Baba dalam Parlimen dimungkir.

Saya telah berada di Paya Mengkuang 10 hari dahulu dan saya terkejut bahawa tiada Menteri MCA pun, khasnya Presiden MCA melawat Paya Mengkuang dalam tempoh 3 tahun yang lalu untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penternak-penternak khinzir walaupun Paya Mengkuang mempunyai bilangan ahli seumur hidup MCA yang paling banyak sekali di negara ini.

Ini juga merupakan satu lagi contoh akan ketidakbertanggungjawabnya dan "ineptitude" yang harus dipandang berat oleh Perdana Menteri dan oleh Jemaah Menteri yang menuntut taraf kecemerlangan dan pencapaian yang tinggi dalam perkhidmatan awam dan segala anggota-anggota Kabinet.

Untuk makluman Dewan ini, kecuali Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Presiden MCA menunjukkan tanggungjawabnya yang lebih sebagai Menteri dan mencuri masa daripada sesi karaoke dan melawat Paya Mengkuang

dengan serta-merta (*Disampuk*) (*Tepuk*) untuk menyelesaikan masalah-masalah para penternak khinzir di situ, ahli-ahli seumur hidup MCA di Paya Mengkuang serta juga ahli-ahli biasa MCA akan membakar kad keanggotaan MCA mereka sebagai tanda bantahan yang amat sangat.

**Seorang Ahli: Masa cukup!**

**Tuan Lim Kit Siang:** Reformasi-reformasi Parlimen yang bermakna juga harus melibatkan penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Kepakaran Parlimen untuk membenarkan Ahli-ahli Parlimen untuk mengkhususkan diri dalam pelbagai portfolio kerajaan supaya mereka dapat memainkan peranan yang lebih aktif dan konstruktif dalam perumusan dasar dan pembuatan keputusan.

Timbalan Perdana Menteri gemar berkata tentang memajukan sebuah Malaysia yang "knowledge-triumphant". Biarlah pertamanya, diwujudkan sebuah perpustakaan Parlimen yang ber"knowledge-triumphant" semoga dengan adanya perpustakaan dan kemudahan penyelidikan Parlimen kita akan menjadi yang terbaik sekali dalam dunia.

Walau bagaimanapun, sesiapa yang melawat perpustakaan Parlimen pada hari ini akan merumuskan bahawa pengetahuan tidak dapat berjaya atau triumphant di Malaysia kerana perpustakaan Parlimen adalah perpustakaan Parlimen yang dahsyat sekali di dalam dunia ini dengan tidak adanya pegawai-pegawai penyelidik atau kemudahan-kemudahan penyelidikan langsung.

Saya berharap, sejajar dengan moto "knowledge-triumphant", perpustakaan Parlimen akan menjalani satu transformasi total dalam tempoh beberapa bulan akan datang ini.

Oleh kerana saya ada dua minit, saya dengan cepat habiskan satu tajuk yang sedikit sahaja iaitu mengenai Biro Tata-negara yang ada kata bahawa untuk menggubal dan membangunkan fikiran dan nilai yang ditetapkan oeh kerajaan. Saya harap bahawa satu nilai yang penting untuk diserapkan ialah mengenai rasa hormat segala pemimpin-pemimpin kerajaan mengenai character yang begitu unik mengenai sifat-sifat berbagai agama di negara ini. Oleh kerana dalam negara ada beberapa contoh baru-baru ini, di mana pemimpin-pemimpin kerajaan tidak menunjukkan sensitivity yang secukupnya terhadap hak-hak agama-agama yang bukan Islam.

Satu contoh ialah perhentian pembinaan gereja Katolik Shah Alam (Catholic Church) yang membelanjakan RM3.5 juta oleh Kerajaan Negeri Selangor tahun lalu, sungguhpun sudah mendapat semua kelulusan rancangan. Kerajaan Negeri Selangor telah menidakkan semua kelulusan yang diberikan tanpa alasan yang baik dan sebagai satu alasan syarat untuk membenarkan pembinaan itu diteruskan bahawa ketinggian bangunan itu perlu dikurangkan daripada lebih 70 kaki kepada tidak lebih daripada 30 kaki.

Saya difahamkan bahawa Archbishop Catholic Fernandes ada menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perkara ini tetapi tidak mendapat apa-apa jawapan. Catholic Church telah membelanjakan lebih daripada RM500,000 yang dapat derma daripada orang ramai untuk piling tempat itu oleh kerana tempat itu dengan izin, sangat swampy. Sekarang mereka tidak ada pilihan yang lain selain daripada menerima desakan Kerajaan Negeri Selangor bahawa mengurangkan building plan daripada lebih 70 kaki ke 30 kaki. Gereja yang akan dibina tentulah satu

gereja yang tidak ada stiple dan hanya flat top yang merupakan satu balai raya. Tetapi sungguhpun rancangan (building plan) ini sudah dipinda dan diubahkan, dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Selangor lebih kurang satu bulan tetapi tidak ada jawapan-jawapan diterima. Ini sudah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan bukan sahaja komuniti katolik tetapi di kalangan orang ramai.

Saya harap bahawa perkara ini perlu diubah, khasnya apabila kita mahu menerangkan nilai yang baik dalam kursus Biro Tatanegara dan bahawa satu usaha yang kuat diadakan supaya boleh memupuk dialog inter religious bukan sahaja di antara agama-agama yang berbeza tetapi khasnya di antara agama muslim dengan agama bukan muslim untuk memupuk persefahaman, harmoni inter religious dan mengelakkan tindakan-tindakan semacam apa yang saya sebut mengenai isu Shah Alam Catholic Church.

Akhirnya mungkin satu cara yang baik untuk mengelakkan peristiwa-peristiwa ini ialah untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menubuhkan satu kementerian yang baru ialah Kementerian Agama untuk memupuk dialog antara agama, untuk mewujudkan persefahaman antara agama supaya kita boleh menjadi satu contoh di dunia di mana tidak ada persefahaman, tidak ada ill will dan konflik-konflik antara agama yang berlaku dalam Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Hulu Terengganu.

*4.14 ptg.*

**Dato' Alias bin Md. Ali (Hulu Terengganu):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan perkara Butiran 050000 iaitu Bahagian Hal Ehwal Islam di mana peruntukan sebanyak RM86,222,100 telah diminta bagi tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri kerana telah berjaya menangani isu Arqam dengan begitu bijaksana dan baik sekali sehingga apa yang dibimbangi pada peringkat awalnya telah tidak berlaku dan apa yang sebenarnya telah berlaku ialah ahli-ahli Arqam termasuk pemimpin-pemimpin tertingginya telah kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya dan mereka sekarang ini sedang berusaha pergi kepada grass root untuk memberi penerangan-penerangan supaya pengikut-pengikut mereka kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya seperti mereka juga.

Ini adalah satu perkara yang sungguh menggembirakan bukan sahaja umat Islam di negara kita ini tetapi juga orang-orang bukan Islam yang pada mulanya menduga beberapa kegelisahan politik dan agama akan berlaku akibat daripada tindakan kerajaan mengharamkan Arqam tetapi apa yang sebenarnya berlaku ialah perkara itu telah diuruskan dengan begitu bijaksana sehingga segala-galanya telah selesai dengan begitu baik sekali.

Saya percaya dan saya yakin bahawa rakyat negara ini tanpa mengira kaum dan agama merasa terhutang budi kepada kerajaan kerana telah berjaya menyelesaikan satu isu yang mungkin pada satu ketika mempunyai potensi untuk meletup menjadi satu perkara yang hangat.

Tuan Pengerusi, selanjutnya saya ingin melihat supaya Bahagian Hal Ehwal Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri ini memperkuatkan bahagian penerbitannya supaya segala tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan menyentuh perkara agama, isu-isu yang menyentuh perkara agama dapat dihuraikan melalui risalah-risalah yang ditulis oleh pakar-pakar yang mengetahui tentang isu-isu yang sebenarnya dan disebar dengan begitu meluas seperti yang telah dilakukan oleh Arqam sendiri. Apa yang kita lihat dalam

gerakan Arqam ialah pengedaran risalah-risalah yang cukup teratur dan cukup konsisten dengan berbagai-bagai bentuk tulisan dan literature mengenai Islam yang disebarkan ke rumah-rumah oleh pengikut-pengikut mereka dan setengah-setengahnya disebarkan secara percuma.

Saya percaya kalau Arqam sebagai sebuah gerakan swasta boleh melakukan program seperti ini, tentulah pihak Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri ini boleh membuat kerja-kerja yang lebih baik daripada itu iaitu mencetak dan menerbitkan risalah-risalah mengenai isu-isu semasa yang dihadapi oleh masyarakat Islam di negara kita ini. Oleh kerana setengah-setengah isu itu mungkin menjadi seperti satu time bomb yang boleh menjejaskan bukan sahaja hubungan antara orang Islam dengan orang Islam, tetapi juga orang Islam dengan orang bukan Islam. Ini mestilah ditangani dengan baik oleh pihak kerajaan terutama oleh Bahagian Hal Ehwal Islam.

Tuan Pengerusi, selain daripada Arqam, banyak lagi perkara-perkara dan isu-isu yang perlu dihuraikan oleh kerajaan melalui risalah-risalah yang berbentuk ilmiah. Misalnya, penolakan Kerajaan Pusat terhadap hukum hudud PAS yang dirangka dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan baru-baru ini, mestilah juga dijelaskan kepada rakyat secara ilmiah dan terperinci supaya rakyat semua dapat faham apakah sebab-sebab sebenarnya Kerajaan Pusat menolak hukum hudud yang dikatakan hukum hudud oleh pihak PAS itu yang sebenarnya menurut pandangan kita adalah suatu undang-undang yang dicipta oleh PAS dan diubahsuai, dipinda sehingga tidak lagi merupakan hukum hudud yang dikehendaki oleh Al-Quran yang sebenarnya. Tetapi ini telah diputarbelitkan oleh pihak tertentu di kampung-kampung dan mereka ini memberi hujah bahawa pihak Kerajaan Barisan Nasional menolak hukum hudud iaitu hukum Tuhan. Semalam pun, Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz, telah membuat satu

lagi fatwa, iaitu sesiapa yang menolak hukum hudud ciptaan PAS itu adalah menolak hukum Tuhan dan orang yang menolak hukum Tuhan adalah sesat. Ini adalah satu tuduhan yang amat serius, mengatakan bahawa Kerajaan Pusat sesat kerana menolak hukum hudud yang dikatakan hukum Islam itu sebagai sesat adalah satu perkara yang kita semua mesti menolak dengan sekeras-kerasnya.

Tuan Pengerusi, sebenarnya dalam kes hukum hudud ini, hanya Nik Aziz dan beberapa orang rakannya di negeri Kelantan sahaja yang nampak bersungguh-sungguh dalam mempertahankan hudud itu. Tetapi rakan-rakannya di Dewan Rakyat ini tidak sendirian dengan beliau. Contohnya, pada 24hb yang lepas, apabila satu perbincangan mengenai kenyataan Peguam Negara telah diadakan. Beberapa orang Ahli iaitu Ahli daripada PAS, Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri dan Ahli Yang Berhormat S. 46 dari Kok Lanas, telah jelas cara terang-terang mempertahankan penzina iaitu budak perempuan berumur 15 tahun yang pada pandangan Islam sudah akil baligh sudah tahu membezakan yang mana dosa dan yang mana pahala, telah membuat pengakuan berzina dan bukti penzinaan itu, beliau telah mengandungi. Malangnya, pejuang-pejuang Islam datang ke Dewan ini daripada Semangat 46, daripada parti PAS, anak buah Nik Aziz, tidak sekata dengan Nik Aziz. Mereka datang ke sini bukan untuk menyeru kepada kerajaan supaya dijalankan hukum hudud terhadap penzina budak 15 tahun ini tetapi sebaliknya merayu kepada kerajaan meminta simpati bagi pihak budak ini supaya jangan dihukum, bahkan kerajaan letakkan budak ini dalam sebuah rumah beri dia makan, jaga dia baik-baik.

**Dr. Sanusi bin Daeng Mariok:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Itu dianggap . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Nanti, saya habiskan ayat. Duduk dahulu. Itu dianggap sebagai suatu kezaliman yang amat sangat yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri yang bererti bahawa mereka sanggup mempertahankan hudud hanya di kampung-kampung tetapi di Dewan ini mereka masih memperjuangkan hukum nafsu mereka sendiri iaitu apabila mereka kesian kepada budak 15 tahun yang berzina, maka mereka berkata jangan diapa-apakan budak ini.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Nanti dahulu. Saya ada 15 minit sahaja. Tidak ada masa untuk melayan. Jadi, kalau sekiranya kita sebagai pemimpin-pemimpin Islam di Kelantan, di Terengganu, di kampung-kampung, kita bercakap tentang hendak menjalankan hukum Allah di bumi Allah sampai ke Dewan yang tertinggi di negara kita, kita bercakap hendak menjalankan undang-undang kasihan belas, maka sudah tentu tidak ada consistency dalam perjuangan kita. Inilah perkara-perkara yang perlu dijelaskan kepada rakyat dan Bahagian Hal Ehwal Agama Islam perlu menjelaskan ini. Oleh kerana kalau tidak, kekeliruan akan terus berlaku iaitu hudud yang dikatakan oleh PAS sebagai hudud yang berlandaskan Al-Quran dan sunah itu sebenarnya adalah satu hudud politik peranan PAS belaka. Sebenarnya mereka datang kelmarin bukan memperjuangkan hudud tetapi apabila mereka kasihan belas kepada budak perempuan 15 tahun, mereka merayu supaya jangan apa-apakan budak perempuan ini.

Yang jelasnya, kalau kita pejuang Islam, di Kelantan kita pejuang Islam, di Terengganu kita pejuang Islam, di kampung-kampung kita pejuang Islam, di Kuala Lumpur kita pejuang Islam, di Parlimen pun kita harus pejuang Islam. Inilah rumah perundangan yang paling tinggi dalam negara kita. (*Tepuk*) Malangnya, . . . . .

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada 15 minit sahaja. Saya tidak ada masa hendak memberi layanan kepada mereka ini. Jadi, Tuan Pengerusi, orang yang menagih simpati kepada penzina ini . . . . .

**Dr. Sanusi bin Daeng Mariok:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Pengerusi, saya tidak beri jalan. Saya ingat duduklah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila duduk. Dia tidak beri jalan.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Awak ada masa untuk jawab saya. Awak akan ada masa untuk jawab saya. Sementara saya bercakap 15 minit, saya tidak ada masa hendak beri jalan kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, dalam Al-Quran jelas ada ayat yang menyebut kalau kita hendak menjalankan undang-undang Islam iaitu hudud secara Islam, jangan kita kasihan belas. Sebab kalau kita campur-adukkan emosi dengan undang-undang, maka undang-undang itu tidak berjalan. Maka jelaslah bahawa Nik Aziz dan rakan-rakannya sendirian di Kelantan dalam perkara hukum hudud ini, rakan-rakannya di Dewan Rakyat ini tidak menyambut dan tidak ada follow-up, dengan izin, apa yang diperjuangkan oleh Nik Aziz dan rakan-rakannya di Kelantan.

Saya sebenarnya terkejut dan kecewa melihat rakan-rakan saya daripada PAS yang seperti singa garangnya di dalam ceramah-ceramah, di kampung-kampung datang ke mari membela seorang pezina, merayu kepada kerajaan minta jangan diapa-apakan. Saya agak mereka akan memanjangkan risalah PAS, risalah Nik Aziz, ketua mereka supaya anak ini, budak 15 tahun ini yang sudah akil baligh, yang sudah mengaku berzina sebanyak 17 kali dengan 14 orang dan bukan berzina kerana paksaan atau dirogol, sepatutnya, panglima-panglima PAS ini datang mendesak kerajaan supaya mengenakan hukum hudud ke atas mereka. Dera perempuan ini 100 kali — itu mengikut hukum hudud PAS. Sebaliknya . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Bolehkah gulung, Yang Berhormat?

**Dato' Alias bin Md. Ali:** . . . . . orang yang tidak mempunyai bukti minta dihukum, orang yang sudah terbukti berzina minta dilepaskan.

Tuan Pengerusi, saya bukan bermaksud untuk memanjangkan debat tentang kontroversi salah betulnya ataupun kontroversi mengenai Ketua Menteri Melaka. Apa yang saya sebut di sini semata-mata hendak menimbulkan suatu contoh bagaimana kepura-puraannya pejuang-pejuang PAS, pejuang-pejuang Islam yang menganggap mereka lebih Islam dari orang lain.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta gulung ya!

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Saya sungguh kecewa dengan sikap mereka, Tuan Pengerusi, dan saya harap Bahagian Hal Ehwal Islam akan mengambil ingatan untuk membetulkan perkara ini melalui risalah-risalah supaya rakyat semua tahu apa yang sebenarnya dilakukan oleh pemimpin-pemimpin yang mendakwa mereka sebagai lebih Islam daripada orang lain ini.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Arau.

4.32 ptg.

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan sebanyak terima kasih di atas peluang yang diberi.

Yang pertamanya saya meminta jasa baik dan ikhsan daripada Tuan Pengerusi untuk membenarkan saya bercakap selama 15 minit extra, sebab saya sebagai Ketua Backbenchers sama juga seperti Ketua Pembangkang, saya patut mendapat hak itu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, jikalau sekiranya Yang Berhormat berjanji tidak ada siapa yang datang masuk ke bilik saya kompelin mengatakan saya tidak beri dia bercakap, tidak apalah saya akan benarkan 15 minit tambah. Jikalau sekiranya yang tidak dapat berucap itu datang ke bilik saya mengatakan dia tidak dapat berucap, macam mana saya hendak buat kalau keadaan begitu. Tidak pernah berlaku selama 12 tahun di dalam Jawatan-kuasa . . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** . . . . . itulah yang menyusahkan diri saya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya dari Backbenchers, saya jaminlah, yang lain tidak payahlah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat berucaplah.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ya, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Saya hendak bercakap di bawah Maksud B. 1 — Urusan Parlimen. Oleh kerana masa tidak cukup, Tuan Pengerusi, saya cuma hendak cadang ringkas-ringkas sahaja.

Sekali lagi saya hendak tanya Tuan Pengerusi mengenai kita punya Tower Block, mengenai penggunaannya, saya

ingat tidak 100%. Jadi, saya ingin bertanya apakah kerajaan bercadang untuk membuat sesuatu supaya kita boleh menggunakan Tower Block itu dengan sepenuhnya sama ada boleh buat hotel Ahli Parlimen ataupun buat perpustakaan. Saya mencadangkan kalau boleh dibuat secepat mungkin untuk tujuan rujukan yang lebih baik, sebab kita sepatutnya mempunyai perpustakaan yang lebih besar. Saya rasa sama besar dengan Perpustakaan Negara — kalau boleh.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, sebab saya selalu jogging pada sebelah petang di sebelah sana — belakang. Jadi, saya hendak cadangkan supaya Parlimen mengambil tanah dengan menggunakan undang-undang tanah yang ada ini, yang membolehkan kita mengambil tanah, mengambil tanah sebelah belakang, supaya kita boleh bina satu Kompleks Parlimen.

Saya rasa sudah sampai masanya sebab Parlimen sebagai badan penggubal undang-undang ia juga kadang-kadang boleh memberi sedikit gambaran yang membentuk contoh yang baik. Jadi, di belakang sana kebanyakan tanah saya rasa bukan dipunyai oleh persendirian, kebanyakannya tanah kerajaan. Saya ingat pihak kerajaan boleh ambil sampai ke Duta Vista, dengan itu kita boleh bina satu Kompleks Parlimen, satu mini zoo yang saya rasa Tuan Pengerusi akan setuju supaya kita boleh menunjukkan satu bentuk landscape yang menarik di Parlimen.

Saya bersetujulah supaya imej Parlimen itu ditingkatkan oleh kerana kita semua ini adalah Wakil Rakyat dipilih oleh rakyat, jadi sepatutnya Parlimen ini imejnya dapat ditinggikan. Kalau boleh dalam masa yang sama coverage untuk Persidangan Parlimen untuk media kalau boleh diperbesarkan ruangnya termasuk di radio dan TV. Saya setujulah yang itu, Tuan Pengerusi, kalau boleh dibuat sesuatu, ini cadangan kita.

Kemudian yang berikutnya Tuan Pengerusi, di bawah Maksud B. 1 — Parlimen, saya hendak bercakap mengenai perangai Ahli Parlimen, sama ada di bawah kuasa Tuan Pengerusikah atau di bawah kuasa siapa, saya tidak tahu. Tetapi perangai Ahli Parlimen, dalam Parlimen mereka terikat kepada peraturan mesyuarat, tetapi di luar mereka bebas dan merdeka. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, kita kena ingat mereka ini Ahli Parlimen, imej Parlimen kadang-kadang kalau sekiranya mereka pergi ke luar negara, mereka bercakap seolah-olah dia bukan Ahli Parlimen. Jadi, saya hendak menyatakan rasa kesal kepada mana-mana Ahli Parlimen yang bertindak yang tidak menunjukkan contoh teladan yang baik, mereka sering menegur pihak kerajaan supaya bukan sahaja bertindak baik, tetapi mesti menunjukkan yang mereka itu baik. Tetapi terdapat Ahli Parlimen yang bukan sahaja tidak baik, tetapi menunjukkan sikap yang tidak baik. Ada seorang Ahli Parlimen dari Kota Bharu yang saya cukup hormat sebab seorang wanita yang mempunyai pakaian yang menutup aurat. Saya cukup hormat dan kagum walaupun dia benci saya, saya tidak pernah benci padanya, hati saya tetap masih ada perasaan kepadanya (*Ketawa*) . . . . .

**Seorang Ahli:** Perasaan apa?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** . . . . . sebab dia benci pada saya, saya pun tidak kisah saya pun boleh sayang kepada orang lain. Tetapi perbuatannya kadang-kadang kurang manis sebab di Parlimen ini kita tidak boleh mengedar berita-berita yang tidak menarik. Dia telah mengedar gambar Perdana Menteri yang ada cop (*sambil menunjukkan ke dahinya*). Apa ini?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** 'Calit'.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** 'Calit' itu yang menunjukkan satu perbuatan yang kurang baik, yang dibuat oleh seorang Ahli Parlimen. Dia tidak patut

berbuat demikian, sebab kononnya hendak membezakan Melayu jati dengan Melayu tidak jati. Tetapi kalau hendak cakap kepada orang ini, kita kena tengok di rumah kita, 'jati' atau 'jati', Tuan Pengerusi, jadi tidak patutlah seorang Ahli Parlimen berbuat demikian.

Demikian juga sifat Ahli Parlimen kalau sekiranya mereka hendak bercakap dengan media asing, Tuan Pengerusi, mereka harus berhati-hati sebab institusi Parlimen, imej Parlimen harus dikawal, harus dijaga. Jadi kepada ketua Semangat 46, lain kali kalau hendak bercakap dengan media asing, bercakaplah yang tidak boleh menjejaskan imej Parlimen. Ahli-ahli Parlimen tidak setuju, Ahli Parlimen Semangat 46 pun tidak setuju dengan perbuatannya bercakap kepada media asing memburuk-burukkan kerajaan. Dia bukan sahaja memburukkan kerajaan, dia sebenarnya memburukkan dirinya sendiri sebagai bekas Menteri Kewangan yang tidak pernah berwibawa.

Saya hendak nasihatkan kepadanya kalau dia terus membuka, menceritakan, mencerca hal-hal kerajaan, Tuan Pengerusi, dia sebenarnya menceritakan pekung di dada, membuka pekung di dada, menceritakan keburukan perangnya pada masa yang lepas. Saya tahu sangat sebab saya pernah bertugas di Kementerian Kewangan pada masa tersebut. Selepas itu saya menjadi Pegawai Kemajuan Negeri, saya tahu cara bentuk peruntukan yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan pada masa tersebut. Tetapi sebab kita mahu bukan sahaja bersih, kita juga mahu menampakkan bersih, kita tidak mahu menceritakan hal-hal yang berlaku pada masa yang lepas, tetapi kalau dia terus berperangai demikian, saya rasa sebenarnya dia membuka pekung di dada. Saya nasihatkan orang yang demikian ini supaya tidak lagi berbuat demikian, tetapi perbuatannya yang lepas saya menganggap perkara ini perlu dibincangkan.

Saya tidak tahu di bawah peraturan mana yang membolehkan kita mengambil tindakan, tetapi saya menganggap orang yang cuba mencerca negara, tetapi masih

tinggal di dalam negara ini, masih makan gaji sebagai Ahli Parlimen, saya ingat dia tidak layak berbuat demikian. Kalau tidak kerana peraturan yang membolehkan, oleh kerana ini kerajaan yang mencadangkan peruntukan, saya minta gajinya dipotong semua sekali, sebab yang pertamanya dia 'tuang' Parlimen, dia jarang datang ke Parlimen.

Yang keduanya, dia hendak bercakap, dia tidak pernah bercakap di Parlimen, Ahli Parlimen apa tidak pernah cakap di Parlimen! Ahli Parlimen yang sebenarnya dia mesti cakap di Parlimen, termasuk Ahli Parlimen Kuala Krai. Kalau dia pergi mencerca di seluruh kampung — boleh, Tuan Pengerusi, tetapi di Parlimen saya tengok dia bangun pun tidak pernah.

Saya cukup kesal, malah Ahli Parlimen Semangat 46 dua tiga orang termasuk PAS dan Ahli dari Nilam Puri mereka bersetuju dengan saya. Mereka kesal melihat setengah Ahli Parlimen daripada PAS dan Semangat 46 yang sanggup pergi mencerca di seluruh kampung dan negara tetapi di Parlimen bisu seribu bahasa. Inilah "sindrom bisu" setengah Ahli Parlimen PAS yang saya rasa mereka tidak patut berbuat demikian.

Tuan Pengerusi, yang berikut saya minta supaya semua Ahli Parlimen mesti menerima hakikat bahawa apa yang kita bercakap di Parlimen ini, kita bercakap secara terbuka sama ada daripada Barisan Nasional, ataupun PAS ataupun Semangat 46. Kita tidak patut menceritakan lebih daripada apa yang kita bercakap sebab kita bercakap ini ada rekod.

Saya menghadapi masalah, bila saya bercakap di Parlimen ada juga ahli dari Barisan Nasional sendiri, saya bukan hendak kata apa, yang tidak pernah bercakap di dalam ini tetapi bila bercerita di luar kononnya dialah yang hero. Yang kita ini bercakap kononnya kita bantai orang sana, kita bantai orang sini. Ini bukan soal bantai tetapi soalnya, kita menegur. Saya hendak tegur, saya tidak kira siapa tetapi saya tegur sama ada dia dari Barisan Nasional ataupun PAS, saya hendak tegur.

Kalau sekiranya kita tidak puas hati bercakap di sini. Kalau ada perkara yang patut kita mempertahankan bagi mereka yang tertentu di luar, bercakaplah di sini. Semua sekali saya hendak bercakap supaya mereka ini dapat faham bahawa di Parlimen ini bukan tempat kita bermain-main tetapi tempat kita bercakap, bertanya dan menegur sebagai tugas kita sebagai Wakil Rakyat. Saya hendak tegur kepada semua pihak yang berasa tidak puas hati terhadap sesuatu perkara, bangun bercakap, jangan duduk diam di dalam ini selepas itu pergi cerita macam-macam di luar. Saya tidak puas hati dalam perkara ini. Kadang-kadang kalau sama-sama Pembangkang tidak apa, biarkan; oleh sebab perangai mereka memang macam itu tetapi kalau Barisan Nasional saya rasa kecil hati. Sesiapa yang berasa tidak puas hati, bangun bercakap. Ini betul-betul saya marah.

Tuan Pengerusi, yang berikutnya Maksud B. 3 iaitu di bawah Audit Negara. Kita tahu peraturan ini. Tuan Pengerusi sebagai bekas Hakim Mahkamah Tinggi, saya lihat Laporan Audit di bawah Jabatan Audit Negara di bawah Butiran 01000 — B. 3, saya hendak bertanya mengenai teguran-teguran Audit. Audit membuat teguran dan selepas itu jabatan mana yang patut mengambil tindakan? Jabatan yang berkenaan sepatutnya mengambil tindakan tetapi selepas itu dia beri jawapan balik kepada Jabatan Audit.

Jadi, perbezaan masa itu, saya hendak minta supaya Jabatan Audit ini diadakan peguam khas untuk prosecute bagi kes-kes yang dianggap ada penyelewengan. Kalau tidak, teguran Audit itu menjadi teguran Audit sahajalah. PAC pun tiada kuasa apa-apa! Ia cuma boleh memberi teguran dan

sebagainya dan selepas itu tiada siapa yang akan mengambil tindakan. Adakah jabatan yang berkenaan hendak mengambil tindakan? Saya cadangkan supaya semua teguran ini diambil tindakan sertamerta. Pada masa yang lepas ada kes-kes yang kita boleh ambil tindakan sertamerta. Ini cadangan, kalau tidak boleh tidak apa! Kalau boleh, bagus, alhamdulillah.

Yang berikutnya Maksud B. 4 — Pilihanraya. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya kerana telah menjalankan bancian yang baik walaupun terdapat parti-parti Pembangkang yang cuba membuat karenah tukar pengundi dan sebagainya. Saya rasa saya kena pergi check balik nama saya, nama Tuan Pengerusi pun kalau hendak mengundi kena check balik sebab mereka boleh ubah nama Tuan Pengerusi, tiba-tiba bila Tuan Pengerusi hendak pergi mengundi, tiada nama. Ini boleh jadi! Saya takut juga! Nanti bila saya hendak bertanding, insya-Allah, kalau boleh bertandinglah. Kalau tidak boleh tak apa! Tiba-tiba nama saya tidak ada. Saya kecut perut ni! Saya hendak balik minggu ini saya hendak tengok. Nama saya kena ubah ataupun tidak, sudah dua minggu saya berada di Kuala Lumpur kerana menghadiri Persidangan UMNO dan saya tidak dapat surat apa-apa.

Walau bagaimanapun, saya mengucapkan tahniah sebab Suruhanjaya Pilihanraya pada pendapat saya, urusan yang mereka buat adalah di antara yang terbaik di dalam dunia, cukup cantik, menarik dan cepat! Ini saya ucapkan tahniah dan sistem komputer mereka pun cukup baik. Saya bertanya apa-apa pun mereka beri. Saya minta supaya Suruhanjaya Pilihanraya dengan sikapnya yang baik ini dapat diteruskan.

Maksud B. 7 — JPM, di bawah Keselamatan Pejabat Kerajaan. Walaupun ini termasuk sedikit di bawah Kementerian Dalam Negeri, saya hendak bertanya oleh sebab banyak rahsia-rahsia kerajaan yang bocor. Yang bocor ini pula banyak pergi kepada DAP. Macam Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang dia boleh mendapat macam-macam rahsia. Saya hairan dia ambil daripada siapa? Mesti daripada pegawai kerajaan. Dan rahsia-rahsia ini dia baca di Parlimen dan siapa yang hendak mengambil tindakan? Ini tidak adil! Kita ada Akta Rahsia Rasmi tetapi tindakan tidak diambil. Yang dia baca itu, dia curi daripada mana? Sepatutnya polis kena panggil dia dan tanya dia ambil daripada mana? Mereka ini bebas dan merdeka masuk ke pejabat kerajaan menerima laporan daripada pegawai kerajaan tertentu; tetapi mereka bebas.

Saya hendak minta supaya di bawah tajuk Keselamatan Pejabat Kerajaan ini, sesuatu harus dibuat untuk memastikan supaya rahsia-rahsia kerajaan tidak bocor. Sekarang ini bagi pejabat-pejabat tertentu, pegawai-pegawai kerajaan dia datang dia bawa bag. Dalam bag ada apa, kita pun tidak tahu. Dia balik, mungkin dia photostat dua, tiga benda, dia bawa keluar dan beri kepada DAP. Bagi saya walaupun banyak laporan yang hendak diberikan kepada saya, saya tidak mahu ambil sebab saya tidak mahu melanggar Akta yang kita gubal di Parlimen. Tetapi banyak Ahli Parlimen ini melanggar undang-undang. Langgar tidak bayar tol pun ada! Macam-macam mereka sanggup buat. Saya tak hendak buat sebab kita luluskan di sini, maka saya ikut peraturan. Saya bukan sahaja baik tetapi saya buktikan saya baik.

Tuan Pengerusi, saya minta Ahli-ahli Parlimen yang menerima benda ini — pihak polis banyak di Parlimen ini — apabila mereka keluar nanti, tangkaplah.

Saya pun tangkap, kalau saya mencuri rahsia kerajaan. Kalau kita tidak buat apa-apa, mereka ini bebas bertindak seolah-olah mereka ini hero negara.

Tuan Pengerusi, yang berikutnya di bawah tajuk Lembaga Penasihat. Lembaga Penasihat saya lihat daripada program dan aktiviti ia lebih kepada jawatankuasa untuk membincangkan penahanan orang salah. Saya mencari tentang 'Penasihat Kerajaan', ia duduk di mana? Saya cari merata di bawah ini tidak jumpa. Oleh sebab ada perkataan "Nasihat" saya hendak bercakap mengenai 'nasihat' sedikitlah. Penasihat kerajaan ialah Tun Daim Zainuddin. Saya hendak bertanya kerajaan sejauh mana nasihat beliau telah diterima? Adakah Penasihat Kerajaan mempunyai kuasa dan di mana nasihatnya itu dimasukkan? Contohnya, katalah hendak menswastakan Parlimen ini — Parlimen kita tidak boleh buat contoh; Tuan Pengerusi. Katalah kita hendak swastakan suatu benda, adakah pandangan daripada Penasihat Kerajaan diambil? Saya hendak tahu sejauh mana perkara ini dibuat supaya perkataan 'nasihat kerajaan' itu ada dan kita berpuas hati supaya penasihat kerajaan ini berfungsi. Kalau tidak, saya rasa tidak perlu ada penasihat kerajaan. Kalau ada, saya ingat perlu diberi peluang kepada beliau untuk berbuat demikian. Yang berikutnya, Tuan Pengerusi, yang menimbulkan . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, beri last yang itu. Cakap yang itu adalah yang penghabisan, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Baru fifteen minutes, Tuan Pengerusi. Bukankah saya dapat extra tadi!

**Tuan Pengerusi:** Tidak. Sila. Itu buat yang penghabisan, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, penghabisannya ialah dua perkara — Biro Tata Negara dan Hal Ehwal Agama Islam. Saya hendak mencadangkan supaya Biro Tata Negara di bawah Butiran 010700, dan saya orang yang mula bercakap dalam Butiran ini. Ketua Pembangkang bercakap tadi semuanya mengenai dasar. Saya bercakap mengenai Biro Tata Negara. Saya hendak mencadangkan supaya bukan sahaja kursus tetapi hendaklah juga dibuat Biro Tata Negara ini di radio. Saya hendak mencadangkan supaya Biro Tata Negara menerangkan bahawa ada beberapa perkara yang berbentuk peraturan kerajaan, undang-undang yang rakyat tidak perlu lagi dengar, tidak perlu lagi menerima fitnah yang telah dibawa oleh Pembangkang. Ini penting, siapa hendak terangkan perkara ini.

Sebagai contoh, undang-undang tanah ini adalah undang-undang negeri. Undang-undang pemberian tanah adalah undang-undang pemberian negeri. Ini kena beri tahu. Contohnya, sekiranya Kerajaan Negeri Perlis hendak beri tanah kepada Tuan Pengerusi — ini kalau Tuan Pengerusi hendak berniaga kemudianlah selepas ini — tidak ada orang boleh pertikaikan sebab ini adalah hak kuasa Kerajaan Negeri. Kalau sekiranya Kerajaan Negeri hendak memberi tanah kepada Ahli Yang Berhormat Jerai untuk berniaga, untuk membuat syarikat "Happy Link" dan sebagainya, kita boleh keluarkan tanah kepadanya. Itu tidak harus dipertikaikan.

Saya hendak beri contoh sebab seolah-olah di dalam Malaysia ini orang UMNO kalau sekiranya dia dapat tanah, semuanya salah. Sebagai contoh, Ahli dari Bukit Bintang baru-baru ini telah membawa surat ke merata negara mengatakan ada sekeping tanah yang telah diberikan kepada seorang — saya

lupa namanya, yang bernama Dato' Fatmi. Dia kata salah. Tetapi ini hak kuasa Kerajaan Negeri. Apa yang salahnya? Apakah beliau ini oleh kerana dia orang UMNO dia salah untuk mendapatkan tanah? Bukan fasal itu, sebab selepas daripada ini saya juga akan banyak memohon tanah untuk membuat projek-projek pembangunan. Salah atau tidak salah bagi saya? Tetapi saya tidak dapat hendak buat macam mana? Kalau dapat, saya hendak suruh DAP bawa. Apakah salah? Salahkah orang UMNO berniaga? Kalau macam itu, bila orang UMNO memerintah orang UMNO semua kena berhenti berniaga, tunggu makan elaun itu sahaja. Ini cerita mengarut, Tuan Pengerusi. Ini termasuk juga dua, tiga perkara yang berbentuk peraturan yang Biro Tatanegara kena terangkan. Jadi, kita adakan Biro Tata Negara di radio untuk memaklumkan kepada orang ramai bahawa ini peraturan. Kalau tanah, hak berkuasa Negeri. Kalau air, hak berkuasa Negeri. Kalau yang ini, hak berkuasa negara. Kalau hutan hak berkuasa Negeri. Kalau orang ramai tahu walaupun DAP, walaupun PAS pergi buat fitnah dan sebagainya, mereka tidak ada peluang berbuat demikian.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, fasal Hal Ehwal Agama Islam. Ini saya sentuh, saya berjanji 2 minit, 2 minitlah Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman sebab telah beri jawapan yang menarik, seronok tetapi tajam untuk didengar semua pihak. Sekali lagi saya hendak tanya, tadi saya tanya soalan tambahan. Di manakah keadilan kerajaan dari segi mengambil tindakan kepada mereka yang menyelweng dari segi akidah. Kita kerajaan mesti nampak adil dan bertindak dengan adil. Arqam, Ustaz Ashaari itu sebab dia bukan parti Arqam. Kalau dia parti Arqam, saya rasa takut juga, tak boleh macam itu. Dia melanggar akidah, kita

mesti ambil tindakan. Tadi Ahli Parlimen dari Kota Bharu, kalau dia baru masuk berkawan dengan orang PAS dia pun hendak jadi ustazah, dia tanya soalan yang silap — dia tak tahu apa itu 'syumul'. Jadi, kita tak mahu benda ini terjadi. Kita minta kerajaan tahu bahawa sekarang ini oleh kerana ada perkataan PAS, nama "Islam" dalam PAS menyebabkan banyak orang telah tersilap faham. Saya pun tak tahu, syukur alhamdulillah, sebab Presiden kita baca buku, saya rasa Pengerusi pun baca buku bersama dengan dia, rupanya British yang beri nama itu ya? Saya tak tahu mereka ini talibarut British, dan mereka ini orang PAS ialah orang yang menentang kemerdekaan, tetapi menikmati kemerdekaan yang dituntut oleh UMNO dan Barisan Nasional, masya Allah. Saya minta supaya kerajaan adil, ambil tindakan kepada Arqam dan ambil tindakan kepada PAS. Mana boleh kata PAS hendak kena tunggu dahulu, pada hal kita ada bukti-bukti yang nyata dan sahih yang PAS menuduh kita tidak Islam. Malah Ahli Parlimen dari Bachok — sebelah Kuala Krai apa nama, yang sebelah pakai songkok apa nama, Tuan Ibrahim Mahmood. Dia keluarkan buku, ini di Parlimen tuduhan dibuat. Dahulu Pak Nik dari Pengkalan Cepa dia kata orang UMNO tak percaya Al-Quran, ni macam mana cerita? Dia baca, dia keluarkan satu ayat Al-Quran, dia kata Jerai dan Arau bercakap fasal kafir. Dia kata nah buku balik baca, iaitu dia tidak mahu menafikan perkataan 'kafir' yang telah dituduh oleh orang PAS, dia kata sebenarnya kalau sekiranya ada Islam negara boleh mundur pun, dia kata boleh bergerak ke arah kafir, dia cakap. Saya hendak buat usul khas untuk dia, tetapi Tuan Yang di-Pertua sedia maklum saya tak sempat taip, kadang-kadang saya datang lewat waktu pejabat.

Jadi, saya minta supaya kerajaan mengambil tindakan, kita tidak ada pilihan. Kalau sekiranya PAS betul-betul gentleman, betul-betul berani, betul-betul anak jantan buang perkataan 'Islam' mari kita berlawan di seluruh negara. Bubuhlah nama parti 'Nahdatul Ulama'-kah ataupun parti yang 'Ustaz' dan 'Ustazah'kah untuk mengelakkan perkataan 'Islam'. Sebab Islam bukan PAS punya. Islam saya punya, Islam bagi orang Islam punya, termasuk Tuan Yang di-Pertua punya. Jadi, mana boleh PAS punya. Jadi, sekarang seolah-olah Tuan Pengerusi sendiri pun yang tak pernah campur hal politik, Tuan Pengerusi pun dia kata 'bukan nu'. Bagi orang-orang PAS yang bawah-bawah dia kira tidak Islamlah.

Jadi, makna kata di Saudi Arabia bukan ada Islam sebab tak ada PAS; sebab dia kata PAS itu Islam, dan Islam itu PAS. Tolong! benda ini telah diulang berkali-kali dalam Perhimpunan Agung UMNO, itu mereka cakap sebagai usul. Tetapi di Parlimen ini kita hendak gubal undang-undang, ambil tindakan. Jangan takut nanti orang-orang Islam mengamuk apa oh! kalau takut begitu orang Arqam pun boleh mengamuk, tak boleh. Kita tak boleh double standard dalam ini. Mesti ambil tindakan. Ahli Parlimen termasuk S.46 pun, dia bersetuju dengan saya dia bercakap di luar sana dia kata betul, itu betul, tetapi dia tak berani bercakap sebab mereka adalah APU sekarang.

**Tuan Pengerusi:** Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Dengan ini, saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

4.54 ptg.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang pertamanya saya hendak menyentuh berhubung dengan B. 4, Suruhanjaya Pilihanraya. Perkara yang tak sempat saya habiskan dalam perbincangan dasar beberapa minggu lepas, tetapi atas perkara kepentingan awam saya hendak bangkitkan sekali lagi berhubung dengan peranan Suruhanjaya Pilihanraya dalam menangani masalah bantahan yang telah dibuat di seluruh negara baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, Suruhanjaya Pilihanraya bukan sahaja sebuah badan yang bebas, tetapi ia hendaklah nampak bebas dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pilihanraya yang akan datang.

Pada 4hb. November 1994 yang lepas, Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya telah membuat satu kenyataan akhbar yang menyebut bahawa Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) telah menerima 29,292 bantahan daripada orang ramai berhubung dengan gerakan daftar pemilih yang telah dilakukan pada bulan Julai dan Ogos tahun ini. Daripada bantahan tersebut, sebanyak 17,959 adalah daripada negeri Kelantan. Bermakna hampir separuh daripada bantahan yang dibuat oleh pembantah adalah daripada negeri Kelantan, terutamanya ialah di Parlimen Peringat. Saya dapati orang UMNO negeri Kelantan tidak membuat apa-apa bantahan. Daripada kajian yang saya buat tidak membuat apa-apa bantahan. Bantahan yang dibuat ialah daripada parti Melayu S.46 dan daripada PAS. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa orang UMNO berpuas hati dengan gerakan tersebut. Maka yang tidak puas hati ialah orang Parti Melayu S.46 dan orang PAS. Ini bermakna secara tidak langsung yang menyeleweng ialah UMNO Baru yang cuba membawa pengundi-pengundi luar untuk menjadi pengundi dalam pilihan raya yang akan datang.

Kemudian selepas itu, Suruhanjaya Pilihanraya telah pun menjalankan siasatan awam atau dalam bahasa undang-undangnya, dengan izin Tuan Pengerusi, public enquiry. Suatu bantahan awam telah dibuat secara besar-besaran selama tiga hari berturut-turut. Macam-macam yang berlaku semasa bantahan tersebut; ada yang tumbuk meja, ada yang hendak bertumbuk dan sebagainya. Perkara ini timbul kerana peraturan-peraturan siasatan yang ada sekarang ini tidak lengkap dan tidak kemas kini. Ada ruang yang membolehkan bahawa mereka yang terkilan pertikai keputusan oleh pegawai penyiasat dan tidak ada undang-undang khusus yang mengawal perkara ini.

Yang pertama, misalnya bagaimana cara siasatan itu perlu dilakukan. Ini tidak dinyatakan di bawah Akta Pilihanraya ataupun mana-mana akta atau peraturan yang ada sekarang ini. Yang ada ialah peraturan yang ditetapkan oleh SPR, yang itu pun tidak mengikat. Kerana peraturan yang dibuat oleh pihak SPR boleh dipertikaikan oleh orang ramai, melainkan ianya jadi satu peraturan undang-undang. Maka dengan itu, ada pegawai SPR yang membuat siasatan memanggil satu orang, kemudian selepas panggil pembantah, keluar pembantah, kemudian panggil orang kena bantah dan sebagainya. Cara ini telah menimbulkan keraguan kepada mereka yang membantah.

Yang keduanya, hasil keputusan yang dibuat oleh enquiry tidak dimaklumkan kepada mereka yang membantah. Ini pun juga menimbulkan suatu keraguan. Sepatutnya hasil daripada siasatan tersebut dimaklumkan kepada orang yang membantah, barulah mereka tahu bantahan mereka diterima ataupun tidak. Kalaulah keputusan itu tidak diberitahu, tiba-tiba datang pilihanraya nanti, nampak nama orang yang kena bantah itu ada lagi, sudah tentulah mereka tidak akan berbuat lagi. Dan yang lebih penting, Tuan Pengerusi, ialah mengenai takrif 'bermastautin'.

Kita tahu bahawa bantahan-bantahan yang disahkan boleh dibuat ialah bantahan yang diiktirafkan oleh undang-undang. Salah satu alasan bantahan ialah bahawa orang yang kena bantah tidak bermastautin dalam peti undi berkenaan. Tetapi malangnya perkataan 'bermastautin' tidak ditakrifkan di bawah mana-mana peraturan. Oleh yang demikian, tafsiran pegawai Suruhanjaya Pilihanraya makna 'bermastautin' adalah terlalu kabur. Ada pegawai SPR yang beritahu, dia kata kalau kita duduk di Kuala Lumpur, kemudian kita pergi melawat waris kita di Kelantan selama dua hari, kebetulan masa itu ada gerakan daftar pemilih, maka kita daftar. Kita pun dianggap orang bermastautin. Kalau inilah makna orang bermastautin, jawabnya, Tuan Pengerusi, pengundi daripada Kuala Lumpur, daripada Penang daripada Perlis boleh mendaftarkan di Kelantan, jadi ini bukan maksud undang-undang yang sebenar.

Jadi, sebab itu untuk mengelakkan kekeliruan semuanya ini, saya cadangkan bahawa takrif "bermastautin" itu mesti dibuat secara khusus di bawah Akta Pilihanraya atau mana-mana peraturan supaya tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan semua pihak.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:**  
(*Bangun*)

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Minta maaf Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, masa ada 15 minit sahaja. Ahli Yang Berhormat pun membangkitkan perkara ini hari itu. Memangnya Ahli Yang Berhormat tak puas hati, inilah kedudukan 'loophole', dengan izin Tuan Pengerusi, dalam undang-undang kita sekarang. Ramai orang S.46, PAS pun tidak puas hati dengan perkara ini supaya melihat perkara ini dengan serius.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya mengingatkan bahawa kalaulah Daftar Pemilih bagi tahun 1994 ini untuk dipakai dalam pilihanraya yang akan datang, saya cukup ragu-ragu, takut berlaku ada unsur-unsur penyelewengan kerana sekarang ini kita tahu keputusan muktamad mengikut Pengerusi Suruhanjaya Pilihan-

raya, oleh kerana mereka tidak menjangka menerima bantahan yang begitu banyak, maka ini mengambil masa untuk menyelesaikan. Mengikut mereka pada bulan Januari pun tak boleh selesai lagi. Ini masalahnya, jadi supaya siasatan ini dibuat sebaik mungkin supaya mereka yang membantah 17,000 lebih di Kelantan itu akan berpuas hati.

Saya telah sebut dalam peringkat dasar yang lepas, di dalam DUN saya sekarang, dalam Parlimen Kok Lanas sekarang, DUN Ketereh 4,400 pengundi baru dalam satu DUN, sedangkan pengundi keseluruhannya ialah hanya 12,000, tak munasabah langsung. Takkanlah Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar boleh beranak 4,000 dalam masa dua minggu. Tak munasabah langsung Tuan Pengerusi, ini yang memang berlaku. Dalam keseluruhan Parlimen Peringat pula sampai 8,000 lebih mendaftarkan. Tentulah dalam tempoh dua minggu tak munasabah langsung, melainkan ada orang luar yang diimport masuk untuk membantu. Tetapi Barisan Nasional pula, tuduh kita pula tukar, dia kata. Tuduh pula kita tukar pengundi, kalau kita tukar pengundi, bantahlah baru ini. Tetapi mengapa tak bantah? Sebab peraturan kita ada, kalau PAS - S.46 tukar pengundi, alih pengundi seperti dakwaan mereka, maka peraturan yang dia buat, yang dia sokong perlulah mengikut peraturan tersebut, buat bantahan. Tetapi bantahan tak buat, tuduh kita pula. Dia buat kita yang membantah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, satu lagi ialah berhubung dengan Jabatan Perdana Menteri khususnya Bahagian Hal Ehwal Agama Islam. Saya hendak bercakap ini Tuan Pengerusi, atas orang Islam yang mengucap dua Kalimah Syahadat, bukan atas ahli parti S.46 atau bukan atas sifat saya hendak menyokong orang PAS atau hendak menentang Barisan Nasional. Soal pelaksanaan undang-undang hudud dan apa yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional khususnya kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sekejap tadi Timbalan Menteri. Saya pun naik keliru, Tuan Pengerusi.

Dahulu saya pernah dengar semasa Pilihanraya Bukit Payong dahulu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berucap di Johor Bahru, ucapan itu tegas dan nyata, dia kata: "Kalau Kerajaan Kelantan hendak buat hudud dan kalau Perlembagaan Pusat yang jadi halangan, insya Allah dia sanggup pinda Perlembagaan Pusat". Itu kenyataannya, saya tak tahulah, takut kalau Perdana Menteri berbohong pula. Saya tak percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh mengeluarkan satu kenyataan yang cukup mengelirukan orang ramai.

Saya percaya bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap, mesti dia tunai kerana dia Perdana Menteri, dia ada kuasa. Tetapi yang mengelirukan saya pula baru-baru ini Tuan Pengerusi, dia pergi ke Pasir Mas, dia kata: "Kalau Kerajaan Kelantan buat juga Enakmen Jenayah Syariah II ini, kerajaan hendak ambil tindakan". Saya pun naik keliru Tuan Pengerusi; satu masa dahulu dia kata kalau Kelantan hendak buat dia hendak beri laluan, hatta meminda Perlembagaan Persekutuan sekalipun. Baru ini pula, dia kata kalau buat, hendak ambil tindakan. Dia kata, yang dia tidak setuju kerana hudud ini hudud PAS. Saya pun inilah pertama kali. Tuan Pengerusi, selaku umat Islam saya mendengar kata hudud PAS, ada hudud UMNO, ada hudud S.46. Bila orang tanya: "Mana hudud UMNO"? Dia kata: "hudud UMNO ada dalam Al-Quran". Kalau macam itu, Tuan Pengerusi, kita senang sahaja, ambil Al-Quran campak di mahkamah — cari hudud dalam itu. Begitu bukanlah caranya — sembahyang ada dalam Al-Quran, tetapi cara sembahyang mestilah dibuat. Dan kalau ada peruntukan ini . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, minta maaf. Saya tidak ada masa.

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Tuan Pengerusi, saya minta dia tarik balik 'campak Al-Quran dalam mahkamah' Tuan Pengerusi. Al-Quran kita tidak boleh campak, minta tarik balik. Hormat sedikit Al-Quran kita, jangan campak. Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Jerai tak payah mengajar saya.

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Fasal guna perkataan 'campak Al-Quran' ini tarik balik. Kita orang Islam, Ahli Yang Berhormat pun orang Islam.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Maksud saya, itu faham, itu sindiran. Kalau tak faham lagi tak payah jadi Ahli Parlimenlah.

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Jangan guna ayat yang keterlaluan kepada Al-Quran.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Jerai ikut Peraturan Mesyuarat, Tuan Pengerusi. Bila saya tak beri laluan jangan bercakap.

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Menghina Al-Quran ini.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Takkan tak tahu lagi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Jerai, dia tidak beri jalan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Dia guna ayat yang begitu tak patut itu — orang Islam.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, senanglah kalau macam itu, takkanlah kita hendak membuat sesuatu undang-undang. Undang-undang kita yang ada sekarang pun, undang-undang Penal Code, undang-undang Akta Jalan Raya semuanya ditulis dalam bentuk tulisan. Dan itu yang

dijadikan undang-undang. Kalau hendak pakai dalam Al-Quran semua, tak keluarkan macam mana orang hendak guna? Jadi, saya naik keliru Tuan Pengerusi, sebagai orang yang beragama Islam, saya naik keliru kalau benda itu tak betul, di mana-mana tak kena, di mana-mana tak betul, cubalah perbetulkan.

Kalau selaku umat Islam khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia ketua kerajaan tentulah sebagai umat Islam dia mesti bertanggungjawab, kalau yang ini tak betul, perbetulkan di mana yang tak betul. Jangan dok kata "kita tak mahu ini hak PAS, ini hak S.46, ini bukan hudud — Al-Quran, ini hudud PAS" — macam-macam tuduhan. Ini tak boleh, kita selaku orang Islam, kita mesti mencari jalan penyelesaian. Perkara ini adalah perkara serius. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi semasa menjawab, sindir orang S.46. Sepatutnya orang yang hendak belajar agama ini kena hormat, walaupun orang itu jahil kita yang berpengalaman daripada Al-Azhar, tolonglah ajar. Ini bila orang silap sedikit, hentam balik, seolah-olah dialah yang pandai. Cara ini tak kena, bukan cara orang Islam mengajar orang macam lagu ini. Sebab itulah saya tak hairan tadi kalau dia jawab cara itu, makna kualitinya kita faham. Sama juga dengan Ahli Yang Berhormat daripada Hulu Terengganu menuduh saya dan Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri, dia kata kita mempertahankan orang berzina. Dia tidak baca *Hansard* ucapan . . . . .

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Minta maaf Yang Berhormat, tidak ada jalan. Fasal masa terlalu singkat. Tuduh kita mempertahankan orang berzina. Baca *Hansard* itu dahulu, bila kita mempertahankan orang berzina? Yang kita pertahan ialah prinsip keadilan yang juga diterima pakai dalam undang-undang Barat yang ada sekarang dan diterima pakai oleh undang-undang Islam. Yang kita pertikai mengapa budak

yang mengadu ditangkap, ditahan, dikurung sedangkan orang yang disyaki bebas lepas tidak ditangkap. Itu yang kita pertikai.

Yang kedua, yang kita pertikai kalaulah budak ini diambil tindakan, ditahan, dikurung, mengapa orang yang mengaku melakukan hubungan jenis dengan beliau, 14 orang sampai hari ini tidak ditangkap? Ini prinsip keadilan, bukan sahaja dalam undang-undang Islam, dalam semua undang-undang keadilan adalah cukup penting. Yang kita pertikai ialah keadilan pelaksanaan undang-undang.

Sistem yang ada sekarang pun bukan undang-undang hudud. Sistem kita sekarang Penal Code bukan undang-undang hudud. Sistem negara kita pun ialah sistem undang-undang Barat, bukan sistem undang-undang Islam.

Jadi, kalau kita mengatakan bahawa prinsip keadilan mesti dipakai dalam kes budak itu, tidak bermakna kita mempertahankan orang yang berzina. Kita tidak pernah mempertahankan orang yang melakukan kesalahan. Yang melakukan kesalahan mestilah dihukum.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara ialah B. 1 — Parlimen. Ahli Yang Berhormat dari Arau tadi membangkitkan soal sikap, perangai dan tingkah laku Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Arau minggu lepas cuba membawakan perkara 18(2) dalam Dewan ini. Saya menyatakan bahawa tindakan beliau yang membawa Usul dalam Dewan ini untuk mendisiplinkan Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang ialah satu tindakan penyalahgunaan proses Parlimen ini.

Peraturan Dewan telah menyebut dengan jelas bahawa Ahli Parlimen hanya boleh diambil di atas sifatnya dalam kerusi rasmi sebagai Ahli Parlimen. Kalaulah Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang ada memburuk-burukkan negara ini, saya hendak cadang sekali lagi, hendak mengulang dalam Dewan ini

sekali lagi supaya rakyat Malaysia 18 juta ini dapat mendengar apa Yang Berhormat Mulia dari Gua Musang katakan. Tayangkan secara langsung ke seluruh negara, kalau perlu dengan translationnya sekali, sebab saya difahamkan dia bercakap dalam bahasa Inggeris. Kalau perlu, dalam terjemahannya sekali, ulang tayang dalam seluruh negara dan siar semua ucapan-ucapan. Saya difahamkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga ada membuat kenyataan. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ada membuat kenyataan, ramai orang yang ditemu duga dalam rancangan itu. Dalam program yang sama dan ini berlaku di Malaysia. Saya pun hendak tahu juga, apa ayat yang dia kata, sehingga boleh dituduh memburukkan negara ini. Saya hendak tahu dan semua rakyat Malaysia hendak tahu, tiba-tiba mengatakan Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang memburukkan negara ini.

Tuan Pengerusi, saya tidak percaya seorang yang berpengalaman, anak Melayu yang pernah berada dalam kerajaan, sanggup memburuk-burukkan negara ini. Saya hendak menegaskan dalam Dewan ini, kalau Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang betul-betul memburuk-burukkan negara ini, maka sayalah orang yang pertama akan menentang beliau. Kalaulah betul, saya tidak tahu, sebab itulah kita hendak tengok apa benda yang dia cakap. Kalau hanya sekadar cakap, orang tanya saya: "Macam mana orang-orang politik dalam negara ini kaya raya"? Kalau orang tanya saya begitu, saya jawab senang sahaja: "Orang politik kaya raya kerana, when you get the power, bila you ada kuasa, you award, you beri kontrak kepada anak beranak you, maka you kaya". Is that an offence? Itu memburuk-burukkan negarakah kalau saya bercakap macam itu? Sebab itulah rakyat Malaysia hendak tahu sekarang, saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan ada di sini, sebagai tugas Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat atas hendak

membersihkan nama semua pihak, supaya ucapan itu ditayangkan dalam televisyen, apa yang dia kata, supaya rakyat Malaysia boleh menilai.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, dahulu ada sekali tuduh kita Ahli-ahli Pembangkang terima sogokan daripada Australia, tuduh kita Ahli-ahli Pembangkang. Kita bentuk jawatankuasa Pembangkang yang terdiri daripada semua parti hendak kaji betul atau tidak Ahli Parlimen Malaysia terima sogokan daripada Pembangkang.

Yang Berhormat Ketua Pembangkang jemput Ahli-ahli Barisan Nasional, ahli-ahli dari UMNO, seorang pun tidak datang — tidak mahu. Kita hendak mencari kebenaran, hendak membuktikan siapa sebenarnya yang bersalah. Ini "Lempar batu sembunyi tangan", lempar tuduhan kepada Ahli Pembangkang — terima sogokan dari Australia, bila kita bentuk Jawatankuasa Penyiasat, jemput Barisan Nasional supaya menyiasat siapa yang bersalah, tidak hadir seorang pun. Baru-baru ini tuduh lagi Yang Berhormat Gua Musang memburukkan negara.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, sebagai penggulungan, tentulah perkara-perkara seperti ini, tuduhan-tuduhan seperti ini, ke atas seorang warganegara Malaysia, seorang Ahli Yang Berhormat, terutama kepada Ahli Gua Musang yang pernah berada dalam kerajaan — itu satu tuduhan yang berat, dan kalau tidak diberi hak untuk membela diri, terutamanya di dalam akhbar, membela diri dalam radio dan televisyen — ini suatu tuduhan yang terlalu tidak adil. Oleh itu saya minta kerajaan supaya sekali lagi menyiarkan secara langsung ucapan ini dengan terjemahannya sekali, jika perlu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Parit Sulong.

5.12 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dalam perbincangan ini saya ingin merujuk kepada Kepala B. 7 Butiran 050000, Bahagian Hal Ehwal Islam dan secara khususnya kepada Program/Aktiviti 050400 iaitu Pembangunan Pendidikan Islam.

Tuan Pengerusi, dalam konteks ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan yang peka dan prihatin terhadap keresahan rakyat jelata mengenai ura-ura kerajaan yang mahu mewujudkan sekolah satu sesi yang memberi gambaran sekaligus bahawa dengan itu institusi sekolah agama akan terhapus.

Dengan penjelasan dan dengan huraian yang telah pun diberikan kepada pihak kerajaan menerusi memorandum, khususnya daripada Kerajaan Negeri Johor kepada Kementerian Pendidikan, maka kami mengucapkan ribuan terima kasih dan sebagai seorang Wakil Rakyat dari Johor saya merasa lega oleh kerana ura-ura yang belum lagi putus, tetapi telah pun digembar-gemburkan sebelum ini telah menimbulkan satu kekeliruan dan pada waktu yang sama telah pun dikudakan oleh pihak Pembangkang menjadi satu isu untuk menentang kerajaan.

Walaupun perkara ini agak akademik untuk diperkatakan dalam Dewan ini, tetapi demi makluman kepada keseluruhan, apabila terdapat ura-ura yang belum diperdalam itu digembar-gemburkan, pihak Pembangkang di Negeri Johor telah pun mengadakan satu program menyelamatkan Sekolah Agama Negeri Johor bukan kerana mahu menyelamatkan Sekolah Agama Negeri Johor, tetapi oleh kerana mencari political mileage di negeri Johor. Jadi, inilah sebagai satu iktibar kepada semua pihak, supaya perkara-perkara yang masih di dalam perancangan janganlah kita hebah-hebahkan terlalu luas sangat.

Jadi, saya rasa apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan adalah satu kebijaksanaan dan dengan ini juga saya berharap kepada rakan-rakan saya di pihak Pembangkang tidak usahlah lagi cuba meracuni rakyat menerusi program yang dikatakan "Selamatkan Sekolah Agama di Negeri Johor", oleh kerana sekolah agama di negeri Johor akan sentiasa terselamat.

Tuan Pengerusi, dalam konteks ini, saya berharap kepada pihak Jabatan Perdana Menteri supaya dapat melihat kehendak rakyat seluruhnya. Sekarang ini apabila kita berlatarbelakangkan senario hidup di mana masalah sosial adalah begitu bobrok dan begitu rapuh — jawapannya adalah agama. Jadi, dengan itu kita harus memberi prominence, dengan izin, kita memberi sorotan yang lebih dan kita harus mengkaji dengan cara yang lebih, bagaimanakah sekolah-sekolah agama rakyat dan sekolah-sekolah agama negeri ini dapat dijadikan satu module, dapat dijadikan satu asas untuk kita melahirkan institusi pendidikan agama yang seragam, bukan sahaja dari segi pengurusan, malahan dari segi penyediaan kurikulumnya, demi kebaikan seluruh rakyat jelata di Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya juga ingin menyeru kepada Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, supaya apa yang suarakan mengenai Parti Islam SeMalaysia (PAS), masalah perkataan Islam di dalam ayat yang mewujudkan parti itu iaitu PARTI ISLAM SEMALAYSIA itu harus dikaji sedalam-dalamnya — adakah relevan perkara ini diizinkan untuk digunakan. Bukan atas perkiraan politik, tetapi atas perkiraan keselamatan dan kesejahteraan umum.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, kita dapat melihat bagaimanakah sekarang ini elemen-elemen orientalis, elemen-elemen neo-imperialist melaga-lagakan dan memecah-belahkan umat Islam di banyak

negara di seluruh dunia menerusi perkataan-perkataan yang mewujudkan Islam dalam bentuk 'form' dan bukan 'substance'nya. Bagaimanakah umat Islam di Afghanistan setelah runtuhnya kekuasaan diktator Rusia, setelah mereka berjaya memerangi kuasa komunisme, tetapi sekarang ini mereka tumpas di negara sendiri oleh kerana mereka berlaga — siapakah lebih Islam daripada orang Islam yang lain. Kita dapat melihat bagaimana rakyat Oman dilagakan kepada Oman Selatan dan Oman Timur atas perbezaan siapa yang menegakkan parti yang melambangkan Islam daripada orang Islam yang lain.

Kita dapat melihat dari sejarah bagaimanakah orientalis menggunakan orang-orang yang pro kepada barat untuk menumbangkan kekuasaan Islam di negeri Turki. Jadi, inilah — atas latar belakang untuk kepentingan umum dan kebajikan bersama — harus dan saya rasa wajar perkataan "Islam" yang wujud dalam parti politik dalam negara ini harus dikaji semula. Ini bukan kerana Barisan Nasional takutkan PAS. PAS wujud sejak tahun 1953 dan terbukti bahawa Barisan Nasional yang dahulunya adalah Perikatan, masih lagi mampu untuk terus berkuasa dengan sokongan rakyat jelata. Yang dipentingkan di sini kita harus lihat cadangan pembuangan perkataan Islam dalam parti politik ini dari sudut ketenteraman awam, kebajikan masyarakat Islam dalam jangka yang lebih panjang.

Kalau pada awal-awalnya pada tahun 1953, PAS didaftarkan di zaman penjajahan . . . . .

**Tuan Ahmad bin Nor:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak. Tuan Pengerusi, izinkan saya, tidak apa — kalau saudara hendak bahas, nanti saudara bahaslah. Minta maaf.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan Yang Berhormat, kalau tidak beri jalan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Dalam tahun 1953, PAS . . . . .

**Tuan Ahmad bin Nor:** Kalau PAS kena tarik . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya sudah beritahu, minta maaf. Minta maaf. Tuan Pengerusi . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan tawar menawar ya.

**Tuan Ahmad bin Nor:** (*Menyampuk*)

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak, minta maaf, minta maaf sangat.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Saya rasa masa tidak mengizinkan.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Kalau begitu, UMNO hendaklah tarik perkataan "Melayu" itu.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak apa, minta maaf.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tarik perkataan "Melayu".

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Ahmad bin Nor:** (*Menyampuk*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Bayan Baru duduk — hang bukan Melayukah?

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kalau Yang Berhormat hendak berbahas, saya akan beri peluang.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, masalah ras dalam negara ini tidak menimbulkan masalah ketenteraman negara, masalah ras, masalah kaum, masalah bangsa tidak menimbulkan masalah ketenteraman negara, tidak boleh menjejaskan, walaupun ada elemen perkauman 'chauvinist' macam DAP — perkauman di negara ini dijadikan landasan.

*(Bekalan elektrik di Dewan terganggu)*

Tuan Pengerusi, masalah agama, khususnya sekarang ini perpaduan di kalangan orang Islam, saya ingat pada tahun-tahun 1980-an kerajaan pernah menerbitkan kertas putih bagaimanakah sesetengah pertubuhan yang menggunakan perkataan Islam dalam negara ini telah terbukti mencetuskan dan menjejaskan ketenteraman awam.

Kita melihat peristiwa Memali, walaupun banyak pihak melihat peristiwa Memali dari berbagai perspektif tetapi pokoknya peristiwa Memali adalah berlandaskan satu fahaman kepada satu politik yang menggunakan perkataan 'Islam' tetapi oleh kerana Islam ini dikaitkan demi perjuangan yang atas form sahaja, ia diselewengkan dan semalam dihuraikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekiranya kita bertindak, kita akan dituduh sebagai membuang Islam. Oleh kerana orang ini sekarang beranggapan dan terus meyakinkan orang, kalau kita menyokong PAS, kita menyokong Islam; kita menentang PAS, kita menentang Islam; kita tidak masuk PAS, kita tidak masuk Islam.

Perkara ini adalah rasional-rasional yang totok. Perkara ini adalah rasional-rasional yang kalau kita izinkan untuk berterusan akan memporak-perandakan

orang Islam di tanah air ini. Jadi, harap pihak kerajaan memberi fokus kembali terhadap cadangan kami supaya perkataan 'Islam' dalam mana-mana parti politik sekalipun dalam negara ini dihapuskan atas landasan kelangsungan survival orang Islam supaya orang Islam akan bersatu-padu, supaya orang Islam akan menggunakan pemikiran untuk terus melonjakkan perjuangan Islam. Tidak ada alasan sekali mana pun, tidak ada alasan "Kami takut kalah pilihanraya" — tidak. Tidak ada alasan "Kami lebih Islam daripada orang dalam PAS" — tidak.

Alasannya kita kaji dari mana-mana precedent, mana-mana incident di seluruh dunia ini, bagaimana wujudnya sekarang diwujudkan kelompok Islam untuk menghancurkan Islam yang lain. Bagaimana diwujudkan satu kelompok Islam di kalangan masyarakat Islam yang kuat supaya kelompok Islam itu akan dijadikan saluran ataupun, dengan izin, conduit of decadence, bermakna sebagai saluran untuk keruntuhan umat Islam itu sendiri.

Kita harus melihat dalam konteks hanya kayu dapat menumbangkan sebatang kayu yang besar. Kayu dalam konteks ini kayu yang menjadi hulu kepada kapak. Dalam konteks ini di masa akan datang sekiranya umat Islam berpecah-belah di dalam negara ini, puncanya tidak ada lain adalah menerusi elemen permusuhan di kalangan Islam yang akan disebarkan menerusi PAS. Tidak ada lain.

Orang Islam dalam Malaysia telah diiktiraf sebagai satu kuasa Islam yang mempunyai kredibiliti di luar tanah Timur Tengah. Tidak mungkinkah ada kuasa-kuasa neo-imperialist yang akan datang ke negara ini dengan secara tidak langsung menyusupkan jarum-jarum perpecahan menerusi perbalahan Islam?

Satu ketika, Tuan Pengerusi, masalah ras dijadikan landasan untuk menghururharakan Malaysia. Satu ketika, masalah perkauman disalurkan oleh pihak yang ingin kita berpecah-belah, disalurkan menerusi puak yang bertentangan tetapi oleh kerana kebijaksanaan kerajaan menangani masalah ras, masalah latar belakang kaum yang berbeza, kita dapat menamatkan ketidaktentuan atau, dengan izin, uncertainties of life dalam negara ini menerusi masalah yang hendak diadudumbakan menerusi saluran perkauman. Tetapi sekarang ini mereka tidak berdiam diri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa kawasan new imperialist tidak akan berdiam diri. Neo-imperialist akan sentiasa mencari jalan bagaimana mereka boleh menjajah kita dalam bentuk apa sekalipun. Neo-imperialist akan mencari ruang-ruang, bibit-bibit permusuhan akan ditabur baja walaupun kita yang menjadi pokok yang dibaja, tidak sedar bahawa kita dibubuh baja.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Jadi, Tuan Pengerusi, saya minta izin. Saya merayu kepada pihak kerajaan, sekiranya pengharaman penggunaan perkataan 'Islam' dalam mana-mana parti politik itu diberi perspektif keselamatan dan ketenteraman, insya Allah, perbuatan kita akan direstui oleh Allah S.W.T.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya mohon dari segi di bawah Kepala 060000 iaitu Pengurusan Bangunan Kerajaan. Saya sekadar ingin bertanya, sekarang ini terdapat berapa unitkah rumah atau kuarters kerajaan di sekitar Kuala Lumpur? Benarkah atau tidak bahawa kerajaan mungkin akan mempertimbangkan projek-projek penswastan supaya kakitangan kerajaan di sekitar Kuala Lumpur ini akan mendapatkan fasilitas

atau kemudahan perumahan (kuarters) yang lebih selesa. Oleh kerana saya tahu, kuarters-kuarters yang ada sekarang adalah kuarters warisan penjajah. Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Bayan Baru.

5.25 ptg.

**Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru):** Tuan Pengerusi, sebelum saya beredar kepada Jabatan Perdana Menteri, saya ingin merujuk kepada kepala Pengurusan Parlimen iaitu berhubung dengan Pentadbiran Am 010000 dan di bawah Kod 1000.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa setelah Akta Perkhidmatan Parlimen dipinda pada tahun 1992 yang lalu, kedudukan Perkhidmatan Parlimen adalah dalam keadaan yang pincang dan menimbulkan berbagai keadaan yang boleh dianggapkan sebagai dilema kepada pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Parlimen.

Saya telah diberitahu bahawa kertas-kertas opsyen yang patut diedar selepas Akta Perkhidmatan Parlimen dipinda tetapi sehingga ke hari ini belum selesai, sudah berapa tahun dan disebabkan kelewatan dalam menyelesaikan hal ehwal kertas-kertas opsyen bagi pegawai dan kakitangan maka banyaklah masalah yang wujud di kalangan pegawai dan kakitangan Parlimen yang merugikan kedudukan mereka. Ada yang ketinggalan dan tidak berpeluang untuk ditimbang supaya dinaikkan pangkat. Ada yang didapati mempunyai masalah-masalah lain berhubung dengan skim perkhidmatan mereka, tidak ada satu mekanisme ataupun jentera untuk menyelesaikan masalah mereka kerana ini didapati bahawa Parliamentary Service Advisory Committee tidak berfungsi secara berkesan dan inilah yang menjadikan keadaan mereka bertambah rumit.

Tuan Pengerusi, juga tentang masalah skim perkhidmatan yang dahulunya saya beri contoh satu jawatan Pelapor, yang dahulu ditetapkan kepada C1 telah pun dipinda kepada C5 dan lagi tentang kenaikan pangkat berhubung dengan mereka yang patut ditimbang dinaikkan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N6 dan ini semua menjadi tergendala kerana kertas opsyen tidak diselesaikan dan tidak ada penyelesaian kepada masalah-masalah yang timbul dalam Perkhidmatan Parlimen.

Tuan Pengerusi, setelah Akta Perkhidmatan Parlimen dipinda maka Perkhidmatan Parlimen terus diletak di bawah jagaan Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai salah satu agensi perkhidmatan am tetapi sayangnya tidak ada apa-apa yang telah dilakukan bagi menentukan skim perkhidmatan Parlimen itu ditimbang supaya ia lebih diperkemas ataupun dibaiki lagi.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, maka pada pendapat saya bagi menyelesaikan berbagai masalah yang wujud di dalam Perkhidmatan Parlimen sama ada pihak pentadbir dan pengurusan Parlimen sendiri mewujudkan sebuah badan seperti Departmental Joint Council (Jawatankuasa Perhubungan Jabatan) ataupun satu jawatankuasa yang mana boleh memberi peluang kepada pihak pengurusan dan pegawai dan kakitangan di dalam Perkhidmatan Parlimen supaya dapat berbincang menyelesaikan berbagai masalah yang mereka sedang hadapi termasuklah masalah skim perkhidmatan bagi pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Parlimen.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya ingin menyentuh berhubung dengan mengurus persidangan Parlimen iaitu di bawah kod 2000 — Perkhidmatan dan Bekalan.

Saya rasa, seperti mana yang telah disarankan oleh Ketua Pembangkang dalam ucapan awal tadi bahawa kita perlu lebih demokratik dan memperlihatkan Parlimen sebagai sebuah badan penggubal undang-undang yang berkesan dan lebih bertanggungjawab kepada rakyat umum. Kalau Perhimpunan UMNO pada hari ini diberi liputan yang meluas melalui siaran langsung, melalui RTM dan TV3 — bukan soal saya hendak cemburu atau saya hendak dengki, tetapi adalah perlu kita memikirkan bahawa Parlimen adalah sebuah badan yang bukan hanya penting, tetapi satu badan yang boleh dikatakan menjadi perwakilan kepada seluruh rakyat Malaysia.

Parlimen perlu dilihat lebih penting daripada persidangan UMNO! Semua orang hendak tahu apakah perkembangan, perbincangan dan apakah yang dapat dilakukan oleh Wakil-wakil Rakyat masing-masing yang mewakili kawasan masing-masing. Tetapi sayangnya, Parlimen tidak begitu dititikberatkan oleh kerajaan. Oleh yang demikian, melalui Dewan yang mulia ini, saya ingin mencadangkan supaya Parlimen sendiri mengambil berat tanpa mengharap kepada RTM mahupun TV3 ataupun media massa akhbar yang selalu berat sebelah!

Kita sendiri boleh menentukan bahawa Parlimen adalah sebuah badan penggubal undang-undang yang memang menjadi penting kepada rakyat dan ini saya rasa boleh dilakukan — kita perlu semak berhubung dengan kemajuan dalam segi rakaman sidang Parlimen. Kalau pada hari ini kita hanya — kalau ada Belanjawan, mungkin ada siaran langsung. Kalau ada pun hanya untuk Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan. Selain daripada itu, kita ada laporan melalui persediaan *Hansard* dan saya rasa masanya sudah sampai Parlimen sendiri mewujudkan suatu unit khas untuk

membuat rakaman video secara terus. Sama ada hendak tayangkan secara terus-menerus di luar atau untuk digunakan oleh mana-mana siaran TV, hendak ditayangkan ataupun sekurang-kurangnya untuk Ahli-ahli Parlimen sendiri membawa balik ataupun mendapatkan rakaman video itu untuk ditunjukkan kepada rakyat apa yang berlaku dalam Parlimen.

Kita rasa sekarang ini sekadar menyiapkan laporan Parlimen — buku dan selepas itu disimpan, saya rasa itu tidak patut bagi rakyat. Parlimen sendiri perlu mengadakan unit membuat rakaman video-video dan ini perlu dibuat pada tiap-tiap hari, tiap-tiap minit semasa Parlimen bersidang dan saya rasa ini akan dapat memberi peluang yang lebih luas kepada rakyat untuk mengetahui segala perjalanan dan segala perkembangan yang berlaku di Parlimen dengan secara yang betul; bukan secara berat sebelah yang disiarkan oleh RTM, mahupun TV3.

Kalau adapun RTM atau TV3, mungkin menguntungkan pihak kerajaan dan BN, tetapi saya rasa, rakyat tidak berpeluang untuk melihat . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Minta penjelasan, Yang Berhormat. Hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Bayan Baru.

**Tuan Ahmad bin Nor:** . . . . . tindakan, ucapan-ucapan yang telah dibuat oleh pihak Pembangkang. Minta maaf.

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Itu Kepong lena, kalau ada video, nampaklah dalam video, Kepong lena!

**Tuan Ahmad bin Nor:** Bukan sahaja boleh tengok Kepong tidur, malahan Menteri-menteri yang tak hadir pun kita boleh tahu kerusi mereka selalu kosong!

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya ingin merujuk kepada Jabatan Perdana Menteri, iaitu berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Awam. Kerana masa begitu suntuk, saya kena lompat jauh sedikit. Iaitu berhubung dengan Program Pembangunan Sistem Dasar Personnel di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu Maksud B. 8 — Bahagian Saraan.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan berhubung dengan pembayaran bonus di dalam Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan telah pun diputuskan bahawa kerajaan akan membayar sebulan gaji dan sekurang-kurangnya RM600 bagi tiap-tiap kakitangan perkhidmatan awam.

Tuan Pengerusi, saya amat hairan, walaupun pihak pekerja telah menuntut supaya kerajaan menimbang kadar bayaran bonus itu sebanyak 3 bulan gaji, namun demikian, jika sekiranya kerajaan tidak mahu menunaikan tuntutan pihak pekerja, sekurang-kurangnya kerajaan mesti adil dan saksama. Apa yang saya maksudkan ini, kenapa agensi kerajaan seperti Bank Nasional — Bank Nasional, badan berkanun, hak kerajaan sepenuhnya. Lembaga Tentera . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Bank Simpanan Nasionalakah ataupun Bank Nasional?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Ya? Bank Nasional. (*Disampuk*) Bukan, Bank Nasional — ya, Bank Negara.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Bank Negara.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Ya, Bank Negara — saya hendak sambung Bank Negara, Lembaga Angkatan Tentera dan beberapa agensi yang lain dibayar bonus sebanyak 2 bulan gaji. Hak Kerajaan!

Adakah bermakna, katakan kalau kerajaan mengkorporatise ataupun memperbadankan agensi kerajaan, maka mereka boleh diberi bonus yang lebih? Kalau yang di dalam Perkhidmatan Awam Am — “Oh, tak boleh beri bonus kerana melibatkan ramai pegawai dan kakitangan kerajaan”. Dan kerajaan telah memutuskan untuk membayar hanya sebulan bonus. Ini satu perkara yang tidak adil.

Kalau tak bayar 3 bulan pun, sekurang-kurangnya selaraskan mereka ini patut dibayar 2 bulan! Lebih-lebih lagi dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang baik, yang begitu menjadikan Barisan Nasional terlalu angkuh dan sebaliknya kerajaan tidak bertimbang rasa kepada kakitangan awam, terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Saya berharap pihak kerajaan, khususnya Menteri Kewangan dapat menimbang semula tentang kadar bonus ini dan memberi satu tawaran yang lebih munasabah, yang lebih adil dan yang saksama kepada semua pegawai dan kakitangan yang terlibat.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat. . . . .

**Tuan Ahmad bin Nor:** Ya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Masa Yang Berhormat dah suntuk.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Dah suntuk? Saya hendak gulung. Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin mendapat — kerana tak boleh berucap panjang, saya ingin mendapat penjelasan berhubung dengan kedudukan perkara-perkara, kompelin-kompelin sama ada dari orang awam mahupun melalui pihak pekerja berhubung dengan kedudukan semakan semula Sistem Saraan Baru atau SSB kerana banyak rungutan tentang kenaikan pangkat, tentang kenaikan gaji, tentang laporan penilaian yang tidak adil. Oleh

kerana saya tidak dapat berhujah dengan begitu panjang, saya berharap pihak daripada Jabatan Perdana Menteri akan menerangkan keadaan sebenarnya, sejauh manakah JPA mahupun kerajaan mengambil tindakan untuk menyemak semula kedudukan SSB yang dikatakan sebagai satu pakej yang mana dalam pakej SSB itu telah disemak dan hendak diperbetul dan diperbaiki daripada keadaan yang ada sekarang?

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Tasek Chenderoh.

5.39 ptg.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Tasek Chenderoh):** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Yang pertama sekali saya ingin membincang perkara-perkara di bawah Maksud B. 1, Butiran 010000 — Pengurusan Parlimen. Walaupun perkara ini telah disebut oleh saudara saya, Ahli dari Arau, tetapi saya rasa perlu kita menyokong dan memberi tekanan yang lebih kepada pandangan ataupun saranan yang dikemukakan oleh Ahli dari Arau iaitu tentang tingkah laku ataupun perangai dan kelakuan Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi, Parlimen ini sebagai institusi yang tertinggi dalam perundangan negara dan meminjam kata-kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri “rakyat itu raja”. Kalau “rakyat itu raja” maka Parlimen inilah “singgahsana rakyat”. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat yang bersifat “raja” ini, yang duduk di dalam Parlimen sudah tentulah mesti membawa dirinya sebagai seorang yang sesuai dan layak untuk dipanggil atau dinamakan sebagai ‘wakil kepada raja’.

Tuan Pengerusi, sudah berapa lama kita melihat dan memerhati tingkah laku Ahli-ahli Parlimen yang sikapnya mencemar Dewan ataupun takhta singgahsana rakyat ini khususnya beberapa orang Ahli Parlimen yang sikapnya di dalam Parlimen dan di luar Parlimen menunjukkan kelakuan yang bercanggah dengan nilai-nilai murni dan unggul sebagai Ahli Parlimen.

Sebagai contoh, saya merujuk umpamanya kepada sikap Ahli-ahli Parlimen yang kalau di dalam Parlimen dia menunjukkan dia sungguh prihatin dan bersungguh-sungguh nampaknya memperjuangkan kepentingan rakyat. Sebagai contoh, ingin negara kita maju di dalam segi ekonomi supaya perdagangan dan pembangunan kita bertambah baik supaya negara kita menjadi makmur. Tetapi apabila di luar Parlimen mereka bekeliaran dengan sikap negatif ataupun menjalankan aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan sikap yang ditunjukkan di dalam Parlimen.

Ahli dari Kuching umpamanya, kalau dalam Parlimen cukup hebat memperjuangkan kepentingan rakyat. Tetapi dia jugalah yang sanggup menjadi alat media asing, merosakkan imej negara di luar negara. Sikap seperti ini akhirnya menjejaskan kepentingan negara yang diperjuangkan di dalam Parlimen ini. Kalau kita ingin menarik umpamanya pelaburan daripada luar ke negara kita, sikap "Kucing", sikap Ahli dari Kuching ini akhirnya akan merosakkan cita-cita yang diperjuangkan di dalam Parlimen ini. Ahli "Kucing" ini memang benarlah sikapnya saya boleh sebut sebagai warak kucing. Orang Melayu faham warak kucing. Apabila duduk dekat tuan cukup baik — warak, dengan bulu yang lembut, menggesel kaki, menjilat kaki. Tetapi kalau tuannya tidak ada di luar, mencakar bagaikan binatang ganas. Itulah watak kucing dan kalau kebetulan kena pada Ahli Kuching, itu minta maaf, bukan salah saya.

Tuan Pengerusi, Ahli Parlimen Gua Musang pun bersikap yang sama. Ahli-ahli PAS menggambarkan diri mereka sebagai pejuang-pejuang Islam tetapi di luar Parlimen, mereka bergentayangan di merata kampung, menyebarkan fitnah, memecah-belahkan masyarakat dengan menuduh berbagai-bagai kepada perkembangan dan pembangunan masyarakat yang sedang berlaku dengan baik di negara kita.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada B. 7 Bahagian Hal Ehwal Islam di mana saya rasa dan saya berharap malahan saya menyeru supaya Bahagian Hal Ehwal Islam ini mengambil tanggungjawab yang diamanah untuk memperbetulkan kesalahan-kesalahan tanggapan ataupun kekeliruan yang telah dilakukan oleh ahli-ahli PAS. Menjadi tanggungjawab yang diamanahkan kerana ahli-ahli PAS yang menyebarkan fitnah umpamanya menuduh sebahagian besar daripada umat Islam di negara ini . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Jelutong bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Kalau pendek boleh.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tohmahan ada dibuat terhadap ahli-ahli PAS mengenai tidak ikut Islam dan sebagainya. Saya ada satu contoh. Ini adalah mengenai Timbalan Menteri Dalam Negeri. Ini adalah bersabit dengan satu kes *habeas corpus*.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Yang Berhormat hanya boleh soal tetapi bukan baca.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, saya mahu soal.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Ini tidak kena mengena dengan ucapan saya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ada, ada kena mengena.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Saya benarkan untuk merujuk kepada ucapan saya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Baik, saya akan pendekkan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Jelutong, mungkin Yang Berhormat mengambil peluang untuk berucap.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan berucap. Dalam satu affidavit, saya pendekkan, oleh pemohon ada dikatakan seperti ini, perenggan 7 affidavit oleh orang yang buat. . . . .

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Rugi masa saya sahaja.

**Tuan R. Karpal Singh:** No, No. Saya baca ini. Responden pertama iaitu Timbalan . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya sudah nasihatkan tadi Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak buat petikan ataupun hendak baca, lebih elok Yang Berhormat ambil bahagian dalam . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan saya mahu dapat tahu juga mendapat apa yang ada di sini, pendek.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Soal terus.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Saya bukan tidak berani, saya beri dia peluang, tetapi dia mensia-siakan peluang ini, saya . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya baca pendek sahaja.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, soal sahaja.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tanya soalan ini.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Okay, direct.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dalam satu affidavit oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, beliau ada menafikan beliau adalah seorang Melayu, seorang beragama Islam dan mempercayai adanya Tuhan. Ini ada di dalam satu surat sumpah yang mengatakan Timbalan Menteri Dalam Negeri. Adakah seorang yang seperti itu menafikan beliau adalah orang Melayu, bersumpah, beliau adalah orang Islam dan ada mempercayai adanya Tuhan. Adakah itu satu contoh yang baik? Tidak payah hentam ahli-ahli PAS. Adakah seorang Menteri yang berbuat demikian dalam satu affidavit, orang yang boleh dikatakan ikut Islam?

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Pengerusi, saya tidak berapa faham orang yang tidak faham Islam hendak bercakap tentang Islam. Tetapi bab itu kalau rujuk kepada PAS salah satu kesalahan hudud ialah murtad. Bincanglah dengan PAS kawan dia. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, saya rasa pihak Bahagian Hal Ehwal Islam perlu dan mesti menerangkan kepada penduduk Malaysia oleh kerana PAS telah menuduh dua juta rakyat Malaysia sebagai orang-orang yang telah menolak Islam kerana mereka mengatakan orang UMNO menolak hudud. Dua juta bukan sedikit — dua juta kalau dihimpunkan isteri, anak beranak entahkan kali berapa—berapa juta umat Islam dikafirkan kerana menolak hudud. Walaupun berkali-kali telah diterangkan bahawa UMNO sebagai orang Islam tidak pernah menolak hudud, tetapi ahli-ahli Parlimen PAS yang kadang-kadang tidak pernah bercakap di sini merantau ke merata kampung, menuduh bahawa UMNO menolak hudud, dirujukkan mereka hudud itu ialah Enakmen Jenayah Syariah II Negeri Kelantan yang UMNO tolak sebagai hudud kerana Enakmen Jenayah Syariah II Negeri Kelantan bukan hudud.

Ini perlu dijelaskan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, bukan UMNO perlu menjelaskan, tetapi Bahagian Hal Ehwal Islam sebagai penjaga yang diamanahkan, yang menjaga kemurnian akidah Islam di negara ini, sebagaimana mereka membetulkan Al-Arqam, begitulah juga Bahagian Hal Ehwal Islam ini perlu membetulkan penyelewengan akidah yang dilakukan oleh PAS ini, yang mengemukakan Enakmen Jenayah Syariah II Negeri Kelantan sebagai hudud yang langsung bertentangan dengan hudud. Bahagian Hal Ehwal Islam perlu menerangkan apakah Enakmen Syariah Jenayah II yang kalau hudud mengandungi, yang lengkap tetapi Enakmen ini tidak lengkap, tidak termasuk albughah umpamanya. Adakah ia hudud?

Kita perlu menerangkan sama ada Enakmen ini yang boleh menggunakan hakim-hakim Mahkamah Borneo, Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi yang bukan Islam pun menjadi hakim kepada Enakmen ini. Adakah ini bertepatan dengan hudud? Kita kata ia tidak kerana hakim-hakim hudud mestilah orang yang arif. Bukan arif sahaja dalam undang-undang tetapi dia orang yang warak dan adil mengikut pandangan Islam.

Hudud juga menentukan bahawa umur baligh atau umur kedewasaan sebagai 15 tahun tetapi Enakmen Jenayah Syariah II memesongkan, menyeleweng daripada ketetapan Islam dan menentukan umur 18 tahun. Ini juga telah menyeleweng daripada hudud sebenar dan berbagai-bagai perkara lagi yang menyeleweng daripada apa yang dikatakan hudud.

Jadi kerana itu, Tuan Pengerusi, UMNO menolak Enakmen Jenayah Syariah II Kelantan sebagai hudud. Kita akan tetap berpendirian bahawa Enakmen Jenayah Syariah II ini adalah "hudud

yang diselewengkan dan bukan hudud sama sekali". Dengan izin, Pseudo hudud. Jadi oleh kerana itu, conscience kita clear dan kita menolak. Bahagian Hal Ehwal Islam perlu menerangkan dengan jelas. Bukan pendirian politik tetapi pendirian Islam sebenarnya. Apakah sebenarnya hudud dan kenapa Enakmen ini bukan hudud dan dengan itu menyelamatkan 2 juta orang Islam yang menolak Enakmen ini?

Tuan Pengerusi, Institut Kefahaman Islam juga di bawah B. 7 boleh memainkan peranan ini. Saya ingin menyentuh B. 8.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Saya ingin menyentuh B. 8 iaitu Perkhidmatan Awam. Kita sesungguhnya bersyukur ke atas perkhidmatan awam kita yang cukup cekap, efisien dan baik di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab. Kerana itu, kita bersyukur apabila tahun ini kita boleh mengeluarkan bonus sebagai tanda terima kasih kepada mereka.

Walau bagaimanapun, ahli-ahli perkhidmatan awam ini juga sebagai manusia mempunyai pendirian-pendirian dan pandangan mereka sendiri. Ada di kalangan ahli-ahli perkhidmatan awam yang mempunyai pendirian politik. Ada yang menyokong berbagai parti yang ada di negara kita. Tidak salah bagi ahli perkhidmatan awam untuk menyokong mana-mana parti. Tidak salah. Tetapi yang menjadi satu kesalahan ialah bagi mereka untuk menjalankan tugas mereka berdasarkan kepada kefahaman politik mereka. Tugas dijalankan terpengaruh dengan pendirian politik mereka.

Tuan Pengerusi, masih terdapat beberapa kerat. Tidak ramai yang begitu. Saya berharap Jabatan Perkhidmatan Awam dapat memastikan sebagai satu

jabatan yang amat penting di dalam negara kita, ia bebas daripada pengaruh pendirian politik masing-masing. Sebagai contoh umpamanya, ada Penolong Pegawai Daerah yang — Ahli Yang Berhormat dari Jerai kata “ada di Yan”, saya tidak tahulah, mungkin ada di tempat lain yang sama — yang apabila menjalankan kerja terpengaruh oleh pendirian politik dan membuat pembangunan umpamanya, memilih “bulu” dengan kawan-kawan yang menyokong politik yang beliau bersimpati sama.

Tuan Pengerusi, saya berharap perkara ini tidak timbul dan perkhidmatan awam kita akan dapat dibersihkan. Insya Allah, kalau dia bersih, dia akan lebih produktif dan di masa hadapan, kita mungkin dapat memberi bonus yang lebih tinggi lagi.

Salah satu, Tuan Pengerusi, dalam komponen perkhidmatan kita yang amat penting tetapi bukan sebahagian daripada perkhidmatan awam iaitu yang paling hampir dengan ‘grassroot’, yang paling hampir dengan rakyat. Dia bukan yang digaji tetap oleh kerajaan. Cuma pegawai yang menerima elaun, yang bekerja dengan sukarela tetapi amat penting di dalam urusan pembangunan negara kita. Mereka ini . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Masa dah suntuk, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Hendak habiskan. Mereka ini ialah Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan ahli-ahli Jawatankuasanya. Mereka ini, ahli-ahli JKK ini, adalah penting dan saya berharap pihak kerajaan (*Disampuk*) . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, itu kerja saya. (*Diganggu*) Saya dah capak. Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Pihak kerajaan perlu mengeluarkan bonus juga kepada mereka ini. Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Nilam Puri.

5.58 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri):** Tuan Pengerusi, dalam Butiran 010000 — Pengurusan Parlimen, saya ingin membangkitkan perkara iaitu kakitangan Parlimen ini masih tidak dibenarkan menubuhkan kesatuan sekerja mereka di atas alasan bahawa mereka berkhidmat di tempat sekuriti dan keselamatan. Soalnya, saya ingin bertanya di sini, apakah sekuriti, apakah keselamatan di sini, sebab kita datang ke sini berucap dan ucapan-ucapan kita dikeluarkan? Misalnya, ucapan-ucapan dalam Parlimen digunakan oleh pihak kami dan juga pihak UMNO juga gunakan ucapan-ucapan kami dalam dan di luar Parlimen. Jadi, sekuriti setakat manakah di Parlimen ini? Kalau di sudut persidangan yang berjalan selama 4 jam lebih setiap hari sehinggakan diletakkan dalam kategori sekuriti dan pegawai-pegawai di sini tidak boleh menubuhkan kesatuan, ini saya ingin minta penjelasan daripada pihak yang berkenaan tentang apa, sampai ke peringkat mereka boleh menubuhkan kesatuan di atas alasan mereka berkhidmat di tempat sekuriti.

Perkara yang kedua yang saya ingin sentuh ialah masalah SPR iaitu Bahagian Pilihanraya di mana kita lihat bantahan-bantahan sekarang ini terlalu banyak bila

satu pendaftaran dibuat saling tuduh-menuduh. Pihak kami menubuh UMNO memindah-mindah pengundi. Pihak UMNO menuduh kami memindahkan pengundi. Kami membantah lebih daripada 17,000 bantahan di negari Kelantan dan pihak Menteri Undang-undang telah mengeluarkan dalam Parlimen ini dengan mengatakan PAS memindah lebih 4,000 pengundi di Pahang.

Soalnya, kenapa boleh jadi begini? Di mana kewibawaan pegawai-pegawai SPR? Inilah persoalan kita dan kenapa jangka masa mendaftar dan membantah dibuat terlalu pendek? Kita cadangkan beberapa kali supaya SPR memindahkan iaitu menjadikan pendaftaran sepanjang tahun. Bila pendaftaran sepanjang tahun, maka pegawai-pegawai SPR di peringkat daerah itu mereka boleh kenal para pengundi ataupun mereka kenal seperti pihak polis. Pondok-pondok polis boleh kenal yang mana orang luar, yang mana orang dalam, yang mana pendatang, yang mana tidak pendatang.

Kalau dibuat sepanjang tahun dengan menambahkan pegawai-pegawai — Malaysia sekarang sudah kaya — sudah boleh menambahkan peruntukan untuk SPR membuka pendaftaran sepanjang tahun supaya tidak berlaku lagi tuduh-menuduh yang sering kali dalam Parlimen ini. Kita mengemukakan bagaimana di kawasan Peringat sehingga satu Dewan Undangan Negeri, penambahan pengundi sampai 4,000 tidak masuk akal sama sekali sedangkan di Dewan-dewan Undangan Negeri lain, penambahan sekitar 1,000 atau 800 atau yang paling tinggi, 1,500 tetapi di Peringat, penambahannya yang menakjubkan sehingga orang yang beranak di situ hari ini, besok sudah tua, dah boleh mengundi. Begitu juga di Pasir Mas, penambahan pengundinya yang agak ramai. Jadi, ini semua kerana SPR gagal . . . . .

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat. . . . .

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
Masa sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Pasir Mas bangun.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:**  
Sedikit sahaja. Yang Berhormat sebut Pasir Mas tadi, apakah Yang Berhormat tahu bahawa pengundi di kawasan saya — saya ada angka lengkap — yang sepatutnya mengundi di kawasan saya hampir 1,800 dibawa keluar, apakah Yang Berhormat tahu? Kalau Yang Berhormat hendak sebut pun biar ada fakta-fakta. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
Seperti saya sebut tadi, kita saling menuduh, misalnya Menteri Undang-undang tuduh 4,000 orang PAS dikeluarkan dari Pahang. Kita menuduh pula dimasukkan ke Nilam Puri sehingga 8,000 oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar. Ini menunjukkan SPR tidak efisien. Kita tegur berkali-kali supaya kita hentikan tuduh-menuduh ini. biarlah pendaftaran ini kalau boleh buat lain. Jadikan satu program untuk mendaftarkan betul-betul. Semua para pengundi daftarlah sepanjang masa dan adakan pegawai-pegawai yang cukup supaya tuduh-menuduh ini tidak berlaku. Kita pun kalau menang menjadi Wakil Rakyat kita merasa seronok. Ini kalau kita menang di atas pengundi yang kita import, kita jadi Wakil Rakyat palsu, tidak dapat sokongan majoriti daripada masyarakat. kemudian kita menjadi Wakil Rakyat. Jadi SPR hendaklah mengambil perhatian sungguh-sungguh di atas perkara ini.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin sentuh juga Bahagian Hal Ehwal Islam yang menjadikan tajuk utama Butiran 050000. Yang menjadi heboh mutakhir ini, iaitulah hendak dibuang perkataan "Islam" daripada parti PAS. Kami melihat perkara ini satu perkara yang serius, kerana kita lihat bila perkataan-perkataan "Islam" itu dibuang, sama ada dari parti politik atau pertubuhan-pertubuhan.

Di dunia ini sudah ada tok guru iaitu Kamal Ataturk. Kamal Ataturk telah membuat perkara ini dan sekarang ini bukan setakat parti PAS bimbang, Angkatan Belia Islam bimbang, nama Bank Islam, nama Pusat Islam, kalau-kalau dia melarat sampai ke peringkat itu. Tetapi di Turki dia telah berlaku sehingga ke peringkat Kamal Ataturk hendak menolak fahaman Islam, sampailah ke peringkat dihapuskan nama pertubuhan Islam.

Parti Islam hendak sebut ekonomi Islam pun tidak boleh. Ucapan hendak mula Assalamualaikum pun tidak boleh, sampai peringkat itu, tetapi disebut berkali-kali bahawa apakah mereka berjaya menghalang kebangkitan Islam di sana? Walaupun nama parti yang didaftarkan kemudian, namanya 'Meli Selamat' nama dia 'Refah' sekarang ini, mereka tetap juga mencapai kemenangan bahkan ramai peramal-peramal politik mengatakan bahawa di Turki boleh jadi seperti di Algeria. Ertinya dengan nama parti Refah yang memperjuangkan Islam, mereka insya Allah akan menang dalam pilihan raya yang akan datang, berdasarkan mereka telah menguasai bandar-bandar besar iaitu Istanbul dan Ankara dalam pilihanraya peringkat bandar — Majlis Bandaran. Jadi, kalau menang juga di atas nama, walaupun ditukar dengan nama parti lain, dia juga boleh menempa huru-hara kalau tidak betul dikendalikan. Bagi kami PAS, nama parti Islam kita sebut berkali-kali sudah ditubuh 43 tahun . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Jerai bangun.

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Sedikit sahaja.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sedikit sangat masa. Saya beri tetapi masa yang lalu . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Saya beri Yang Berhormat selalu, takkan tidak boleh beri sedikit ini.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya ini, . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Sudahlah mengata begitu teruk, berilah sedikit.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Jangan berdialog, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tak kata ya!

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Jadi, Tuan Pengerusi, . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat hendak beri atau tidak mahu beri?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Berilah sedikit.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, baik.

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Jadi, tadi Yang Berhormat kata di Turki nama ditukar daripada parti Islam, di Algeria tukar nama boleh menang. Jadi, bermakna PAS bersetujulah nama Islam itu ditukar, kemudian insya Allah, kalau sudah PAS kata boleh menang — menang, jadi apa yang PAS takut kalau ditukar nama Islam itu? Sedangkan Yang Berhormat mengiktiraf negara Algeria dan Turki telah berjaya. Jadi, saya tidak berapa faham pandangan PAS ini, cuba terangkan sedikit?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**

Bukan tidak faham, memang fikiran itu tidak boleh faham, setakat yang ada itu. Jadi, kita hendak letak di sini parti ini telah lama dan kita telah dikenali dengan Parti Islam dan huru-hara atau tidak huru-hara bukan berdasarkan kepada nama parti.

Bacalah buku 13 Mei karangan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, pergaduhan 13 Mei diterangkan di situ, disebut sedikit-sebanyak sikap 'Ultra' yang ada pada pemimpin PAS yang ada waktu itu, tetapi diletakkan bahawa perpecahan dan pergaduhan waktu itu bukan berpunca daripada PAS. Itu Bapa Kemerdekaan, Perdana Menteri yang menulis buku sendiri. Begitu pergaduhan kaum sudah berkali-kali. Negeri-negeri yang PAS kuat tidak berlaku pergaduhan seperti di Kelantan, Kedah dan juga Terengganu, check rekod, check pula dari segi angka-angka yang ada di pihak Kementerian Dalam Negeri. Jadi sekarang dalam keadaan begitu UMNO jangan panik bila PAS dapat sambutan sekarang, perbaikilah payung UMNO yang sudah bocor. (*Ketawa*) Ini problemnya sekarang. Kita buat 'in road' yang baik di Melaka semalam. Semalam saya berceramah di Melaka, 'turned up' 15,000 . . . . .

**Beberapa Ahli: Wah!****Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**

Walaupun mungkin dia datang mengundi atau tidak, itu soal lain, tetapi orang Melaka telah tinggalkan payung UMNO datang kepada payung PAS. Di Kedah pun begitu juga, kita buat 'in road' yang baik, tiap-tiap minggu ahli UMNO beratus-ratus menyertai PAS, perbaikilah payung UMNO yang sedang robak dan rosak itu.

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-**

**din:** Yang ular keluar tidak cerita. Ular keluar dua ekor Yang Berhormat tidak tengok?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**

Memanglah kita ceramah dalam hutan, ada ular keluar. Dato' Seri Dr. Mahathir pergi ceramah pun kadang-kadang ribut turun. Saya tidak jadikan isu itu tetapi perdebatan kita biarlah standard, janganlah taraf pemikiran Wakil Rakyat Jerai, kita berdebat di sini. Jadi, soal nama ini benda yang sensitif ini kenapa hendak disentuh.

Parti Islam sekarang ini menerima demokrasi. Kami menang di Kelantan, kita hendak melaksanakan hukum hudud juga berdasarkan hujah-hujah melalui Parlimen, melalui demokrasi. Dalam gerakan Islam dia ada satu jalan lagi — jihad, angkat senjata. Yang itu kita tidak pilih, janganlah sampai ke peringkat misalnya kita hendak membuat sesuatu melukakan perasaan pejuang-pejuang Islam. Akhirnya dia pergi seperti yang berlaku di Algeria, yang berlaku seperti di Mesir, yang berlaku seperti di tempat-tempat lain, maka akhirnya kita semua akan menanggung kerugian. Semua pelabur-pelabur, orang-orang kaya ialah orang UMNO. Kami darurat, kami tidak takut, kami orang miskin, kami bukan ada saham. Tetapi Menteri-menteri, Wakil-wakil Rakyat UMNO, anak-anak Menteri mereka inilah yang memiliki saham dan sebagainya.

**Beberapa Ahli Pembangkang: Ya!****Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**

Ini kita kena jaga. Saya setuju dengan Perdana Menteri bahawa perkara ini amat sensitif. Kami akan tiupkan ke kampung-kampung, memanglah kita parti politik, kita akan politikkan perkara ini. Kita akan terangkan kepada masyarakat, sudahlah UMNO mereka memerintah menghapuskan institusi cuti hari Jumaat, itu hal ehwal agama Islam, seperti di Johor dan juga di Perlis, sedangkan Jumaat adalah penghulu segala hari. Kemudian mereka hapus pula perkataan 'bin' dan 'binti'.

Sekarang hendak hapus pula nama 'Islam'. Ini ciri-ciri yang merbahaya di Malaysia ini. Apakah satu hari kita hendak menjadi seperti di Serbia, kita tidak mahu. Jadi, keamanan yang ada ini perlulah kita pertahankan. Begitulah juga soal sikap Ahli-ahli Parlimen kita, kita tidak setuju siapa sahaja yang memburukkan negara kita, sama ada di dalam ataupun di luar negeri, sama ada daripada PAS dari Semangat 46 atau daripada DAP, tetapi kita lihat sekarang ini Jabatan Perdana Menteri, di mana Jabatan Peguam Negara ada di bawahnya kena ambil perhatian betul-betul masalah keadilan undang-undang di Malaysia sekarang ini. Sebab yang mengkritiknya bukan sahaja dari parti Pembangkang.

Di sini kita lihat tulisan anak kepada Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad — Marina Mahathir dalam akhbar *The New Straits Times* keluaran 12hb. November. Marina Mahathir di antara lain mengecam perundangan di Malaysia, bahkan sekarang ini di penghujung tulisannya dia kata "Sebagai ibu, saya sekarang takut untuk membesarkan anak perempuan saya, sebab . . . ." katanya "Apakah undang-undang yang ada boleh memberi perlindungan kepada anak-anak perempuan kami?" Dan dia kata "Saya di sini saya selalu percaya kepada undang-undang syariah dan undang-undang sivil di Malaysia ini, tetapi keadaan yang berlaku terhadap Ketua Menteri Melaka, saya merasa ragu dan bimbang untuk membesarkan anak perempuan saya". Ini anak Perdana Menteri sendiri. Dia kata 'clear cut', yang kita tidak boleh faham bila seorang perempuan mengaku dia ditiduri oleh lelaki, dia ditahan oleh polis dan lelaki berkenaan seorang pun tidak ditangkap dan ditahan oleh polis. Ini anak Perdana Menteri mengkritik undang-undang di Malaysia.

Apakah anak Perdana Menteri pengkhianat kepada Kerajaan Malaysia? Dia pengkhianat kalau hendak mengikut istilah 'Backbenchers' kerana dia mengkritik undang-undang Malaysia secara menyeluruh. Kalaulah Wakil Rakyat dari Bandar Kuching dan Gua Musang dikatakan pengkhianat, kerana slot dua minit, ini satu artikel dalam surat khabar luar negeri dan pandangan yang diberi oleh anak Dato' Seri Dr. Mahathir ini sama dengan pandangan saya, sama pandangan tentang undang-undang di Malaysia sekarang ini sudah tercemar.

Kita lihat misalnya, bila Wakil Rakyat Bukit Bintang membuat report ke atas penyelewengan yang berlaku terhadap Ketua Hakim Negara, BPR tidak siasat pun. Rekod statement tidak dibuat, tiba-tiba terus Ketua Peguam Negara kata bahawa tiada kes untuk mendakwa Tun Hamid Omar. Daripada kes Vijandran, daripada kes Mustakizah, daripada kes Jeffrey Kitingan, mari pula kepada kes Rahim Tamby Chik, mari kepada kes Ketua Hakim Negara. Kami semakin ragu dengan undang-undang di Malaysia sekarang. Bila kita bercakap mempertahankan undang-undang yang ada, Wakil Rakyat Hulu Terengganu kata kita mempertahankan zina. Kita bukan mempertahankan zina tetapi kita mahu supaya bekas Ketua Menteri Melaka berserta 8 orang termasuk perempuan yang terlibat didakwa di bawah undang-undang yang ada.

Sebelum undang-undang hudud ada, tidak boleh didakwa di bawah undang-undang hudud. Itu sebablah Ahli Parlimen dari Hulu Terengganu diturunkan pangkat daripada Setiausaha Parlimen menjadi Ahli Parlimen biasa dan mungkin tidak jadi calon selepas ini sebab standard otaknya makin menurun. Sepatutnya, bila orang-orang itu kita minta didakwa di bawah undang-undang yang ada, kerana undang-undang hudud belum ada di Malaysia, maka dakwalah mengikut undang-undang yang ada. Ini yang men'downgraded' Wakil Rakyat . . . .

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Ahli dari Chenderoh bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sebab itu, Perdana Menteri bijak menurunkan pangkat orang yang semacam ini! Macam Ahli Parlimen Pendang, dia akan naik pangkat lagi sebab dia bijak sedikit.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Nilam Puri yang baik hati yang memberi peluang kepada saya.

Setelah mendengar apa yang dibacanya tadi, adakah pihak Ahli dari Nilam Puri yakin bahawa di bawah Enakmen Jenayah Syariah II Kelantan, seorang anak gadis boleh terjamin. Dalam Enakmen Jenayah Syariah II PAS Kelantan ini tidak memperuntukkan kepada anak gadis yang menjadi mangsa rogol. Kalau seorang anak gadis itu menjadi mangsa rogol, perogol tidak dapat ditangkap tetapi dia mengandungi anak gadis yang menjadi mangsa rogol ini akan dituduh zina dan dihukum di bawah Enakmen Jenayah Syariah II Kelantan dan dianggap itu sebagai hudud.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Penerangan yang Yang Berhormat minta itu saya tidak baca habis. Hendak buktikan bukanlah senang. Kalau tidak dapat dibuktikan, hukum adalah sebaliknya. Kemudian yang dikenakan 18 tahun itu adalah sama dengan apa yang dibuat di Sudan. Sudan juga mengenakan 18 tahun sebagai hukum "Had". Begitu juga di Kelantan, begitu juga di Iran, begitu juga di Saudi Arabia. Kita kena semak semua undang-undang ini sebelum ditohmah begitu.

Dalam hal hudud ini saya kurang bercakap kerana saya tidak mahir dalam bidang itu maka saya bercakaplah dalam hal lain — saya bercakap mengenai hal

Marina Mahathir, saya bercakap mengenai hal penyelewengan saham — sebab orang-orang yang mahirnya ada. Tetapi dalam UMNO mereka yang tidak mahir pun hentam. Dia bukan tahu apa. Tadi Wakil Rakyat Hulu Terengganu sebut 'hudud' pun tidak tahu. Dia sebut 'hudud', dia sebut 'dha'. Yang betulnya 'ha, dal, wau, dal' — hudud. Tetapi dia sebut 'hudhud'. Walaupun itu pelat Terengganu tetapi hendak sebut hudud pun tidak tahu? (*Ketawa*) Jadi, kita yang tidak berapa mahir, kita tinggalkanlah bidang itu, biarlah kepada orang yang mahir membincangkannya. Bagi kita, kita tahu hukum basic hudud adalah hukum Allah dan dia tetap membawa keadilan. Jadi, tentang keadilan itu janganlah kita bimbang.

Tuan Pengerusi, . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya gulunglah. Sepatutnya Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri ini kena tumpukan usaha-usaha mereka yang lebih banyak kepada masalah keruntuhan moral yang berlaku sekarang. Penagih dadah sudah hampir setengah juta dan budaya lepak yang semakin banyak, timbul pula bohsia, lepas bohsia, bohjan. Lepas ini 'bohmau' entah apa lagi dan berbagai-bagai perkara kerosakan akhlak.

Berapa peratus lagi orang-orang besar yang masih lagi minum arak? Berapa lagi orang yang suruh orang Arqam bertaubat di hadapan pemimpin Arqam? Kita tahu berapa orang lagi yang masih minum arak! Ini Jabatan Agama Islam kena minta mereka bertaubat. Saya tahu, tetapi tidak mahu sebutlah perkara-perkara itu. Tetapi kita tidak tumpukan kepada masalah dosa-dosa besar tetapi kita tumpukan kepada perkara yang boleh menimbulkan ketegangan kaum di Malaysia, ketegangan sama-sama agama. Kita tidak tumpukan bagaimana hendak menggalakkan wanita Islam menutup aurat! Ini kerja Bahagian Hal Ehwal Islam.

Sekarang Malaysia sudah kaya, oleh itu Jabatan Hal Ehwal Islam mesti mengkaji bagaimana hendak menyuruh pekerja-pekerja Islam jangan lagi bekerja di kelab malam, jangan lagi mengangkat arak, jangan lagi bekerja di kilang arak kerana sudah ada tempat lain untuk bekerja. Ini kita kena tumpu, sebab ini perkara-perkara dosa besar, kita sebagai pemerintah dan Ahli Parlimen adalah bertanggungjawab kalau tidak dapat menyelesaikan masalah-masalah seperti ini. Tetapi ini kita tinggalkan, kita tumpukan kepada satu perbincangan yang mana kalau tidak kena gaya ia boleh membawa kepada satu keadaan yang tidak baik di Malaysia dan kami daripada parti Pembangkang menjamin akan tetap mempertahankan supaya Malaysia terus aman sampai bila-bila dan kita berpolitik secara demokrasi sehingga demokrasi ini tidak dirosakkan oleh UMNO dan Barisan Nasional.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli Yang Berhormat Pasir Mas.

6.16 ptg.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Pengerusi, oleh kerana masa begitu singkat dan banyak perkara untuk kita kemukakan dalam peringkat Jawatankuasa terutamanya bagi kepentingan rakyat, tetapi nampaknya banyak perbincangan habis dari segi dasar. Kalau kita dengar ucapan Ahli Parlimen Nilam Puri dan dari Kok Lanas, nyata sekali mereka tidak membuat kerja rumah (homework).

Sidang sekarang ini di peringkat Jawatankuasa, di peringkat Majlis, iaitu menumpukan perkara-perkara yang berasaskan kepada fakta. Yang ada di sini semuanya pegawai-pegawai yang bertanggungjawab kepada kementerian masing-masing untuk kita menyampaikan fakta-fakta yang ada kaitan dengan kepentingan rakyat.

Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk, pertama Suruhanjaya Pilihanraya, Maksud B. 4.

Saya bersetuju dengan Ahli Parlimen Kok Lanas termasuk Nilam Puri. Walaupun saya tidak bersetuju dari segi hujah, dari segi soal tuduh menuduh mengenai dengan masalah daftar pemilih, orang UMNO kata kerja PAS dan orang PAS kata kerja UMNO. Siapa yang betul kita tidak tahu tetapi fakta dengan Suruhanjaya Pilihanraya mungkin ada bagi menentukan siapa yang membuat kerja memindah pengundi.

Semalam di Perhimpunan Agung UMNO ramai di kalangan perwakilan daripada UMNO membangkitkan masalah pemindahan daftar pemilih ini. Yang dibuktikan satu, di bahagian Temerloh sebanyak 4,000 pengundi-pengundi ini di bawa lari keluar oleh PAS di Temerloh. Jadi, pokok pangkalnya — saya tiada masa — ringkasnya, nyata sekali sistem daftar pemilih yang dipakai sekarang perlu diubah dan disusun semula. Ini saya bersetuju. Sebab, contohnya di kawasan saya sendiri Pasir Mas, baru-baru ini ada keluar dalam akhbar *Watan*, Wakil Rakyat PAS Wakaf Baru yang bernama Ramli Abu Bakar membuat kenyataan dalam akhbar *Watan* menuduh saya membawa lari pengundi-pengundi UMNO, kononnya hendak menang di Pasir Mas.

Saya hendak memberitahu kepada mereka ini, saya semak mengikut daftar yang ada dipamerkan baru-baru ini, ada lebih kurang 5,000 lebih yang mendaftar di kawasan saya. Hampir 4,000 pengundi baru dan yang lain-lain memang sudah mengundi di tempat lain masuk ke kawasan Pasir Mas. Di kawasan saya pula ada 1,800 dibawa lari keluar oleh orang-orang tertentu. Sudah banyak bantahan dibuat. Sistem dan peraturan sekarang ini siapa pun boleh membuat bantahan. Apakah sistem sekarang ini wajar untuk kita amalkan? Mungkin Suruhanjaya

Pilihanraya tidak bersalah. Mungkin kaedah dan peraturan itu yang salah yang perlu disusun dan diubah semula. Seorang boleh bantah 10 orang ataupun seorang boleh isi nama, kalau hendak suka-suka pun boleh, isi nama satu senarai, hantar bantahan. Maka berlakulah proses pembicaraan yang memakan banyak belanja.

Tuduhan yang dibuat oleh ADUN Wakaf Baru, saya sudah serahkan kepada peguam saya dan peguam saya sudah pun menghantar surat dan saya hendak mendakwanya di bawah 'defamation'. Saya hendak ajar orang PAS ini! Jangan bercakap sesuka hati sahaja. Orang PAS ini kalau bercakap banyak, kalau kita kata tuduhan, dia kata kita buat tuduhan. Kita berdasarkan fakta. Samalah juga, saya tengok ini (*Menunjukkan risalah*) — "Menentang penyelewengan, menentang pembaziran, menegak keadilan — PAS boleh". Ah! ceramah di Penang — poster bukan main cantik, dicetak oleh Bagan Printers. Saya check Bagan Printers, rupanya syarikat ini Y.B. Pee Boon Poh. Pengerusi syarikat ini Wakil Rakyat DAP. (*Ketawa*) Tetapi bila kita sebut DAP, dia kata tidak bekerjasama dengan PAS. Tetapi ini poster PAS, Pee Boon Poh yang buat.

**Tuan Lim Hock Seng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Bagan bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tak payahlah, masa tidak ada. Jawab kemudian. Apabila berucap nanti boleh jawab. Ini dibuat. (*Menunjukkan poster*) Adakah DAP beri percuma kepada PAS? Tidak tahulah! Ada banyak tuduhan dan saya sudah berikan kepada peguam saya untuk dalam tempoh seminggu, jika Wakil Rakyat Wakaf Baru tidak minta maaf secara terbuka dalam akhbar *Watan* saya akan proceed dengan defamation. Dia kena buktikan tuduhan yang melulu yang pernah mereka buat dan serupalah dalam akhbar *Harakah* sepanjang masa tanpa bukti yang nyata.

Jadi, saya bersetuju supaya diroboh kembali sistem daftar pemilih. itu satu perkara yang pertama. Banyaklah perkara-perkara lain yang perlu dilihat semula dari segi sistem bantahan: kalau boleh di mana bantahan itu 'one for one' dan diadakan pula bayaran. Jangan dimain-mainkan dengan daftar pemilih ini dengan sewenang-wenangnya, siapa nak daftar pun boleh daftar.

Saya tengok ahli-ahli UMNO di Perhimpunan Agung dua hari yang lepas. Tuan Pengerusi, 'keriau' masalah daftar pemilih ini, sebab Temerloh hilang hampir 4,000. Saya pun hilang hampir 1,800. Saya check tengok ada juga kerja orang PAS bawa lari orang PAS. Baguslah orang PAS keluar kawasan saya, senang saya menang. Saya berterima kasihlah, tetapi dari segi prinsipnya ialah satu perkara yang tak sihat, yang perlu diubah. Tetapi ada orang UMNO yang dibawa keluar daripada kawasan saya, saya tak tahu siapa punya kerja. Jadi, jangan buat tuduh-menuduh.

Begitu juga takrif 'pemastautin'. Takrif 'pemastautin' ini yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanis, saya bersetuju. Jangan ikut suka hati sahaja orang itu hendak mengundi di sini, orang itu hendak mengundi dekat ini, sekurang-kurangnya anak negeri. Macam saya anak negeri Kelantan. kalau saya hendak mengundi di Gua Musang, saya boleh pergi mengundi di Gua Musang, walaupun saya duduk di Pasir Mas. Itu prinsip demokrasi. itu boleh. Sebab Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri sekarang ini, Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang, seorang orang Pulau Pinang dan seorang orang Johor — mengundi di mana orang Johor? Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri mengundi di Pulau Pinang. Mengundi di Pulau Pinanglah, Yang Berhormat!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Penjelasan.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Nanti sekejap, masa tidak ada. Patut mengundi di tempat negeri masing-masing. Dari segi takrif, kalau hendak secara keadilan kita buat secara adil.

Malah dari segi calon pilihanraya, Tuan Pengerusi, calon pilihanraya setiap negeri mesti anak negeri. Ahli Parlimen boleh bertanding semua. Saya hendak cadang supaya calon Parlimen yang boleh bertanding Parlimen ialah anak negeri masing-masing, supaya kita ada kredibiliti, kita mewakili rakyat di kawasan yang kita dilahirkan, negeri kita yang kita dilahirkan untuk mewakili rakyat dalam Dewan Rakyat ini. Jangan ikut suka, dari Melaka pergi ke Pulau Pinang, dari Pulau Pinang pergi ke Kelantan, daripada Johor pergi ke Kelantan. Cakap nak bela rakyat, tetapi tempat sendiri tak dapat sokongan, hendak pergi bertanding di tempat lain. Tak ada prinsip. PAS Kelantan tak cukup pemimpin, terpaksa import!

Itu sahaja dua perkara. Suruhanjaya Pilihanraya — saya minta supaya perkara ini dikaji, saya sokong. Saya sependapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri dan Kok Lanas bahawa Suruhanjaya Pilihanraya mesti diubah beberapa peraturan supaya daftar pemilih ini lebih teratur dan lebih kemas, itu saya bersetuju. Saya sokong secara positif.

B. 1 — Parlimen. Ini perilaku Ahli-ahli Parlimen. Saya pun bersetuju — sebab perilaku ini banyak dibangkit. Macam-macam aspek. Tetapi yang saya hendak rujuk kepada satu masalah dituduh bahawa jarang Menteri datang ke Parlimen. Saya hendak cadang, kalau boleh setiap sesi Parlimen — sebab saya hari-hari datang ke Parlimen waktu bersidang sejak tahun 1986. Kalau tak datang pun ada waktu mesyuarat di luar. Kalau hari lain, insya-Allah. Kalau Tuan Pengerusi beri pula suruh berucap 24 jam sehari pun boleh juga, oleh kerana masa tidak ada sahaja. Cuma saya hendak cadang kalau boleh, selesai sahaja sesi

Parlimen, keluarkan satu laporan, kita rekod Ahli-ahli Parlimen yang datang ke Parlimen ini — berapa jam dia bercakap di satu-satu sesi, keluarkan dalam surat khabar ataupun direkod, kita tak tahu. Waktu dia membuat tuntutan mungkin kita tahu — berapa jam dia datang, berapa kali dia bercakap, berapa jam dia berhujah di Parlimen ini. Sebab saya hendak beritahu, Menteri-menteri banyak kerja, Timbalan ada, Setiausaha Parlimen ada. Yang Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, Marang, kerja tak ada, mana pergi ni! Mana pergi? Datanglah, ketualah sepatutnya datang. Ini masalah Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang.

**Tuan Yim Chee Chong:** Sokong. Jangan cakap.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Duduk, duduk!

**Tuan Yim Chee Chong:** . . . . cakap dekat luar sahaja. (*Ketawa*)

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak cadangkan supaya jangan tuduh sahaja, ini jawapan ada; Timbalan Menteri ada, Setiausaha Parlimen ada, Menteri-menteri ada. Kadang-kadang Perdana Menteri, walaupun sibuk, dia datang juga ke Parlimen. Ini Ahli Yang Berhormat dari Marang, bercakap sekali dasar, hujah tidak. Kalau kita bangun hendak tanya soalan, tak berani. Gua Musang pun hanya kalau jawab tuduhan melalui ABC (Australia Broadcasting) 6hb November. Saya ada kenyataan itu. Buat kenyataan di Parlimen, saya pun nak dengar. Timbalan Perdana Menteri sudah jawab, Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang pun sudah jawab. Mari ke Dewan Rakyat berdepan, saya pun hendak dengar.

Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas kata tadi, kalau betul-betul dapat dibuktikan, dia kata dia pun akan menentang Ahli Parlimen Gua Musang. Saya pun rasa

Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas cari alasan nak tinggal S.46 sekarang ini. (*Ketawa*) Ah! ini dia, cari point sahaja. Bawa mari ke Dewan Rakyat ini, biar saya nak dengar Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang mempertahankan hujah yang dikatakan ekonomi tahun 1976, 11.5%. Saya pun hendak dengar 11.5% keuntungan ekonomi tahun 1976. Hutang negara yang dikatakan di zaman beliau kurang, di zaman sekarang ini tinggi, apa dia punya hujahnya, apa dia punya rasionalnya? Ini semua kita hendak tahu. Ini masalah akademik. Walaupun akademik, tetapi fakta ada, boleh jadi perbincangan atas alasan intelektual. Ini dia katakan tak betul — tohmahan, tuduhan.

Tetapi kenyataan ini kalau kita baca dia mengaku sedikit-sebanyak. Dia kata menuduh pemimpin parti dan beberapa individu bukan bererti menuduh negara, bukan bererti memburuk negara. Tetapi pemimpin yang ada dalam parti UMNO adalah pemimpin parti yang mendapat mandat tahun 1990 yang diangkat oleh rakyat sebagai kerajaan. Menuduh pemimpin parti UMNO yang diberi mandat untuk memimpin kerajaan bererti memburuk kerajaan di luar negeri — simple analogy. Ini yang dimaksudkan memburukkan negara. Jadi, elok dikeluarkan senarai kehadiran Ahli-ahli Parlimen. Insya Allah, Arau, Sungai Benut dan rakan-rakan dari Jerai semua ini tengok rekodnya tinggi, kehadiran Parlimen, tahniah. Kita yang lebih, tiap-tiap hari. Kita hendak tahu berapa ramai Ahli-ahli Parlimen yang datang, berapa banyak dia bercakap. Dalam *Harakah* bukan main lagi hebat. (*Sambil menunjukkan akhbar Harakah*) Bercakap sedikit sahaja, tanya soalan, "Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 8". Keluar jawapan, gambar dia yang besar. (*Ketawa*)

**Seorang Ahli:** Tumpat.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tumpat, bercakap tak banyak. Tetapi sekurang-kurangnya dalam surat khabar *Utusan Malaysia* ada juga gambar

Menteri Besar Kelantan, ada juga kenyataan pemimpin-pemimpin PAS. Dalam surat khabar *Harakah* ini langsung tak ada kenyataan pemimpin UMNO. Selepas itu hendak supaya Suruhanjaya Pilihanraya adakan kebebasan dari segi rapat umum. Kalau pun sekarang ini tak ada rapat umum waktu pilihanraya, Tuan Pengerusi, walaupun sekarang ini tak dibenarkan rapat umum, tanya semua yang hadir dalam Dewan ini siapa dapat nafikan, di luar sekarang ini macam rapat umum. Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri sebut tadi di Melaka semalam — 15,000. Bukankah itu rapat umum? Cuma kita ada undang-undang supaya polis boleh bertindak dalam keadaan tidak mengizinkan berlaku huru-hara. Tetapi Polis juga ada pertimbangan.

Walaupun undang-undang kata tak dapat, diizinkan juga perhimpunan, dibuat secara rapat umum. Begitu juga surat khabar *Harakah* diberi kebebasan. *Roket* ada. Cuma RTM dengan TV3 sahaja tidak ada. Ini lagi depa tak puas hati. Ini teknologi maklumat. Semua kaya-kaya, dalam parti Pembangkang apa kurangnya. Buat TV sendirilah! (*Ketawa*) Buat video banyak-banyak, tayang seluruh negara, "Made in Keratong" dan sebagainya. Buat sendiri. Kalau tak cukup duit, PAS selalu kutip derma dengan 'sumpit rokrak' kita panggil. (*Ketawa*) Sudah ceramah. bawa rata-rata tempat, derma! derma! derma! buatlah. Rakyat sekarang ini, oleh kerana kemakmuran ekonomi, kejayaan kerajaan, hampir sebahagian besar rakyat sudah ada televisyen dengan video. berilah. Yang lain semua sudah dapat.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, bersabit dengan Parlimen.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Habis benda yang penting saya hendak bercakap.

Yang akhir, Jabatan Perdana Menteri, B. 7. Ini saya minta kerana penting. Ini tugas rakyat. Saya benar nak cakap bab ini, 020600 — Ekonomi, Unit Penyelarasan, Jalan-jalan dan Jambatan.

Saya hendak minta, pertama, ditempat saya, Jabatan Perdana Menteri, saya hendak merujuk kepada Unit Perancang Ekonomi dengan Unit Penyelarasan. Pertama, di Kelantan kawasan saya ada jambatan sekarang ini, namanya Jambatan Salor dan Pasir Mas. Nasib baik jambatan ini Kerajaan Barisan Nasional buat dahulu. Jambatan Sultan Yahya Petra tiap-tiap tahun rosak, kerana sudah terlalu lama dibuat. Kalau tak ada jambatan di Pasir Mas, Salor saya tak boleh bayangkan rakyat di sebelah Pasir Mas, Tumpat, Rantau Panjang hendak pergi ke Kota Bharu. Cuma saya cadangkan satu, Jambatan Pasir Mas, Salor ditukar nama — susah orang hendak sebut. Sebab di Kelantan pun tidak ada lagi nama trade mark Bapa Malaysia. Kita sudah baru lancar Memorial Tunku Abdul Rahman. Walaupun Tunku pada hayatnya menyokong S.46, tetapi oleh kerana dia Bapa Malaysia, Perdana Menteri pun begitu menyanjung tinggi buka Memorial Tunku Abdul Rahman, saya hendak cadangkan jambatan di kawasan saya, Jambatan Pasir Mas Salor ditukar sebagai Jambatan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. (Tepuk)

Yang kedua, saya hendak cadangkan satu lagi jambatan dibuat untuk merentang sebelah Kelantan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat. . . . .

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ini hudud PAS tak jawab lagi, nama PAS Islam tak jawab lagi. Sedikit lagi, Tuan Pengerusi, sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Masa sudah suntuk, Yang Berhormat. Pukul 6.30 sekarang ini.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ya?

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Pukul 6.30.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Oh! 6.30, sambung esok ya. Terima kasih.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*